



واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN
XIII



MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN XIII

Diselenggarakan oleh
Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

1310

Diterbitkan oleh:
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
Jalan Hospital

Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

- Pengerusi : Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh
Setiausaha : Abdul Rahman bin Abdullah
Ahli : Haji Salleh bin Mohd. Akib
Abdullah bin Mohamed (Nakula)
Jazamuddin Baharuddin
Wakil Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Kelantan
Rekabentuk : Hassan Majid/Shahnan Abdullah

Cetakan Pertama 1994

© Hakcipta: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

874240

dicetak oleh

United Selangor Press Sdn. Bhd.

22 11 1997

11-
909-3121

Kandungan

- X PRAKATA
- XII PENDAHULUAN
- 1 PENGUBALAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM
DI KELANTAN
Abdul Kadir Haji Muhammad
- 20 HALAQAT KITAB DI MASJID MUHAMMADI
Abdul Razak Mahmud
- 33 MASYARAKAT MELAYU-CAM DAN KELANTAN
DILIHAT DARI SUDUT AGAMA
Mohamad Zain bin Musa
- 49 SATU ABAD MUFTI-MUFTI KERAJAAN KELANTAN
Ismail Che Daud
- 82 ASAAD SHUKRI DAN PERJUANGANNYA
Abdul Rahman Al-Ahmadi
- 115 PENGALAMAN PERTAMA SERANGAN JEPUN DI
KUALA PAK AMAT
Salleh Mohd. Akib
- 127 GAMBAR-GAMBAR WARISAN LAMA
- 137 BIODATA PENULIS

DIADUNG
TAMBAH
PENGARAH
PENGARAH
KOTA KUALA
KELANTAN

Prakata


BISMILLAAHI rRAHMAANI rRAHIIM

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya, maka Perbadanan Muzium Negeri Kelantan berjaya meneruskan penerbitan monograf tahunannya iaitu WARISAN KELANTAN bagi bilangannya yang Ke-13. Seperti kelazimannya, penerbitan kali inipun adalah bersempena dengan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Darulnaim.

Adalah diharapkan semoga karya-karya atau makalah-makalah yang disiarkan di dalam WARISAN KELANTAN bilangan Ke-13 ini akan terus memberi manfaatnya kepada para pembaca yang ingin mengetahui ataupun mendalami lagi pengetahuannya tentang aspek-aspek tertentu dari sejarah dan budaya yang berkaitan dengan negeri Kelantan dan masyarakatnya. Kepada para penyelidik diharapkan semoga rencana-rencana yang tersiar itu akan mencetuskan ilham dan mendorongkan mereka untuk membuat penyelidikan selanjutnya.

Akhir kata, saya sebagai Pengerusi dan juga bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta sebanyak-banyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi serta juga para penulis budiman yang berkenaan yang telah sudi memberi sumbangan mereka masing-masing dan dengan demikian bersama-sama pula turut menjayakan penerbitan WARISAN KELANTAN bilangan Ke-13, tahun 1994 ini.

Sekian, wassalam.



(HAJI MOHD. ROZALI B. ISOHAK)
Timbalan Menteri Besar Kelantan merangkap
Pengerusi,
Perbandanan Muzium Negeri Kelantan,
Kota Bharu,
Kelantan Darulnaim.

30 Julai 1994

The first part of the report discusses the current state of the world economy and the impact of the Asian financial crisis. It notes that the crisis has led to a sharp decline in global growth and has had significant implications for developing countries. The report also examines the role of international organizations in addressing the crisis and the need for coordinated action.

The second part of the report focuses on the impact of the crisis on the environment. It highlights the increased risk of environmental degradation and the need for stronger environmental protection measures. The report also discusses the role of the private sector in addressing environmental challenges and the need for greater transparency and accountability.

The third part of the report discusses the impact of the crisis on social development. It notes that the crisis has led to a significant increase in poverty and inequality and has had a negative impact on social services. The report also examines the role of international organizations in addressing social development challenges and the need for coordinated action.

The fourth part of the report discusses the impact of the crisis on the global financial system. It notes that the crisis has led to a loss of confidence in the global financial system and has had significant implications for international trade and investment. The report also examines the role of international organizations in addressing global financial system challenges and the need for coordinated action.

The fifth part of the report discusses the impact of the crisis on the global political system. It notes that the crisis has led to a loss of confidence in the global political system and has had significant implications for international relations. The report also examines the role of international organizations in addressing global political system challenges and the need for coordinated action.

The sixth part of the report discusses the impact of the crisis on the global cultural system. It notes that the crisis has led to a loss of confidence in the global cultural system and has had significant implications for international cultural exchange. The report also examines the role of international organizations in addressing global cultural system challenges and the need for coordinated action.

The seventh part of the report discusses the impact of the crisis on the global technological system. It notes that the crisis has led to a loss of confidence in the global technological system and has had significant implications for international technological exchange. The report also examines the role of international organizations in addressing global technological system challenges and the need for coordinated action.

The eighth part of the report discusses the impact of the crisis on the global energy system. It notes that the crisis has led to a loss of confidence in the global energy system and has had significant implications for international energy exchange. The report also examines the role of international organizations in addressing global energy system challenges and the need for coordinated action.

The ninth part of the report discusses the impact of the crisis on the global water system. It notes that the crisis has led to a loss of confidence in the global water system and has had significant implications for international water exchange. The report also examines the role of international organizations in addressing global water system challenges and the need for coordinated action.

The tenth part of the report discusses the impact of the crisis on the global food system. It notes that the crisis has led to a loss of confidence in the global food system and has had significant implications for international food exchange. The report also examines the role of international organizations in addressing global food system challenges and the need for coordinated action.

Jurnal Kejuruteraan 21 (2003) 111-115
(Makalah Seminar LAMMA 2003)
Makalah Kejuruteraan
Sif. Kejuruteraan
Makalah Kejuruteraan
Makalah Kejuruteraan
Makalah Kejuruteraan
Makalah Kejuruteraan
Makalah Kejuruteraan
Makalah Kejuruteraan
Makalah Kejuruteraan
Makalah Kejuruteraan

Pendahuluan

Bismillaahi rRahmaani rRahiim

Monograf 'Warisan Kelantan' bilangan Ke-13 yang diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bagi tahun 1994 ini sekali lagi menampilkan diri dengan mengemukakan enam makalah yang menarik.

Makalah pertama berjudul "Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam Di Kelantan" oleh Abdul Kadir Haji Muhammad, Pensyarah di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya yang pertama kalinya menyumbangkan makalahnya kepada WK. Kajian beliau menunjukkan bahawa sejak orang-orang Melayu memeluk agama Islam, ajaran Islam telah menjadi asas kepada setiap aspek kehidupan mereka baik yang berkaitan dengan urusan keduniaan mahupun urusan keakhiratan dan ini termasuklah juga urusan kekeluargaan. Undang-undang kekeluargaan Islam yang mencakupi urusan perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan sebagainya boleh dikatakan telah dilaksanakan di negeri Kelantan sejak rakyatnya menganut Islam iaitu kira-kira 500 tahun yang silam. Hanya selepas kedatangan British di Kelantan pada awal abad ke-20 Masihi, barulah diusahakan penggubalan secara rasmi, undang-undang keluarga Islam. Undang-undang Keluarga Islam negeri Kelantan Tahun 1983 merupakan kemuncak perkembangan undang-undang Keluarga Islam Kelantan yang bertujuan untuk mengatasi masalah yang timbul dalam institusi kekeluargaan Islam, khususnya dalam menyelesaikan perceraian yang berlaku dalam kalangan umat Islam di negeri Kelantan.

Makalah kedua berjudul "Halaqat Kitab di Masjid Muhammadi", sumbangan Abdul Razak Mahmud, Pegawai Pentadbir Hal Ehwal Agama Islam di Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan, memperkatakan tentang pengajian ilmu-ilmu tradisional Islam yang telah berjalan sejak dari zaman dahulu khususnya di Masjid Muhammadi Kota Bharu sebagai institusi pengajian agama Islam yang terpenting dan berpengaruh di negeri Kelantan di antara penghujung abad ke-19 Masihi hingga ke masa menjelang Perang Dunia Kedua (1939). Setelah Majlis Agama Islam Kelantan ditubuhkan

pada tahun 1915 maka kegiatan belajar dan mengajar (halaqat) di Masjid Besar Kota Bharu (selepas tahun 1925 di namakan Masjid Muhammadi) menjadi semakin rancak. Halaqat ini juga menjadi sangat dihormati dan diikuti ramai sehingga kepada tahun 1939 apabila ianya dipindahkan ke Jame' Merbau al-Ismaili (Sekolah Arab Jame'). Dengan itu boleh dikatakan berakhirh suatu tahap pengajian di masjid. Walau bagaimanapun kegiatan pengajaran agama di Masjid Muhammadi diteruskan dalam bentuk kuliah sama ada kuliah maghrib-isyak atau pun subuh pula.

"Masyarakat Melayu-Cam dan Kelantan Dilihat Dari Sudut Agama" ialah makalah ketiga, sumbangan Mohamad Zain bin Musa, Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Campa, sebuah Kerajaan Melayu yang pada satu masa dahulu pernah terletak di kawasan pesisir Vietnam Tengah dan Selatan sekarang, pernah wujud dari abad ke-2 hingga abad ke-19 Masihi. Dikatakan terdapat hubungan di antara orang Melayu-Cam (rakyat negeri Campa) dengan masyarakat Melayu lainnya, khususnya masyarakat Melayu Kelantan sejak dari zaman silam hingga kini. Hubungan Campa dengan Kelantan begitu rapat sehingga terjalin hubungan darah diraja di antara keduanya.

Makalah keempat ialah "Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan" oleh Ismail Che Daud, seorang penulis yang aktif dari Kota Bharu Kelantan. Beliau menulis mengenai mufti-mufti Kerajaan Kelantan dari tempoh akhir abad ke-19 Masihi hingga ke masa kini yang melibatkan seramai dua belas orang tokoh termasuk seorang pemangku mufti. Latarbelakang riwayat hidup dan pengajian mereka masing-masing amat menarik dan yang lebih menarik lagi ialah rumusan penulis tentang ragam data perbandingan di antara mufti-mufti tersebut seperti: yang paling muda dan paling tua memegang jawatan; yang paling lama dan yang paling singkat memegang jawatan; yang meninggal dunia dalam perkhidmatan; yang meninggal dunia secara mengejut; yang berkelulusan Mekah; yang berkelulusan Mesir; yang pandai berbahasa Cam (Kemboja); yang pandai berbahasa Inggeris; yang pandai mengarang buku; yang pakar dalam ilmu falaq; yang hafal al-Quran; yang pakar dalam ilmu tasawuf; yang mahir dalam seni silat; yang jadi 'controversial' kerana memihak kepada fahaman kaum muda; yang tidak disenangi oleh sultan dan kemudian disanjung oleh sultan berikutnya; mufti dua beradek; dan mufti lima bersahabat.

Makalah kelima berjudul "Asaad Shukri Dan Perjuangannya" oleh Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi yang memperkatakan tentang seorang tokoh Melayu Kelantan yang gigih dan cekal tetapi kurang dikenali oleh generasi muda masa kini. Tokoh ini ialah Asaad Shukri bin Haji Muda yang juga abang sebapa kepada Dato' Mohd. Asri bin Haji Muda, bekas pemimpin PAS, Menteri Besar Kelantan dan Menteri Tanah dan Galian Persekutuan. Beliau telah dilahirkan pada tahun 1905 di Kampung Masjid Kota Bharu dan meninggal dunia di Mekah pada tahun 1971 semasa berusia 66 tahun.

Semasa hayatnya Asaad Shukri pernah menjadi: pengasas 'Kelab Putera' (1929); penolong pengarang majalah 'Putera' (1929-1930); pengarang majalah 'Kenchana' (1930-1931); Yang Dipertua Persatuan Setiawan Belia (1931); Setiausaha Dewan Bahasa Melayu (1933); ahli Kesatuan Melayu Muda Cawangan Kelantan (1938); ahli Jawatankuasa Persatuan Melayu Kelantan (1939); ahli Jawatankuasa Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (1940); anggota sidang pengarang majalah 'Matahari' (1941-1942); Yang Dipertua Kesatuan Melayu Muda Cawangan Kelantan (1942); Yang Dipertua Partai Kebangsaan Melayu Malaya Cawangan Kelantan (1947); ahli Jawatankuasa Gabungan Melayu Patani Raya/Gempar (1948); Naib Yang Dipertua Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (1949); Pegawai Penyelidik Luar Dewan Bahasa dan Pustaka (1957-1958); dan Timbalan Yang Dipertua Badan Kebajikan Kebudayaan Kelantan (1968). Jelaslah Asaad Shukri bin Haji Muda seorang anak Melayu Kelantan yang serba boleh: seorang nasionalis Melayu dan pejuang tanah air yang tabah dan aktif; pengarang, ahli bahasa, sasterawan, sejarawan dan budayawan.

Makalah keenam atau terakhir ialah "Pengalaman Pertama Serangan Tentera Jepun Di Kuala Pak Amat" iaitu cerita lisan Pak Long bin Che Wil (Che Long bin Che Ismail) yang dikisahkan kepada Tuan Haji Salleh Mohd. Akib. Ceritanya bermula pada malam 7 Disember dan pagi 8 Disember 1941 di Kampung Pak Amat di Kawasan Sabak, Kota Bharu, Kelantan. Kira-kira pada jam 12 malam orang-orang kampung terkejut apabila askar-askar Panjab (sebenarnya askar-askar bangsa India di bawah pimpinan Pegawai-pegawai Inggeris yang ditempatkan di Kelantan pada masa itu) mengelilingi kampung memerintah orang memadamkan lampu di rumah mereka masing-masing sambil menyebut 'Jepun, Jepun!'. Pada jam 12.30 pagi (8 Disember 1941) orang-orang kampung di kawasan pantai nampak tiga buah kapal besar sedang berlabuh di laut berhadapan dengan kampung mereka iaitu Kampung Pak Amat. Kemudian mereka nampak pula lima buah kapal lagi iaitu kapal api mengiringi tiga buah kapal besar itu. Tiada lama lepas itu bermulalah tembak-menembak meriam dari kapal-kapal itu dan juga dari pantai. Pada masa itulah kelihatan askar-askar Jepun mula mendarat dengan menaiki motor bot-motor bot yang laju dan mereka lengkap dengan senjata termasuk juga sejumlah kuda. Pertempuran hebat telah berlaku di pantai Kuala Pak Amat dan Pantai Dasal Sabak yang berkawat duri tiga lapis dan berselang-seli dengan kubu-kubu batu di sepanjang pantai itu. Akhirnya askar-askar Jepun telah berjaya menawan lapangan terbang Pengkalan Chepa dan lepas itu mengerah orang-orang kampung menolong mereka membersihkan dan membaiki lapangan terbang itu untuk digunakan oleh kapal-kapal terbang Jepun pula.

Diharap semoga keenam makalah yang dihidangkan oleh Warisan Kelantan kali ini akan menambahkan pengetahuan serta memberi manfaat kepada para pembaca sekalian, khususnya peminat-peminat sejarah Kelantan.

Bagi pihak Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berbilang-banyak terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa di atas bantuan mereka dan kepada penulis-penulis yang telah sudi memberi sumbangan mereka masing-masing dan dengan itu ikut menjayakan penerbitan Warisan Kelantan bilangan ke-13 ini.

Sekian, Wassalam.

Dengan hormatnya,



(DATO' NIK MOHAMED BIN NIK MOHD. SALLEH)

Pengerusi,

Jawatankuasa Penerbitan dan Dokumentasi,
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kota Bharu,
Kelantan Darulnaim.

29 Julai 1994.

Penggubalan Undang-Undang Keluarga Islam di Kelantan

ABDUL KADIR HAJI MUHAMMAD

Pendahuluan

Semenjak orang-orang Melayu memeluk Islam tidak dinafikan ajaran Islam merupakan asas pengalaman dalam setiap aspek, baik perkara yang berakaitan dengan urusan keakhiratan mahupun keduniaan. Ini termasuklah dalam urusan kekeluargaan. Undang-undang Kekeluargaan Islam yang mencakupi urusan perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan sebagainya merupakan satu-satunya undang-undang yang dilaksana sepenuhnya baik sebelum dan selepas kedatangan British. Namun begitu dalam peringkat awal pengamalan sepenuhnya bergantung kepada undang-undang yang tidak digubal secara rasmi yang masih termaktub dalam kitab-kitab fiqah.

Keadaan ini berjalan secara berterusan sehinggalah kepada awal kurun ke-20 selepas kedatangan British barulah terdapat usaha-usaha ke arah penggubalan secara rasmi melalui Majlis Mesyuarat Negeri.

Bagaimanapun pada peringkat awal peruntukan hanya terhad kepada beberapa prosedur sahaja, seperti setiap perkahwinan dan perceraian itu wajib didaftarkan. Selepas itu barulah undang-undang substantif kekeluargaan Islam itu turut digubal secara rasmi dan berperingkat-peringkat sehinggalah pada tahun 1983 lahirlah satu Undang-Undang Keluarga Islam terlengkap di Kelantan. Undang-undang ini dikenali sebagai Undang-Undang Keluarga Islam 1983. Ia mencakupi berbagai peruntukan baik mengenai prosedur dan juga undang-undang substantif kekeluargaan Islam.

Sejarah Penggubalan Awal

Penggubalan secara rasmi mengenai urusan kekeluargaan orang-orang Islam di Kelantan ini hanya mula dapat dikesan selepas Kerajaan Siam melantik W.A. Graham sebagai Penasihat Kerajaan Kelantan. Perlantikan ini berasaskan perjanjian Anglo-Siamese Treaty yang ditandatangani bersama oleh Britain dan Siam pada tahun 1902.¹

Semasa Graham menjadi penasihat inilah berbagai siri perundangan yang berkaitan dengan urusan pentadbiran kekeluargaan orang-orang Islam mula ditemui. Bagaimanapun pada peringkat ini undang-undang itu hanya mengandungi beberapa peruntukan sahaja, khususnya perkara yang berkaitan dengan urusan pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam. Tujuannya ialah bagi mengemaskinikan urusan pentadbiran kekeluargaan dikalangan orang-orang Islam.

Ini dengan terlaksananya "Peraturan Perceraian 1325 (1907)" bertarikh 2 Rabiulawal 1325. Ia merupakan undang-undang pentadbiran keluarga Islam terawal yang dilulus secara rasmi di Kelantan. Bagaimanapun undang-undang tersebut belum lagi mewajibkan lagi peraturan tersebut.

Pada tahun 1909 satu lagi undang-undang telah diluluskan. Undang-undang ini dikenali dengan "Undang-undang orang-orang yang hendak bercerai laki-bini dan lain-lainnya, tahun 1237". Undang-undang No. 6/1327 (1909).²

Untuk mengemaskinikan lagi urusan perkahwinan dan perceraian di kalangan orang-orang Islam Kelantan, maka undang-undang tahun 1907 tadi dipinda pada tahun 1911 dan ia dikenali sebagai *An Enactment to provide for the Registration of Marriages and Divorces of Muhammadans*, No. 1/1911.³ Dengan terlaksananya enakmen ini, maka setiap perkahwinan dan perceraian itu mesti didaftarkan. Ini adalah satu langkah yang baik, kerana dengan mewajibkan pendaftaran, sudah tentu ia dapat mengelak kekeliruan atau keraguan yang mungkin akan timbul sekiranya perkahwinan dan perceraian itu tidak didaftarkan.

Mungkin wujud penyalahgunaan berpoligami yang diharuskan oleh Islam dikalangan orang-orang Islam, maka diperkenal pula satu undang-undang bagi mengawal salah laku orang-orang yang ingin berpoligami. Undang-undang tersebut dikenali sebagai "Notis

1 Ahmad Ibrahim. 'Perundangan Islam di Kelantan', dalam Seminar Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Kelantan (Julai 1971: Kota Bharu), hlm. 1.

2 Abdullah Alwi Haji Hassan. 'Development of Administration of Islamic Law in Kelantan' (M. Phil) 1979, hlm. vii.

3 *Ibid.*

Approved by 24 of 19 2011

STATE OF KELANTAN.

Enactment No. 1 of 1911.



An Enactment to provide for the Registration of Marriages and Divorces of Muhammadans.

(29th January, 1911.)



J. S. MASON,
British Adviser.



It is hereby enacted by His Highness the Raja in Council as follows:—

1. This Enactment may be cited as the "Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment, 1911," and shall come into force on the 1st day of April, 1911.

2. The provisions of this Enactment shall apply only to persons professing the Muhammadan religion.

3. (i) Within seven days of the celebration of any marriage the husband or "wali" of the wife, or the person duly authorised to perform the marriage ceremony, shall personally report such marriage to the Kathi or Imam of the district in which the ceremony took place. The Kathi or Imam if satisfied that the marriage is valid under Muhammadan law, shall thereupon issue certificate of marriage, one to the husband and one to the wife, in the form contained in schedule A hereto, on payment of a fee of fifty cents for such certificate, and if the report be made to a Kathi, the Kathi shall enter the particulars of the marriage in a register kept for that purpose in the form contained in schedule B hereto.

(ii) If the husband and wife shall signify their consent thereto, the Kathi or Imam shall issue certificates, one to the husband and one to the wife in the form prescribed in schedule C hereto, stating the minimum period of fulure to cohabit which shall constitute a valid ground of divorce and the Kathi or Imam shall cause the husband to make the pronouncement contained in the said form C prior to the issue of the said certificates.

4. Within seven days of divorce the husband or wife shall personally report such divorce to the Kathi or Imam of the district in which such divorce has taken place. On being satisfied that the divorce has been duly performed according to Muhammadan Law,

Enactment No. 1 of 1911
The Registration of Marriages and Divorces of Muhammadans.

Fasal Orang Islam Berkahandakan Berbini Dua, Tiga Atau Empat". Ia dikuatkuasakan melalui notis No. 15 Tahun 1914.⁴

Undang-undang tersebut memperuntukan bahawa sesiapa selain dari kerabat raja, yang ingin berkahwin lebih dari satu atau berpoligami, mesti terlebih dahulu membuat akuan bertulis di hadapan Kadi yang ia akan berlaku adil kepada semua isteri-isterinya dan sanggup menanggung nafkah-nafkah mereka. Mereka yang tidak mematuhi akuan tersebut boleh dikenakan denda RM100.00 atau dua bulan penjara. Orang yang hadir dan imam yang menjalankan akad nikah tanpa akuan tersebut boleh didenda RM200.00 atau penjara tiga bulan.⁵

Melalui peruntukan ini mula ternampak, bahawa undang-undang substantif kekeluargaan Islam yang termaktub dalam kitab-kitab fiqah itu mula dijadikan undang-undang secara rasmi oleh Majlis Mesyuarat Negeri. Adil dan mampu mengikut Hukum Syarak adalah sebagai pra-syarat bagi melayakan seseorang itu berpoligami. Ini sebagaimana dijelaskan oleh al-Quran "Sekiranya kamu tidak mampu berlaku adil hendaklah berkahwin seorang sahaja".⁶

Dengan terlaksananya undang-undang ini mahkamah mempunyai kuasa bagi mengenakan hukuman ke atas mereka yang melanggar syarat-syarat yang ditentukan oleh Syarak dan ini tentu dapat mengelak penganiayaan terhadap kaum perempuan. Mungkin kerana halangan tertentu, maka undang-undang tersebut tidak pernah dikuatkuasakan.⁷

Pada suatu masa dahulu Kelantan juga menjadi tumpuan orang-orang Islam dari India mencari rezeki. Pada kebiasaannya mereka datang berseorangan tanpa membawa isteri dan anak-anak. Sebagai memenuhi naluri, mereka berkahwin dengan wanita-wanita Kelantan dan ini ada kalanya wanita-wanita itu dianianya atau pun ditinggal begitu sahaja tanpa apa-apa nafkah atau sebagainya. Bagi mengelak perkara-perkara yang tidak diingini, maka diperkenalkan pula satu undang-undang yang disebut sebagai "**The Regulation of Marriage Between Kelantanese and Indians**". Undang-undang ini dikuatkuasakan pada tahun 1919.⁸

Gigih berkerja dalam mencari rezeki merupakan salah satu sifat semula jadi yang tertanam kuat di dalam diri wanita-wanita Kelantan. Mereka berusaha seiringan dengan suami untuk menambah pendapatan keluarga baik di sektor perniagaan atau pun pertanian. Hakikat

4 Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, hlm.1.

5 *Ibid.*

6 Surah al-Nisa, 3.

7 Ahmad Ibrahim, *op.cit.*, hlm. 1.

8 Abdullah Alwi Haji Hassan, *op.cit.*, viii.

No. (5)

PERWARI
NOTIS NO. 15/1914

FASAL ORANG ISLAM BERKAHANDAKKAN BERBINI DUA TIGA ATAU EMPAT

Bahawa-nya Duli Yang Mahamulia Sultan Muhammad Yang Keempat K.C.M.G. Yang Di-Pertuan Hegeri Kelantan serta ta'plok jaja-han-nya telah menaruh ter-aman dukachil-nya oleh sebab melihatkan setengah2 ra'ayat-nya saka berbini dua tiga empat orang dengan tiada melihatkan apa kejadi-an-nya yang akan datang oleh sebab itu Duli Yang Mahamulia Sultan di-dalam mesuarat pada hari ini telah saka mengeluarkan titah seperti yang tersebut di-bawah ini.

Itu-lah lepas daripada tarikh perwari notis ini.

I. Barang siapa yang telah ada satu atau dua atau tiga isteri apabila ia hendak berkahwin menasihatkan lagi isteri-nya hendaklah terlebih dahulu ia-nya membuat surat akuan serta mengemukakan sumpah di-Mahkamah Syariah menguak pada tentang mengundikan giliran-nya dan memberi nafkah (ia-itu belanja makan pakai) kepada isteri yang hendak di-kahwin itu dengan anaharapa kadar yang patut pada tiap2 sabulan dengan tilak dan timbangan mahkamah di-kecualikan suriat keturunan raja2 yang naik takhta Kerajaan Kelantan tiada-lah termasuk di-bawah notis ini setelah itu boleh-lah di-kahwin di-antara kedua-nya oleh siapa orang yang ada kuasa menikah maka orang yang telah membuat akuan yang semaham itu di-belakang hari apabila jadi perneluasan di-antara-nya dengan isteri-nya itu sampai ka-mahkamah apabila khabit dan terang ia-nya melongor surat akuan yang di-perbuat di-dalam mahkamah itu boleh-lah di-katakan denda atau loki-nya itu di-dalam aknt \$100/- atau dua bulan jail.

II. Sakira-nya sama2 atau lain-nya menikah akan orang yang semaham itu dengan tiada suriat akuan keterangan yang di-perbuat di-dalam mahkamah mengikut seperti yang tersebut di-atas itu boleh-lah da'awa juru nikah serta laki2 dan perempuan yang di-nikah itu apabila nyata kesalahan-nya boleh di-buktikan dengan denda di-dalam aknt \$200/- atau tiga bulan jail pada tiap2 se-orang yang beranlah itu demikian-lah ada-nya.

Telah di-tetapkan di-dalam mesuarat - pada ... haribulan
..... 1914.



Di-rumikan oleh: *[Signature]*
(HAJI ABDULLAH SULAIMAN)
PEMANTU ARKIB

15.2.1968

Notis No. 15/1914

Teks Undang-undang "Fasal Orang Islam Berkahandakkan Berbini Dua, Tiga atau Empat" yang dirumikan.

ini tidak dapat dinafikan. Kegiatan tersebut berterusan hingga ke hari ini. Ini jelas sebahagian besar pasar-pasar di Kelantan dimonopoli oleh kaum wanita.

Dengan itu tidak boleh dinafikan isteri memainkan peranan penting dalam mengumpul harta kekayaan dalam keluarga. Untuk mengelak berlakunya penganiayaan terhadap kaum wanita sekiranya berlaku perceraian, maka diwujudkan satu undang-undang mengenai harta sepencarian. Undang-undang ini dikenali sebagai **Muhammadan Division of Property Between Husband and Wife**. Ia dikuatkuasakan melalui perisytiharan No. 33 tahun 1919.⁹

Dengan adanya peruntukan ini Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk membahagi harta sepencarian yang diperolehi bersama semasa perkahwinan sekiranya berlakunya perceraian. Sungguhpun begitu pembahagian harta sepencarian ini tidak terhad kepada isteri-isteri yang berkerja sahaja, malah isteri yang tidak berkerja pun berhak mendapat bahagian dari harta yang diperolehi semasa perkahwinan. Ini kerana khidmat isteri terhadap suami merupakan sumbangan tenaga tidak secara langsung untuk membolehkan suami mendapat harta.

Bagi menghadapi suasana dan keadaan, undang-undang keluarga itu telah diperkemas dari semasa ke semasa. Tujuannya untuk mempertingkatkan lagi pentadbiran kekeluargaan orang-orang Islam. Bagi mencapai tujuan tersebut, maka telah digubal satu undang-undang keluarga Islam yang lebih lengkap dan sempurna pada tahun 1938. Undang-undang ini dikenali sebagai **The Moslem Marriage and Divorce Enactment, 1938**, Enakmen No. 22/1938. Dalam tahun ini juga digubal beberapa undang-undang lain tetapi tidak banyak melibatkan urusan kekeluargaan. Undang-undang itu ialah; "Undang-undang Jenayah Islam, No. 21/1938" dan juga "Undang-undang Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu No. 23/1938".

Bermula dari tahun 1938 inilah istilah "Moslem" mula digunakan bagi mengganti istilah "Muhammadan" yang selalu diguna pada undang-undang yang terdahulu, baik dalam undang-undang keluarga dan lainnya. Istilah baru ini adalah lebih tepat kerana perkataan "Muhammadan" secara tidak langsung memberi gambaran yang kurang tepat terhadap agama Islam. Istilah "Muhammadan" boleh diertikan agama Islam sebagai agama ciptaan Nabi Muhammad (S.A.W.). Sedangkan agama Islam bukannya ciptaan Nabi Muhammad, sebaliknya satu agama yang diturun oleh Allah melalui wahyu dan merupakan agama nabi-nabi yang terdahulu.

Undang-undang Kekeluargaan Islam No. 22/1938 ini mempunyai

⁹ *Ibid.*

GOVERNMENT OF KELANTAN.

The following Notification is, by command of His Highness the SULTAN, published for general information.

Kota Bharu.

16th August, 1938.

HASANAH BIN TENGKU ZAINAL ABIDIN.

State Secretary, Kelantan.

A. C. Baker,

British Adviser.



Enactment No. 21 of 1938.

THE MUHAMMADAN OFFENCES ENACTMENT.

1938.

It has pleased His Highness the Sultan in Council to enact as follows:

69

PART I

PRELIMINARY

1. (a) This Enactment may be cited as the Muhammadan Offences Enactment 1938 and shall come into force on the 16th day of August 1938.

Short title, commencement and repeal

(b) Upon the coming into force of this Enactment the Enactments, Notices and Notifications specified in Schedule I shall be repealed.

2. (a) Except where otherwise expressly provided, only persons professing the Moslem religion shall be subject to this Enactment and no sentence, judgment or order, whether of a civil or criminal nature shall, except as so expressly provided, shall be passed under this Enactment against or in favour of any person who is not a Moslem.

Applicability of the Enactment.

(b) All prosecutions under this Enactment shall be had before the Court of a Kathi or of the Chief Kathi.

3. In this Enactment

Interpretation.

Enactment No. 21 of 1938
The Muhammadan Offences Enactment 1938.

GOVERNMENT OF KELANTAN.

The following Notification is, by command of His Highness the SULTAN, published for general information.

Kota Bharu.
10th August, 1938.

HAMZAH BIN TENGKU ZAINAL ABIDIN,
State Secretary, Kelantan.

A. C. Baker,
British Adviser.

Seal of
H.H. the
Sultan

ENACTMENT No. 22 of 1938.

AN ENACTMENT TO PROVIDE FOR MATTERS IN CONNECTION WITH MARRIAGE AND DIVORCE OF MOSLEMS.

It is hereby enacted by His Highness the Sultan in Council as follows:—

1. (i) This Enactment may be cited as the Moslem Marriage and Divorce Enactment and shall come into force on the 1st day of October, 1938.

Short title,
commence-
ment and
repeal.

(ii) On the coming into force of this Enactment the Enactment, Notices and Notifications specified in Schedule I shall be repealed.

2. The provisions of this Enactment shall apply only to persons professing the Moslem religion.

Application.

3. In this Enactment

Inter-
pretation.

"anak muda" means a woman who has never been married.

"bujang" means a woman who has been married and whose husband is dead or who has been divorced and who has not remarried.

"Chief Kathi" means the Chief Kathi, Kelantan.

"Court" unless otherwise expressly stated means the Court of a Kathi or of the Chief Kathi.

"Kathi" means a Kathi appointed by His Highness the Sultan by Notification under the Courts Enactment and who has received a Tauliah and includes the Chief Kathi.

Enactment No. 22 of 1938
The Moslem Marriage and Divorce Enactment 1938.

sebanyak empat bahagian dengan tiga puluh peruntukan. Bahagian Pertama: permulaan, Kedua: mengenai perkahwinan, Ketiga: mengenai perceraian dan Keempat: am.

Dalam undang-undang ini, selain dari peruntukan-peruntukan yang melibatkan urusan pendaftaran perkahwinan dan perceraian, maka diperuntukan sama peruntukan-peruntukan yang melibatkan undang-undang substantif kekeluargaan Islam itu sendiri.

Pada bahagian pertama undang-undang ini diperjelaskan bidangkuasa dan pengertian beberapa istilah yang berkaitan dengan undang-undang tersebut.

Pada bahagian kedua, mengenai pelaksanaan aqad perkahwinan. Antara peruntutannya ialah sesuatu aqad nikah tidak boleh dilakukan oleh sesiapa tanpa tauliah.¹⁰ Peruntukan berikutnya setiap perkahwinan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat persetujuan pengantin dan wali, kecuali keengganan wali tanpa sebab yang munasabah, bolehlah dikahwinkan oleh wali hakim.¹¹ Kemudian diikuti dengan peruntukan setiap perkahwinan mesti didaftarkan dalam masa tujuh hari. Mereka yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan denda tidak lebih dari RM25.00 atau penjara tidak lebih dari satu bulan.¹² Dalam bahagian ini juga diperuntukan mengenai perkahwinan orang Kelantan dengan orang luar.¹³ Juga di peruntukan perkara yang berkaitan dengan rujuk.¹⁴ Lain-lain peruntukan ialah mengenai kesalahan memutuskan ikatan pertunangan,¹⁵ suami isteri yang bercerai tiga kali tidak boleh lagi berkahwin dengan suami yang asal, kecuali isteri telah berkahwin dengan orang lain dan diceraikan.¹⁶

Pada bahagian ketiga enakmen ini diperuntukan setiap perceraian mesti dilaporkan dalam masa tujuh hari bagi perceraian hidup dan empat puluh hari bagi perceraian mati. Juga mengenai permohonan cerai takliq, pembayaran mutaah, perlantikan hakim, mengenai perceraian fasakh dan tebus talaq juga diperuntukan dalam undang-undang ini.¹⁷

Dalam bahagian akhir ia memperuntukan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pendaftar dan kadi dalam menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan urusan perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam.

Melalui undang-undang No. 22/1938, jelas hukum-hukum

10 Kelantan, Moslim Marriage and Divorce Enactment, 1938, Sek. 4.

11 *Ibid.*, Sek. 5.

12 *Ibid.*, Sek. 8.

13 *Ibid.*, Sek. 11.

14 *Ibid.*, Sek. 12.

15 *Ibid.*, Sek. 13.

16 *Ibid.*, Sek. 14.

17 *Ibid.*, Sek. 16 - 20.

sabstantif kekeluargaan Islam telah diperuntukan dengan lebih banyak ke dalam undang-undang tersebut. Peruntukan sabstantif dalam undang-undang di atas antara lainnya, seseorang perempuan tidak boleh berkahwin tanpa persetujuan wali, kecuali tanpa sebab yang munasabah ia boleh dikahwinkan dengan Wali Raja. Jika berlaku perceraian tiga kali diantara suami isteri mereka tidak lagi boleh rujuk kecuali setelah berkahwin dan diceraikan tanpa paksaan dari mana-mana pihak.

Dengan terlaksananya undang-undang tersebut maka undang-undang yang berkuatkuasa sebelumnya termansuh. Ini termasuklah undang-undang, No. 1/1911 serta pindaannya tahun 1926 undang-undang No. 21/1917 serta pindaannya yang dibuat dalam tahun yang sama dan Notis No. 27/1919.

Penyatuan Ke Dalam Satu Undang-undang Yang Lebih Besar

Enakmen perkahwinan dan perceraian No. 22/1938 yang digubal secara berasingan dan yang dipakai beberapa lama akhirnya dimansuh setelah tergubalnya undang-undang baru pada tahun 1953 yang disebut sebagai "Undang-undang Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu dan Mahkamah Kadi", No. 1/1953. Selain dari memansuh undang-undang di atas undang-undang ini juga turut memansuh undang-undang No. 21/1938 dan juga undang-undang No. 23/1938.

Undang-undang tahun 1953 ini berlainan dengan bentuk undang-undang No. 22/1938. Undang-undang No. 22/1938 itu hanya memperuntukan perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan kekeluargaan sahaja manakala undang-undang tahun 1953 mencakupi berbagai peruntukan. Ini termasuklah peruntukan mengenai pentadbiran agama Islam dan juga mengenai undang-undang jenayah setakatmana yang diizinkan oleh Inggeris.

Keseluruhan enakmen 1953 ini mempunyai sebanyak sepuluh bahagian dengan 206 peruntukan. Aspek kekeluargaan diperuntukan dalam dua bahagian sahaja, iaitu dalam bahagian keenam dan ketujuh dengan 25 seksyen. Bahagian keenam mengenai perkahwinan dan perceraian dengan 18 seksyen iaitu dari seksyen 135-157, dan bahagian ketujuh mengenai nafkah dengan 7 seksyen, iaitu dari seksyen 158 hingga seksyen 164.

Lain-lain perkara mengenai urusan pentadbiran agama diperuntukan dalam bahagian-bahagian berikut. Mengenai pentadbiran Majlis diperuntukan dalam bahagian kedua, Mahkamah Syariah diperuntukan dalam bahagian ketiga, Kewangan dalam bahagian keempat, mengenai urusan masjid dalam bahagian kelima, Orang-orang masuk Islam diperuntukan dalam bahagian kelapan, manakala peruntukan

GOVERNMENT OF KELANTAN.

The following Notification, is by command of His Highness the SULTAN, published for general information.

Kota Bharu,
16th August, 1938.

HAMZAH BIN TENGGU ZAINAL ABIDIN,
State Secretary, Kelantan.

A. C. Baker,
British Adviser.



ENACTMENT No. 23 of 1938.

AN ENACTMENT TO REPEAL AND RE-ENACT
THE LAW RELATING TO THE MAJLIS UGAMA
ISLAM AND ISTIADAT MELAYU AND
RELIGIOUS FUNDS.

71.

It is hereby enacted by His Highness the SULTAN in Council as follows:—

1. (a) This Enactment may be cited as the Majlis Ugama Islam and Istiadat Melayu Enactment and shall come into force on the 1st day of October 1938.

Short title
commencement
and repeal.

(b) On the coming into force of this Enactment the Notices and Notifications set out in the First Schedule hereto shall be repealed.

2. In this Enactment
"Majlis" means the Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu appointed under section 3 of this Enactment by His Highness the Sultan.

Interpretation.

"wakaf 'am" means a dedication of property for religious or charitable purposes.

"wakaf khas" means a dedication of the capital of property for religious or charitable purposes, the income of the property being paid to persons or for purposes prescribed in the wakaf.

"nezr" means an expressed vow to do any act or dedicate property for any purpose allowed by the Hukom Shara'.

"zakat" means a tithe of the total crop of padi harvested over a certain amount, which is payable annually by every owner or occupier of padi land.

"fitrah" means an amount of one gantang of rice payable annually by every Moslem at the end of the month of Ramadhan: ~~to be used for religious purposes.~~

Enactment No. 23 of 1938

The Majlis Agama Islam and Istiadat Melayu Enactment 1938.

STATE OF KELANTAN

ENACTMENT No. 1 of 1953

I ASSENT

YAHYA PETRA,
Regent of Kelantan.

[16th May, 1953.]



An Enactment to amend the law relating to the Council of Religion and Malay Customary Law, the Kathis Courts, the constitution and organisation of religious Authorities and the regulation of religious affairs.

IT IS HEREBY ENACTED by His Highness the Sultan with the advice and consent of the Council of State:

PART I.
PRELIMINARY.

1. (i) This Enactment may be cited as the Council of Religion and Malay Custom and Kathis Courts Enactment, 1953, and shall come into force on such date as His Highness the Sultan may, by notification in the *Gazette*, appoint.

Short title and commencement.

(ii) His Highness may appoint different dates for the coming into force of different parts or sections of this Enactment.

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

Interpretation.

"*anak muda*" means a female who has never been married or had sexual intercourse;

"*anak mukim*" means the persons permanently or habitually resident in any *mukim masjid*;

"Chief Kathi" means the Chief Kathi, Kelantan;

"Court" means the Court of a Kathi or of the Chief Kathi;

"*eddah*" means the period within which a divorced woman or a widow is forbidden by Muhammadan law to remarry;

"*fitrah*" means the amount of rice payable under Muhammadan law annually by every Muslim at the end of the month of Ramadhan to be used for religious or charitable purposes recognized by Muhammadan law;

Enactment No. 1 of 1953

The Council of Religion and Malay Custom and Kathis Courts Enactment 1953.

mengenai kesalahan dalam bahagian kesembilan dan kesepuluh, am.

Dari peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam undang-undang 1953 itu ternyata, peruntukan mengenai kekeluargaan Islam dalam kedua-dua bahagian itu hanya diberi peruntukan yang sempit dengan hanya mempunyai sebanyak 25 peruntukan sahaja. Dengan jumlah peruntukan tersebut nyata banyak lagi aspek-aspek hukum sabstantif kekeluargaan Islam yang tidak diperuntukan secara rasmi melalui undang-undang.

Peruntukan-peruntukan mengenai undang-undang keluarga yang terdapat dalam undang-undang 1953 itu seterusnya dimansuhkan pula oleh "Undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Tahun 1966". Undang ini mengandungi sebanyak tujuh bahagian dengan 107 seksyen. Perkara mengenai undang-undang keluarga diperuntukan dalam bahagian tiga dan empat yang kedua-duanya merangkumi sebanyak 32 seksyen. Bahagian tiga mengenai perkahwinan dan perceraian yang mengandungi sebanyak 24 seksyen, iaitu bermula dari seksyen 58 hingga seksyen 81, manakala bahagian keempat mengenai nafqah orang-orang tanggungan mengandungi sebanyak 8 seksyen, iaitu bermula dari seksyen 82 hingga seksyen 88.

Dari sini nampaknya peruntukan mengenai urusan kekeluargaan orang-orang Islam yang terdapat dalam undang-undang tahun 1966 adalah mempunyai peruntukan yang lebih banyak jika dibandingkan dengan peruntukan yang terdapat dalam undang-undang tahun 1953. Namun demikian masih banyak lagi undang-undang sabstantif tidak diperuntukan secara rasmi ke dalam undang-undang tersebut. Dengan itu undang-undang tersebut perlu diperbaharui dan memperbanyakkan peruntukan sabstantif. Ini perlu untuk membantu para hakim-hakim di Mahkamah Syariah.

Undang-undang Keluarga Islam Kelantan, 1983

Akibat dari perkembangan yang berlaku maka timbul berbagai masalah sosial dalam institusi kekeluargaan umat Islam, khususnya di Kelantan dan amnya di Malaysia. Antaranya suami meninggalkan isteri dengan sewenang-wenangnya, berlaku pengabaian nafqah baik terhadap isteri dan anak, seterusnya berlaku pertikaian mengenai jagaan anak setelah berlaku perceraian dan lain-lain.

Bagi mengatasi masalah-masalah seperti di atas dan juga bagi mensekukan undang-undang keluarga antara negeri-negeri maka telah dibuat satu penggubalan yang lebih lengkap diperingkat Persekutuan. Tengku Malik dari pejabat Peguam Negara memainkan peranan penting dalam penggubalan tersebut.¹⁸

¹⁸ Ahmad Ibrahim. 'Undang-undang Keluarga Islam Yang Baru', dalam Seminar Perundangan Islam (1986: Kuala Lumpur), hlm. 1.



ساتو اوندغ ۲ اتوق مئادانن شرط ۲ باكي فرلميلگان سبواه محكمه شرعيه دان فراتوران ۲ باكي حال يغبيرسكوتن دغن فركارا ۲ نيكيه كهوين اورغ ۲ اسلام ددالم نكري كلتنن.

[]

دفيرويات اوندغ ۲ اين اوله بدان اوندائن نكري كلتنن سقرت دباوه اين:

1. اوندغ ۲ اين بوليله دكلركن اوندغ ۲ محكمه شرعيه دان حال احوال كلرن نركهوين اسلام تاهن 1966. دان هندفله برجانن قوانكواس فد تاريخ سبكيهان يشوله دنتوكن اوله دولي يشها مليا السلطان دغن جانن فرسياران ددالم ورت كراجان.

بهاكين I

فرمولان

2. ددالم اوندغ ۲ اين مليونن كندوننن بركهندقن معني يفلانين— قترين.

(1) "اوق دارا" معنان ستورغ فرمقوان يقبلوم برستويه سعاد سوده بركهوين اتو تيدق.

(2) "محكمه" معنان محكمه قاضي اتو محكمه قاضي بسر اتو فون جناعه فقاديلن.

(3) "عده" معنان تيمفوه دالمان ستورغ فرمقوان يغبيرجراي اتو يشماتي سوامين دتكه بركهوين اوله حكوم شرع، دان ترماسوق "عده فرستويه شبيهة".

(4) "كراجان" معنان كراجان نكري كلتنن.

(5) "هبوان" معنان بهاكين مان ۲ كفويان اتو كمقولن واغ يغ مفيكوت حكوم شرع بوله دسيمقن اوله سسياف سبكيه كوميشين اتو اوقاهن باكي فرخدمانن ۲ يغدلاكونن.

(6) "حكوم شرع" معنان سكقولن اوندغ ۲ يغدكندل دالم بهاس ائتكريس سبكيه اوندغ ۲ اوكام اسلام اتو اوندغ ۲ اسلام.

(7) "فرستويه يغبيرام" معنان فرستويه داننارا ستورغ للاكاي دغن فرمقوان يشبوكن استرين.

(8) "جندا" معنان ستورغ فرمقوان يغبوكن "اوق دارا" اتو بقتله برجراي درقد سوامين.

Draf asal undang-undang ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi mengkaji draf tersebut, maka Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri dari wakil kerajaan negeri, Jabatan Agama Islam, termasuk Timbalan Mufti, Kadi Besar dan dua orang pensyarah dari Fakulti Undang-undang Universiti Malay.¹⁹ Berdasarkan kepada draf asal dengan beberapa pindaan akhirnya draf itu telah dibenteng dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri yang kemudiannya dikenali sebagai "Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan, Tahun 1983", iaitu Undang-Undang No. 1 Tahun 1983.

Dengan terlaksananya undang-undang ini bererti termansuhlah segala peruntukan kekeluargaan yang terdapat dalam undang-undang tahun 1966.

Undang-undang 1983 ini merupakan kemuncak perkembangan undang-undang keluarga Islam Kelantan dalam menangani masalah yang timbul dalam institusi kekeluargaan Islam.

Negeri Kelantan merupakan negeri kedua yang mengemukakan draf undang-undang tersebut ke Dwan Undangan Negeri, manakala Kedah merupakan negeri pertama yang mengemukakan draf tersebut. Ia diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kedah pada tahun 1979. Bagaimanapun ia hanya baru diwartakan pada tahun 1984. Ini bererti Kelantan adalah negeri pertama yang melaksanakan undang-undang keluarga Islam yang lebih lengkap dan sempurna. Kemudian negeri-negeri lain turut menjadikan draf asal tadi sebagai undang-undang keluarga Islam bagi negeri masing-masing.

Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan tahun 1983 ini merangkumi sebanyak lapan bahagian dengan 129 peruntukan. Bahagian pertama pemulaan dengan lima seksyen, iaitu dari seksyen 1 hingga seksyen 5. Ia mengandungi, pengertian tajuk, pentafsiran istilah-istilah tertentu yang terdapat dalam undang-undang tersebut, bidang kuasa Mahkamah Sivil dan juga pemakaian undang-undang ini. Bahagian kedua, mengenai pentadbiran yang hanya mengandungi seksyen 6 sahaja. Antara lain mengenai perlantikan pendaftar perkahwinan, perceraian dan rujuk. Bahagian ketiga, mengenai pertunangan, bagaimana sesuatu perkahwinan itu boleh dilakukan dan acara pendaftaran perkahwinan. Bahagian ini mengandungi sebanyak 24 Seksyen, iaitu dari seksyen 7 hingga seksyen 30. Bahagian keempat, mengenai perceraian dan ia mengandungi sebanyak 16 seksyen, iaitu dari seksyen 31 hingga seksyen 46. Antara lain ia memperuntukan mengenai bagaimana sesuatu perceraian itu boleh berlaku, sama ada dengan lafaz talak, taklik, fasah, khul' dan sebagainya, kesalahan perceraian diluar Mahkamah, Mutaah dan sebagainya. Bahagian kelima mengenai nafkah

¹⁹ *Ibid.*

KELANTAN

ENAKMEN No. 1 tahun 1983

SAYA BERSETUJU,

(MOHOR
KERAJAAN)

ISMAIL PETRA,
Sultan Kelantan

14hb April 1983

Suatu Enakmen bagi menjelaskan, memperkemas dan mengkanunkan peruntukan-peruntukan Undang-undang Keluarga Islam dengan tujuan untuk menjadi lebih berkesan peruntukan-peruntukan mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan lain-lain perkara berhubung dengan kehidupan Keluarga Islam di Negeri ini.

[* 1 - 1 1984]
No. P. U. - 30/83

ADALAH DENGAN INI DIPERBUAT
UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan

penggantian
perkataan
"Sijil",
dengan
perkataan
"Perakuan".

2. Enakmen Keluarga Islam 1983 yang dalam Enakmen ini disebut "Enakmen ibu", adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Sijil" di mana jua ianya terdapat, dalam naskah Bahasa Malaysia dengan perkataan "Perakuan"

En. En. 4187
63
(Temp. 1-1-83)

pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui pemberitahu dalam

"Utusan Melayu"
kuatkuasa.

* Warta:

Dengan syarat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan melalui pemberitahu dalam Warta bagi mula

isteri, anak dan lain-lain yang merangkumi sebanyak 23 seksyen, iaitu dari seksyen 47 hingga seksyen 69. Bahagian keenam hadanah atau penjagaan anak dan ia merangkumi sebanyak 25 seksyen iaitu dari seksyen 70 hingga seksyen 94. Bahagian ketujuh, kesalahan-kesalahan, iaitu mengenai kesalahan pelanggaran terhadap seksyen-seksyen dalam undang-undang tersebut. Ia mengandungi sebanyak 18 seksyen, iaitu dari seksyen 95 hingga seksyen 112. Kelapan am mengandungi 17 seksyen iaitu dari seksyen 113 hingga seksyen 129. Ia mengandungi berbagai perkara yang tidak diperuntukan dalam bahagian-bahagian di atas.

Undang-undang 1983 boleh dikatakan telah memperuntukan sebahagian besar dari undang-undang substantif kekeluargaan Islam yang termaktub dalam kitab-kitab fiqah. Ini bererti ia dijadikan undang-undang secara rasmi melalui badan perundangan negeri.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas jelas Undang-undang 1983 ini adalah sebagai lanjutan kepada undang-undang yang mula-mula dibuat pada awal kurun ke-20. Ia adalah sebagai kemuncak kepada perkembangan undang-undang keluarga yang di gubal dari semasa ke semasa yang bertujuan bagi mengatasi masalah yang timbul dalam institusi kekeluargaan Islam, khususnya dalam menyelesaikan perceraian yang berlaku dikalangan umat Islam.

Nampaknya undang-undang ini telah berkesan dalam mengurangkan kadar perceraian yang berlaku di Kelantan. Ini jelas pada tahun 1980, iaitu sebelum enakmen baru dikuatkuasakan kadar perceraian berlaku sekitar 40%, tetapi pada tahun 1991 kadar perceraian hanya berlaku sekitar 14% sahaja.²⁰ Bagaimanapun undang-undang ini perlu dikemaskinikan dari semasa kesemasa bagi mengatasi perkara yang berlaku dalam institusi kekeluargaan Islam.

Bibliografi

- Abdullah Alwi Haji Hassan, "Development of Administration of Islamic Law in Kelantan" (M. Phill), University of Kent (U.K), 1979. (Tesis dan belum dicetak).
- Ahmad Ibrahim, "Perundangan Islam Di Kelantan" Kertas Kerja yang telah dibentangkan di Seminar Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan pada 20 - 21 Julai 1977 di Kota Bharu.
- Ahmad Ibrahim, "Undang-Undang Keluarga Islam Yang Baharu". Kertas Kerja yang telah dibentangkan di Seminar Perundangan Islam pada 24 Ogos 1986 di Kuala Lumpur.

20 Jurnal Syariah, Akademi Islam, bil. 2, hlm. 231.

- _____ "Peraturan Perceraian Tahun 1325" (1907), bertarikh 2 Rabiul Awwal, 1325. Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "Undang-Undang Orang-Orang Yang Hendak Bercerai Laki-Bini dan Lain-Lainnya, Tahun 1327" (1909), No. 6/1327. Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "An Enactment to Provide for the Registration of Marriage and Divorce of Muhammadans", No. 1/1911. Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "Notis Fasal Orang Islam Berkahendakan Berbini Dua, Tiga atau Empat", No. 15 Tahun 1914. Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "The Regulation of Marriage Between Kelantanese and Indians, 1919". Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "Muhammadan Division of Property Between Husband and Wife", No. 33 of 1919. Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "The Moslem Marriage and Divorce Enactment, 1938", No. 22 of 1938. Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "Undang-Undang Jenayah Islam, No. 21/1938". Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu, No. 23/1938". Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "Undang-Undang Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu dan Mahkamah Kadi" No. 1/1953.
- _____ "Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam Tahun 1966". Kerajaan Negeri Kelantan.
- _____ "Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan, Tahun 1983", No. 1/1983. Kerajaan Negeri Kelantan.

bin Abdul Samad, Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail (kemudian Dato'), Haji Yaakob bin Haji Ahmad (Haji Yaakob Lorong Gajah Mati), Haji Ali Salahuddin bin Awang (Pulau Pisang), Haji Saad bin Haji Daud (Haji Saad Kangkung) dan lain-lain pada dekad 1930-an. Hampir semua mereka-mereka ini terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kegiatan belajar dan mengajar di Masjid Besar dalam tempoh dua dekad ini.²

Perjalanan halaqat pada peringkat ini masih dalam bentuknya yang tradisional. *Penyata Majlis Tahun 1917* dalam hal ini menyebut perjalanannya "tidaklah seperti pelajaran yang di dalam madrasah pada pihak peraturannya kerana pelajaran itu umum mengikut siapa-siapa yang suka hendak menuntut ilmu di dalamnya itu dengan tidak disakatkan sama ada tua, muda dan kanak-kanak" (muka surat 56) dan "anak murid yang belajar atau menuntut di dalam masjid ini tidaklah tetap pada tiap-tiap seorang guru itu kerana jika giliran guru yang mengajar pada waktu pagi hadir ia pada waktu itu dan jika terkena pada giliran guru yang mengajar petang atau malam hadir ia pada guru itu dengan menadahkan kitabnya sebab masing-masing guru itu mengambil giliran yang tetap masanya tetapi didapati orang yang hadir belajar dan mendengar itu terlebih banyak pada waktu malam daripada siang hari kerana masing-masing itu mendapat masa yang luas sedikit pada waktu itu" (*sumber sama*, muka surat 56).

Terdapat sejumlah 139 orang murid dilaporkan mengikuti halaqat ini pada peringkat awal penubuhan Majlis. Mereka datang dari berbagai tempat dalam dan di luar negeri Kelantan. *Penyata Majlis tahun* yang sama menyebut mereka "kebanyakannya daripada orang darat dan anak negeri luar dari Perak, Kedah, Patani, Pahang, Pulau Pinang, Bugis dan Muar" (muka surat 57). Mereka dilaporkan tinggal di dalam "Pondok Masjid" yang dibangun dan diwakafkan oleh al-Marhum Sultan Mansur yang mangkat pada 8 Syawal 1318 Hijrah (muka surat 57). Beberapa kemudahan lain seperti minyak tanah, pelita, telaga dan tandas disediakan oleh Majlis.³

Seramai 8 orang guru telah dilantik oleh Majlis untuk mengajar dan membimbing halaqat ini. Mereka ialah 6 orang guru kitab (Tok Kenali, Haji Wan Hassan bin Haji Awang, Haji Wan Daud Khatib, Haji Idris Haji Hassan, Haji Pak Cik Musa Abdul Rahman dan Haji Ibrahim

2 Kalaupun mereka tidak mengajar di masjid, tetapi mereka ada mengajar di rumah-rumah atau di madrasah-madrasah mereka sendiri yang berdekatan dengan masjid seperti Haji Daud Hussin mengajar di Kampung Menuang, Haji Wan Musa di Jalan Merbau dan Haji Ahmad Manan di Kubang Pasu. Murid-murid "Pondok Masjid" (begini mereka dikenali) kerap kali mengikuti halaqat guru-guru ini pada waktu-waktu luang atau secara bergilir-gilir dengan halaqat utama mereka di Masjid Besar.

3 Dalam *Penyata Majlis Tahun 1920* misalnya ada tersebut Majlis telah membangunkan sebuah jamban dan memperbaiki rumah dapur yang sedia ada bagi faedah kanak-kanak yang belajar di pondok masjid (hlm. 3).

bin Haji Yusof (Haji Ibrahim Tok Raja) dan dua orang guru Quran (Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Abdul Kadir (Imam Masjid Besar) dan Haji Ahmad Hafiz). Angka seperti ini kekal sehingga awal tahun 1920.

Patut disebut bahawa pengawasan ke atas perjalanan halaqat ini terletak di bawah tadbiran Nazir Madrasah al-Muhammadiyah al-Kelantaniah dan menjadi sebahagian daripada cawangan sekolah berkenaan oleh kerana "semua belanja yang berkenaan di dalamnya itu dalam tanggungan madrasah sama ada gaji guru-gurunya atau lain-lainnya" (*Penyata Majlis Tahun 1917*, muka surat 56).

Guru-Guru Dan Teks Kitab Pada Peringkat Awal

Walaupun *Penyata Majlis Tahun 1917* ada menyenaraikan nama-nama guru halaqat pada peringkat awal serta jumlah pelajar yang mengikutinya, tetapi penyata yang sama tidak menyebut nama-nama kitab yang dipakai bagi menjadi teks pengajian pada peringkat ini. Maklumat ini bagaimanapun dapat diperolehi dalam *Penyata Majlis tahun berikutnya, 1918*, yang mencatatkan butiran maklumat ini dengan detail sejak Majlis mula mengambil alih pentadbiran halaqat ini. Di bawah ini saya peturunkan maklumat ini menurut pecahan guru-gurunya:

1. Tok Kenali: Beliau disebut sebagai "ketuaan guru masjid yang berkenaan dengan pelajaran daripada kitab-kitab jawi dan Arab dan ialah yang memerhatikan yang berkenaan dengan pelajaran itu dan bagi pelajaran di dalam masjid itu ianya sendiri menanggung mengajar seperti lain-lain guru..." (*Penyata Majlis Tahun 1918*, muka surat 24). Beliau dilaporkan mengajar dua bidang ilmu: Nahu (*Syuzur* dan *Ibnu Aqil*) dan fiqh (*Bajuri* dan *Iqna'*).
2. Haji Wan Hassan bin Haji Awang: Mengajar kitab-kitab fiqh Jawi (*Wishah al-Afrah*, *Munyat al-Musali* dan *Matla' al-Badarain*), juga kitab-kitab nahu dalam bahasa Arab seperti *Syeikh Khalid* dan *Mutamimah*.
3. Haji Pak Cik Musa Abdul Rahman: Mengajar ilmu nahu Arab berdasarkan kitab-kitab *Qatr al-Nada*, *Mutamimah*, *Azhariah*, *Matan Ujrumiah* dan *Syarah Awamil*, ilmu saraf (*Matan Maqsud*) dan ilmu fiqh (*Ibnu Qasim*, *Fath al-Qarib*, *Kashf al-Litham* dan *Sullam al-Mubtadi*).
4. Haji Wan Daud Khatib: Mengajar usuluddin (*Umdat al-Murid* dan *Durr al-Thamin*) dan fiqh (*Matla' al-Badrain* dan *Sabil al-Muhtadin*).
5. Haji Idris Haji Hassan: Mengajar nahu Arab (*Syeikh Khalid*, *Uthmawi* dan *Azhariah*), tafsir (*Tafsir al-Quran al-Karim*), tasauf (*Siyar al-Salikin*) dan fiqh (*Fath al-Muin* dan *al-Iqna'*).

6. Haji Ibrahim Haji Yusuf: Beliau dilaporkan bercuti ke Mekah selama 12 bulan mulai 17 Julai 1918. Tempat beliau digantikan oleh Haji Wan Abdul Rahman bin Haji Wan Daud. Tidak ada maklumat mengenai pengajaran kedua-dua beliau dicatat.

Sementara itu “kelas” al-Quran tetap berjalan dengan dua orang gurunya, Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Abdul Kadir dan Haji Ahmad Hafiz. Kedua-duanya mengajar orang mengaji secara “membalik” menurut ilmu bacaan dan hukum tajwidnya sekali. Haji Wan Mahmud mengajar dalam dua sidang, pagi dan petang; pagi mulai jam 7.00 hingga 10.00 dan petang mulai jam 12.30 hingga 3.30 petang, sementara Haji Ahmad Hafiz pula mengajar dalam satu sidang sahaja iaitu pada waktu pagi, mulai jam 7.00 hingga jam 12.30 tengahari. Tidak ada maklumat mengenai nama-nama kitab yang dipakai bagi menjadi teks di *Kelas Quran* ini (*Penyata Majlis Tahun 1918*, muka surat 26-28).

Pada tahun 1920 halaqat ini berjalan seperti biasa tanpa sebarang perubahan dilaporkan berlaku. Pada awal tahun berikutnya (1921), seorang guru halaqat, Haji Idris Haji Hassan, dilantik jadi Mufti Kerajaan Negeri Kelantan dan tempatnya digantikan oleh “Haji Nik Pa”. Anehnya pengganti beliau ini tidak mengisi kekosongan yang ditinggalkannya sebagai guru halaqat, akan tetapi dilantik sebagai “tambahan” kepada dua orang guru Quran yang telah sedia ada. Dengan demikian guru halaqat berkurangan kepada 5 orang dengan seorang pendatang baru yang dicatat bernama “Lebai Yaakob” menggantikan tempat Haji Ibrahim Haji Yusof. Beberapa judul kitab dimasukkan menjadi teks baru menggantikan judul-judul lama yang telah “khatam” sebelumnya. Antaranya ialah *Mughni al-Muktaj* (Tok Kenali), *Idhah al-Lubab* (Haji Wan Daud Khatib), *Mukhtasar Syarah Mutamimah* dan *Tashil* (Pak Cik Musa) dan *Bahjah al-Mardiah* dan *Bidayah al-Hidayah* (Haji Wan Hassan). Pendatang baru, Lebai Yaakob pula dilaporkan mengajar kitab-kitab *Sittin*, *Kifayat al-Awam*, *Minhaj*, *Ashmuni*, *Tahrir* dan *Kifayat al Azkiaa'* (*Penyata Majlis Tahun 1920* tanpa muka surat).

Halaqat Kitab Dalam Dekat 1920-an

Tidak banyak maklumat dapat dikutip mengenai perjalanan halaqat pada sepanjang dekad ini. Hampir keseluruhan penyata Majlis selama dekad ini tidak menyebut keadaan dan perjalanan halaqat ini dengan detail sebagaimana dalam penyata-penyata tahun sebelumnya. Dalam *Penyata Majlis Tahun 1921* misalnya, perihal perjalanan halaqat ini dilaporkan dalam satu para sahaja, itupun ditulis bersekali di bawah tajuk “Pelajaran” – tidak di bawah tajuk

khass “Pelajaran di Masjid Besar” seperti sebelumnya. Dilaporkan dalam tahun ini bahawa “Pelajaran Quran dan kitab-kitab di Masjid Besar Kota Bharu itu di bawah jagaan 10 orang guru” dan bilangan pelajarnya “amatlah berkurangan... disebabkan oleh beberapa banyak daripada mereka itu terpaksa meninggalkan pengajian kerana kesusahan tentang perbelanjaan iaitu satu daripada ridat-ridat kejatuhan harga getah dan timah dan kejatuhan lain-lain perniagaan...” (muka surat 8 dan 9). Sementara dalam penyata-penyata tahun selepasnya pula, iaitu antara 1922 hingga 1930, walaupun laporan mengenainya diletakkan di bawah tajuk khusus “Pelajaran Quran dan Kitab di Masjid Besar”, akan tetapi maklumat mengenainya tidak lebih dari satu para kecil sepanjang antara 3 hingga 5 baris ayat sahaja. *Penyata Majlis Tahun 1922* misalnya menyebutkan “maka pekerjaan mengajar Quran dan kitab-kitab agama di Masjid Kota Bharu itu di dalam tahun ini telah dijalankan mengikut bagaimana kebiasaan juga, iaitu di bawah jagaan 10 orang guru” (muka surat 6). Laporan seperti ayat ini, kecuali dengan perbezaan bilangan guru, diulang-ulang pada penyata-penyata tahun berikutnya; *Penyata Tahun 1923* (muka surat 6), 1924, (muka surat 6), 1925 (muka surat 8), 1926 (muka surat 6), 1927 (muka surat 9), 1928 (muka surat 7), 1929 (muka surat 8) dan 1930 (muka surat 7).

Tiada sebarang maklumat mengenai nama-nama guru diberi dalam penyata-penyata dekad 1920-an ini. Juga tidak disebut ialah bilangan pelajar dan teks-teks kitab yang dipakai. Walau bagaimanapun, ada satu hal yang jelas dapat diikuti dalam penyata-penyata ini, iaitu mengenai bilangan guru-gurunya yang didapati semakin berkurangan dari tahun ke tahun. Daripada angka 10 orang yang dilaporkan dalam *Penyata Majlis Tahun 1921*, angka ini didapati berkurangan kepada 4 orang pada tahun 1924 dan hanya 3 orang pada tahun 1926. Angka terakhir ini kekal sehingga penghujung dekad berkenaan (1930).

Dekad 1930-an

Beberapa perubahan dilaporkan berlaku pada dekad 1930-an ini. Perubahan yang paling ketara ialah pada bilangan guru-guru yang didapati bertambah kepada 8 orang (*Penyata Majlis Tahun 1930* muka surat 10). Selain dari itu ada disebutkan bahawa “satu peraturan secara pelajaran yang berkemajuan telah diaturkan oleh pejabat Pelajaran Majlis dan telah dipersetujukan oleh Duli Yang Maha...” (muka surat 10), bagi dilaksanakan di halaqat pengajian ini. “Peraturan” baru ini dijangka akan menyebabkan perjalanan halaqat jadi berbeza daripada perjalanan sebelumnya yang pernah disifatkan sebagai “pelajaran di masjid itu nampaknya samalah

juga kemajuannya dengan pelajaran di madrasah orang-orang alim yang di dalam kampung-kampung itu dan tidak diadakan seperti peraturan di sekolah-sekolah itu" (*Penyata Majlis Tahun 1930* muka surat 7). Walau bagaimanapun Majlis nampaknya menyedari akan kesan-kesan negatif yang mungkin timbul daripada pelajar dan orang ramai akibat daripada pelaksanaan "peraturan" baru ini. Dalam hal ini *Penyata Majlis* tahun yang sama siang-siang meramalkan "maka tentulah perubahan adat kebiasaan ini akan menerbitkan keluh kesah orang yang tiada mengetahui dengan sebenarnya kehendak-kehendak peredaran alam dan tuntutan hak kesempurnaan" (muka surat 10).

Tidak jelas apakah bentuk "peraturan" atau sistem baru yang hendak dilaksanakan ini. Keterangan mengenai perkara ini tidak ditunjukkan dalam penyata-penyata Majlis tahun 1931 dan 1932. Bagaimanapun, berdasarkan sumber-sumber lain, adalah difahamkan bahawa "peraturan" baru ini merujuk kepada perubahan sistem dan kurikulum pelajaran agama yang berjalan di masjid selama ini. Peraturan ini diperkenalkan bagi maksud memperbaiki sistem halaqat yang sedia ada yang berjalan secara tradisi seperti perjalanan halaqat di "madrasah orang-orang alim" yang lain. Perancangannya dibuat di peringkat Majlis berikutan daripada diwujudkan jawatan "Penolong Ketua Pelajaran" di Pejabat Pelajaran Majlis pada tahun 1931 (*Penyata Majlis Tahun 1931*, muka surat 9).⁴

Sehubungan dengan perkara ini, sebuah buku kecil atau risalah bertajuk "Ringkasan dan Peraturan Peredaran" telah dicetak dan diterbitkan oleh Majlis pada 19 April 1932. Risalah setebal 20 muka ini antara lain mengandungi butir-butir lengkap mengenai cadangan pelaksanaan sistem baru ini di Masjid Muhammadi (nama baru selepas dirasmikan pada 31 Julai 1931), mata pelajaran-mata pelajaran yang diajar, teks-teks yang diperakukan, jumlah jam belajar, peringkat-peringkat pengajian dan lain-lain. Pada muka hadapan risalah ini tercatat kalimat-kalimat: "dikeluarkan dan diaturkan dia dengan titah perintah Duli Yang Maha Mulia Maulana al-Muazam al-Sultan Ismail" (lihat salinan foto).

Sistem baru halaqat yang dicadangkan ini mengambil masa 12 tahun untuk dihabiskan. Ia terbahagi kepada tiga peringkat dengan

4 Tidak dinyatakan penjawat jawatan ini dalam *Penyata Majlis* tahun berkenaan, akan tetapi saya berat berpendapat bahawa pegawai yang baru dilantik ini ialah Haji Ahmad Maher bin Ismail (kemudiannya Dato' Mufti Kerajaan Negeri Kelantan bagi tempoh 1945 hingga 1968). Pendapat ini di buat berdasarkan rekod kerja beliau di Pejabat Majlis yang bermula pada 1 Julai 1931 sebagai "Nazir Pelajaran" dan kemudiannya mulai Januari 1934 sebagai "Ketua Pelajaran". Adalah dipercayai bahawa jawatan "Nazir Pelajaran" yang ditunjukkan dalam rekod adalah bersamaan dengan jawatan "Penolong Ketua Pelajaran" yang disebut dalam *Penyata Majlis Tahun 1931*. Kalau ini benar, maka tidak syak lagi bahawa beliau adalah "perancang" yang berdiri di belakang semua pembaharuan ini.

زنگنه

فرایوان دان فرایوان

باکی فلاخرن مسجد محمدی

کوٹ بہارو کلکتہ

دارالنعیم

ذکوار دان دانور کنڈی

دعقن ننتہ فرخہ دولی بغھا ملیا مولانا المعظم

السلطان اسمعیل

دیارو فنداغن مجلس اوکام اسلام

دان استعادة ملايو کلکتہ

حرف نونام

فدہ 18 ویدی الحجہ 1351ھ ترسیمان دعقن 19 افریل 1982م

حرف نامتفہ مجلس اوکام اسلام کلکتہ

Risalah "Peraturan dan Peredaran" yang mengandungi cadangan kurikulum baru bagi Halaqat Masjid Muhammadi, Kota Bharu yang gagal dilaksanakan.

setiap peringkat mengambil masa 4 tahun. Pada setiap peringkat ditetapkan mata pelajaran-mata pelajaran yang wajib diikuti, kekerapannya dalam seminggu serta kitab-kitab teks yang dicadangkan. Bagi menjimatkan ruangan, saya tidak bercadang untuk menjelaskan kurikulum baru ini di sini.⁵

Dalam pada itu, di tengah-tengah kesungguhan memulakan sebuah sistem baru seperti ini, bilangan guru halaqat dilaporkan berkurangan kepada 7 orang pada tahun 1932 (6 orang guru kitab dan seorang guru Quran). Pada tahun berikutnya bilangan ini menjadi lebih kecil lagi – 4 orang – berikutan langkah berjimat yang diambil oleh Majlis dalam zaman meleset itu (*Penyata Majlis Tahun 1933*, muka surat 8). Sebenarnya adalah agak sulit untuk dimengerti kenapakah pada waktu sistem baru ini hendak diperkenalkan, Majlis tiba-tiba didapati mengurangkan tenaga guru-gurunya pula. Sepatutnya, kalau pun tenaga ini tidak dapat ditambah, bilangan tenaga yang sedia ada dapat dipertahankan. Beberapa tahun kemudian, 1937, angka ini tinggal dua orang sahaja apabila seorang guru telah berhenti dan seorang yang lain bercuti naik haji ke Mekah (*Penyata Majlis Tahun 1937*, muka surat 8).

Sementara itu, sesuai dengan kekurangan tenaga pengajar ini, dalam jangka masa yang sama juga terjadi kemerosotan angka bilangan pelajar yang mengikuti halaqat ini. Daripada jumlah 311 orang pelajar pada tahun 1931, angka ini berkurang kepada 197 orang pada 1932 dan 258 pada tahun 1933.⁶ Pada akhir tahun 1934 angka ini bertambah kepada 279 tetapi mendadak jatuh pada akhir 1935 kepada 179 orang. Angka terakhir ini pula terus merosot dari tahun ke tahun sehingga apabila halaqat ini dipindahkan ke Jame' Merbau al-Ismaili pada 1 Jun 1939, bilangan pelajar yang tinggal hanyalah seramai 80 orang sahaja (*Penyata Majlis Tahun 1939*, muka surat 10). Selain dari rakyat negeri Kelantan, pelajar-pelajar ini dilaporkan datang dari berbagai tempat di alam Melayu seperti Sumatera, Patani, Bangkok, Kemboja dan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Pada satu waktu, bilangan pelajar dari luar Kelantan didapati lebih ramai daripada bilangan pelajar dari dalam negeri Kelantan sendiri. Keadaan seperti ini terjadi pada tahun 1934 apabila daripada sejumlah 279 orang pelajar yang ada, 172 orang daripadanya adalah terdiri daripada "anak-anak luar" (*Penyata Majlis Tahun 1934*, muka surat 8).

5 Pembaca yang berminat untuk melihat cadangan sistem baru ini secara terperinci sila lihat tulisan saya "Masjid Muhammadi 1867 - 1987" dalam *Pengasuh* bilangan 490 (Disember 1987) hlm. 19 - 27.

6 Angka ini ialah angka pelajar yang berdaftar sahaja, tidak termasuk "pendengar" yang hadir tanpa kitab pada setiap kali guru mengajar yang jumlahnya dianggarkan ratusan orang juga.

Sistem Baru Halaqat Tidak Terlaksana

■ Dalam tulisan saya "Masjid Muhammadi 1867-1987" (*Pengasuh Bil. 490*, halaman 19-27) ada saya sebut mengenai ketidakpastian saya sama ada garis "peraturan dan peredaran" sebagaimana yang dicadangkan dalam risalah berkenaan telah terlaksana sepenuhnya atau tidak. Pada waktu tulisan di atas saya sediakan lapan tahun dahulu, saya belum berkesempatan menyemak "Penyata Tahunan Majlis" sejak awal ditubuhkan. Sekarang, apabila peluang ini diperolehi, saya sukacita menjelaskan bahawa setelah menganalisa laporan-laporan mengenai, saya menyimpulkan bahawa cadangan sistem baru halaqat sebagaimana di dalam risalah berkenaan tidak sempat dilaksanakan. Penyata-penyata tahunan Majlis sejak 1933 hingga 1939 mencatatkan dengan jelas akan ketidakupayaan Majlis dan para pegawainya melaksanakan sistem baru ini. *Penyata Majlis Tahun 1933* misalnya sekadar menyebut "sebuah peraturan atau undang-undangnya yang telah disah itu adalah diharapkan kemajuannya bertambah jika perjalanannya dapat dipandu oleh cadangan itu dengan sebenarnya" (muka surat 9). Dua tahun kemudian, *Penyata Majlis Tahun 1935* masih lagi melaporkan dalam nada yang lebih kurang sama, "adapun pada pihak kemajuannya bolehlah dikatakan sama juga seperti pelajaran-pelajaran yang diadakan di madrasah dalam kampung-kampung juga kerana peraturan-peraturan yang telah disediakan itu tidak dapat dijalankan dengan sepenuh oleh nazirnya itu" (muka surat 8).

■ Tidaklah dapat hendak dipastikan kenapakah "peraturan" baru ini tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Mungkinkah "sistem" ini terlalu ke hadapan (advance) dengan dinisbahkan kepada zamannya? Atau mungkinkah kerana Majlis sendiri kekurangan pegawai dan tenaga bagi mempastikan sistem ini terlaksana? Apapun kemungkinannya, namun satu hal yang jelas dapat dilihat ialah Majlis sendiri merasa kecewa dengan kegagalan ini. Bayangan kekecewaan ini ketara dalam *Penyata Majlis Tahun 1935* yang melaporkan "telah beberapa kali nazirnya mencuba hendak menjalankan peraturan baru sebagaimana yang diterangkan dalam penyata tahun lalu akan tetapi tidak juga berhasil maksud itu kerana guru-gurunya masih suka memegang dengan peraturan lama juga..." (muka surat 9).

■ Keadaan seperti ini berterusan sehinggalah apabila halaqat ini dipindahkan ke Jame' Merbau al-Isma'ili pada tarikh yang dinyatakan di atas. Rasa kecewa Majlis kerana kegagalan ini lebih ketara lagi pada *Penyata Majlis Tahun 1937* yang menyebut "selagi tidak boleh dijalankan dengan cukup peraturannya tidaklah ada harapan akan bertambah-tambah pelajaran di Masjid itu" (muka surat 8). Pada tahun terakhir halaqat ini beroperasi di Masjid Muhammadi - 1938

— gambaran mengenai kemajuannya ditulis begini: “maka kemajuan pelajaran di masjid itu samalah seperti pelajaran yang diadakan di madrasah-madrasah kampung juga” (*Penyata Majlis Tahun 1938*, muka surat 9).

Dalam *Penyata Majlis Tahun 1939*, tajuk kecil “Pelajaran Kitab dan Quran di Masjid Muhammadi” digantikan dengan tajuk “Pelajaran agama di Masjid Muhammadi itu dipindah ke Jame’ Merbau al-Isma’ili” (muka surat 9). Sementara dalam *Penyata Majlis Tahun 1940* pula, tajuk kecil ini sekali lagi berubah nama, kali ini kepada “Pelajaran agama di Jame’ Merbau al-Isma’ili” pula (muka surat 10). Dengan tidak adanya laporan-laporan halaqat masjid ini dalam *Penyata Majlis Tahun 1939* dan selepasnya, maka bolehlah dianggap bahawa suatu tirai zaman dalam sejarah pengajian di Masjid Muhammadi yang bermula sejak penghujung abad ke-19 telah dilabuhkan.

Guru-Guru Dan Murid-Murid

Sangatlah mendukacitakan apabila penyata-penyata Majlis selama dekad 1920-an dan awal 1930-an tidak menyebut nama-nama guru yang menjadi tenaga pengajar di masjid ini. Selain dari nama-nama yang dapat dikutip melalui penyata-penyata awal Majlis tahun 1917 dan 1918 sebagaimana yang dapat dilihat pada awal tulisan ini, maka nama-nama guru yang lain sukar dikesan. Walaupun penyata-penyata Majlis tahun selepasnya ada menyebut bilangan guru yang bertambah atau berkurang, juga yang berhenti atau meninggal dunia, akan tetapi penyata-penyata ini tidak “menyebut” nama-nama mereka.

Namun demikian, dari sumber-sumber lain yang dapat dipercayai, dan sebagai tambahan kepada nama-nama yang telah sedia ada, terdapat tiga buah nama lagi yang menyertai kerabat kerja sebagai “tenaga pengajar” di Masjid Muhammadi ini pada dekad 1930-an. Mereka ialah Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail sendiri (selaku Nazir Pelajaran dan kemudiannya “Ketua Pelajaran”) yang mengajar ilmu-ilmu Istiarah, Mantiq, Hadith, Balaghah dan Handasah, Haji Saad bin Haji Daud (Haji Saad Kangkung) dan Haji Yaakob bin Haji Ahmad (Lorong Gajah Mati). Selain dari itu beberapa nama lain juga dipercayai pernah menjadi guru halaqat ini, antaranya ialah Haji Yaakob bin Ismail (Haji Yaakob Legor), Haji Ali Salahuddin bin Awang (Haji Ali Pulau Pisang), dan Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad (sebelum beliau mendirikan pondoknya

⁷ Saya berpendapat Haji Wan Ali Kutan (Pengaruh *al-Jauhar al-Mauhub*) tidak sempat mengajar di Masjid Besar Kota Bharu. Beliau yang dilahirkan di Kampung Kutan, Pasir Pekan telah menetap di Mekah sejak kecil lagi. Kegiatannya mengajar dan mengarang semuanya berlangsung di kota suci itu sehinggalah apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1913. Kepulungannya sekali sekala ke Kelantan tidak memungkinkannya menjadi tenaga pengajar utama di masjid berkenaan. Dalam hal ini, papan kenyataan di hadapan Masjid Muhammadi sekarang yang menyatakan bahawa Haji Wan Ali Kutan pernah mengajar di Masjid ini patut disemak semula.

sendiri di Bunut Payung).⁷

Walaupun halaqat ini ditakdirkan gagal melaksanakan “pembaharuan” seperti yang dicadangkan, tetapi atas perjalanannya dalam bentuk “tradisi”, ia telah berjaya melahirkan ramai ulama dan cerdik pandai Islam yang kemudiannya muncul menjadi tokoh-tokoh yang terkemuka pada zamannya pula. Antaranya (sekadar menyebut beberapa nama) ialah Haji Yaakob Legor sendiri, Syeikh Idris al-Marbawi, Haji Abdullah Bunut Sarang Burung, Haji Bahauddin (asal Sumatera), Haji Mokhtar Haji Ismail (Perlis), Dato’ Haji Abdul Rahim (Mufti Kerajaan Johor), Dato’ Haji Hassan Yunus (Menteri Besar Johor), Lebai Said Kampung Besut (Tumpat), Haji Hassan Hafiz (Mufti Melaka), Haji Wan Ahmad Wan Ali, Haji Hussin (Umbai, Melaka), Haji Abdul Wahid Sungai Udang (Melaka), Haji Bidin Dungun, Tuan Guru Ismail Abdul Rahman (Sungai Bayur, Selama), Haji Abdullah Abas Nasution (Jitra, Kedah), Tuan Guru Haji Hussin Langgar, (Kedah), Dato’ Haji Wan Ismail (Majlis Agama Islam Yala, Selatan Thai), Haji Abdul Jalil Sungai Udarng, Dato’ Haji Ismail Yusof (Mufti Kerajaan Kelantan), Haji Ahmad Hutan Palas, Haji Tahir Parit Buntar, Haji Abdul Latif Alor Keladi (Besut), Haji Othman Perlis (Bukit Besar, Kedah), Haji Mat Tok Kelaba, Tok Guru Mat Melaka, Dato’ Haji Ahmad Ismail (Pengarang *al-Hikmah*), Haji Daud Bukit Abal, Haji Wan Latif (Jertih), Haji Nik Daud (Pondok Lama Tanah Merah), Haji Othman Musa Chicha Tinggi, Haji Abdul Ghani (Kubang Bemban, Pasir Mas), Haji Ismail (Dendang), Haji Awang Beta (Tumpat), Haji Hamzah Gertak Lembu (mengajar di Muar, Johor), Haji Hassan Lampung, Haji Yaakob Haji Hassan (bekas Pegawai Agama Majlis) dan lain-lain.⁸

Penutup

Apabila halaqat ini dipindahkan ke Jame Merbau al-Ismaili pada penghujung dekad 1930-an, maka suatu tahap pengajian di masjid telah berakhir. Namun begitu, bolehlah disebut bahawa kegiatan pengajaran agama di Masjid Muhammadi ini tidak pernah sunyi. Ia kemudiannya diteruskan dalam bentuk apa yang dikenali sekarang dengan nama “kuliah”, sama ada kuliah subuh atau maghrib-isyak pula. Beberapa orang ulama Kelantan yang muncul lebih kemudian — dekad 40-an dan 50-an dan yang tinggal di sekitar bandar Kota Bharu seperti Haji Nik Abdul Rahman bin Nik Yaakob Khatib, Haji Ismail bin Haji Abdul Hamid Pontianak, Haji Abdul Rahman Sungai Budor, Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim (kemudiannya Mufti Kerajaan Negeri Kelantan) dan lain-

⁸ Dipetik daripada Ismail Che Daud “60 tahun Masjid Muhammadi” dalam *Peristiwa* bilangan 20 (1 Ogos 1991) hlm. 39 (dengan tambahan).

lain pernah terlibat dengan kuliah-kuliah ini, di samping Haji Yaakob Lorong Gajah Mati, Haji Ali Salahuddin Pulau Pisang dan Haji Yaakob Legor yang masih meneruskan kegiatan mereka sehingga ke zaman selepas perang dan sebelum merdeka. Di samping itu kelas al-Quran berjalan terus dengan guru-guru yang dilantik dan digaji tetap oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Dengan tersiarnya tulisan ini, beberapa kekeliruan dan salah fakta dalam tulisan awal saya "Masjid Muhammadi 1867-1987" *Pengasuh* bilangan 490, Disember 1987 dahulu, dengan ini dinyatakan diperbetulkan.

Bibliografi

- _____ Notis Masjid dan Surau Enakmen (Notis Bil: 10, Tahun 1916).
- Abdul Razak Mahmud, 1978, "Masjid Muhammadi 1867 - 1987" dalam "Pengasuh" bil: 490, Dis. 1987.
- Ismail Che Daud, 1991, "60 Tahun Masjid Muhammadi" dalam "Peristiwa" bil: 20, 1 Ogos 1991.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1917.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1918.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1920.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1921.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1922.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1923.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1924.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1925.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1926.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1927.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1928.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1929.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1930.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1931.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1932.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1933.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1934.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1937.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1935.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1938.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1939.
- _____ Penyata Majlis Tahun 1940.
- _____ Ringkasan Peraturan dan Peredaran bagi pelajaran Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan Darulnaim, Matbaah Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu, 1932.

Masyarakat Melayu-Cam dan Kelantan Dilihat dari Sudut Agama

MOHAMAD ZAIN BIN MUSA

Campa, sebuah Kerajaan Melayu yang menerima pengaruh Hindu, telah wujud dari abad ke-II hingga abad ke-XIX Masihi dan terletak di pantai Vietnam Tengah.¹ Salah satu sebab keruntuhan Kerajaan ini ialah akibat daripada pergerakan orang-orang Viet ke Selatan yang dikenali sebagai Nam Tien.² Pada masa ini hanya bukti-bukti peninggalan arkeologi³ yang dijumpai di bumi yang satu ketika dahulu amat masyhur sekali. Sebahagian daripada rakyatnya masih lagi menetap di bumi Campa yang sekarang ini dikenali sebagai negara Vietnam dan sebahagiannya pula telah meninggalkan tanah air mereka, untuk hidup di tempat-tempat lain. Satu lagi kelompok rakyatnya iaitu orang Melayu-Cam tinggal di bahagian tengah Vietnam sekarang yang meliputi wilayah-wilayah Tay Ninh, Chau Doc, Ho Chi Minhville dan seluruh negeri Kemboja.⁴ Perlu dinyatakan di sini bahawa terdapat juga orang-orang Melayu yang dikenali sebagai Melayu atau *Chvea* yang datang dari Patani, Semenanjung Tanah Melayu dan dari kepulauan Melayu seperti pulau Jawa and Sumatera (orang Minangkabau)⁵ yang telah menjadi satu masyarakat yang homogenous dengan orang Melayu-Cam. Kedua-dua

1 Bagi Sejarah Kerajaan Campa, lihat G. Coedes, *Les Etats Hindouises di'Indochine et d'Indonesie*, Paris, 1964; Po Dharma 1987 and 1988.

2 Lihat G. Maspero, *Le Royaume de Champa*, Paris, 1928; *Sejarah dan Budaya Campa*, Abdul Rahman Al-Ahamdi (Edt.), Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988.

3 Lihat Lunet de la Jonquiere E. 1901; Parmentier H. 1909 dan 1918.

4 Lihat P.-B. Lafont 1964, Po Dharma 1981 and Mohamad Zain bin Musa 1991.

5 M. Ner 1941, hlm. 151 - 152, 174.

masyarakat ini yang tidak lagi boleh dibezakan kerana amalan dan adat resam mereka adalah sama. Mereka ini diberi nama Melayu oleh Perancis yang masa itu menjajah Indochina (Vietnam, Kemboja dan Laos). Sejak kejatuhan Indochina ke tangan komunis pada tahun 1975, sebahagian daripada orang-orang Cam ini telah meninggalkan kampung halaman mereka untuk bermastautin di negeri-negeri di Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan juga Malaysia.

Beberapa buah buku dan makalah telah dihasilkan sejak awal abad ke-XX oleh sarjana Perancis seperti A. Cabaton, M. Ner, P. Rondot⁶ mengenai agama Islam yang diamalkan oleh orang Cam. Dan sejak tahun 1960-an, P.B. Lafont, Po Dharma, Bernard Gay dan Mak Phoeun⁷ telah menerbitkan beberapa hasil penyelidikan baru mereka tentang orang Melayu-Cam ini. Makalah ini cuba memperlihatkan bagaimanakah hubungan mereka dengan masyarakat Melayu khususnya masyarakat Melayu Kelantan dalam konteks agama Islam sejak awal hingga kini.

Melalui kesah-kesah pengembara-pengembara Arab, legenda-legenda orang Cam dan Khmer serta babad-babad Vietnam dan Cina, kita dapat ketahui bagaimana dan bila Islam telah sampai ke Semenanjung Indochina.⁸ Terdapat dua hipotesis mengenai perkara ini. Satunya ialah ajaran Islam itu disampaikan kepada orang-orang Indochina melalui pedagang-pedagang Arab dan Farsi semasa penyebaran Islam yang besar (great expansion of Islam) yang berlaku di seluruh dunia pada abad ke-X - XII Masihi; keduanya ialah Islam dibawa masuk ke Indochina oleh orang-orang Melayu yang merantau ke wilayah itu pada abad ke-XIV - XVI, Masihi.

Orang-orang Arab telah lama mengenali Indochina kerana mereka telah berhubung dengan orang-orang India, Melayu dan Cina sejak dari abad ke-VII Masihi lagi. Ini terbukti apabila I-tsing yang sangat warak dan hendak mempelajari agama Buddha di India telah meminta pertolongan daripada orang *Ta-she*⁹ pada tahun 671 A.D. Pada tahun 758 terdapat ramai orang Arab dan Farsi yang kuat pengaruhnya di Canton sehingga mereka boleh membakar bandar itu. Pada abad ke-IX, di Khan-fou, mereka telah merusuh sehinggalah 120,000 orang termasuk orang-orang Kristian serta mereka sendiri terbunuh. Dengan kekuatan seperti itu sudah pasti mereka tidak mengabaikan Semenanjung Indochina. Pada abad ke-IX, Aboul

6 Terbitan mereka adalah seperti Cabaton 1906, 1907; Ner 1941; Rondot 1949, 1950.

7 Terbitan mereka adalah seperti Lafont 1964, 1988; B. Gay 1988, 'Vue nouvelle sur la composition ethnique du Campa' in *Actes de Seminaire sur le Campa, organise a l'Universiti de copenhague, 23 mai 1987*, Paris, h. 49 - 58.

8 Cabaton, Antoine 1906, hlm. 29.

9 *Ta-she* ialah istilah yang merujuk kepada orang Arab yang diberikan oleh orang Cina pada abad ke-VII Masihi. Cabaton, Antoine 1906, hlm. 30 n.l.

Feda dan Edrisi ada menceritakan tentang negeri *Senf*,¹⁰ yang terletak di timur *Comar*.¹¹ Kedua-dua buah negeri itu amat kaya dengan kayu gahru, iaitu sejenis kayu yang sangat digemari oleh orang Arab. Berikutan itu juga iaitu pada tahun 987, satu utusan dari Panduranga, sebuah negeri dalam Kerajaan Campa,¹² telah bertemu dengan satu utusan Arab di istana Maharaja China.

Terdapat banyak lagi bukti yang disebut di dalam babad-babad Sung, yang menunjukkan bahawa agama Islam telah sampai ke Campa dizaman Dinasti Sung (960-1280), misalnya mereka membaca *A-lo-ho-lei-pa*. iaitu *Allahu Akbar* sebelum menyembelih kerbau untuk sesuatu pemujaan.¹³ Dalam satu petikan lain pula ada disebutkan bahawa "adat resam dan pakaian orang Cam serupa dengan yang terdapat di Kerajaan *Ta-chi*".¹⁴ Oleh itu dipercayai bahawa Islam dibawa masuk ke Indochina pada abad ke-XI oleh pedagang Arab dan Farsi¹⁵ dan mereka juga memperkenalkan agama ini ke kepulauan Melayu pada masa yang sama. Tetapi secara perbandingan, perkembangan Islam di Campa adalah lebih cepat jika dibandingkan dengan perkembangan yang berlaku di Kepulauan Melayu. Ini terbukti daripada peninggalan sejarah yang bersifat Islam yang terdapat di Campa.

Bukti-bukti ini disokong lagi oleh manuskrip-manuskrip Cam yang dikaji oleh Po Dharm,¹⁶ yang telah menunjukkan bahawa raja pertama Campa yang digelar *Po Uvalvah* atau *Po Ovlah* (Seigneur Allah) telah memerintah di *Sri Banay* selama 37 tahun (1000 - 1036).¹⁷ Dengan menggelarkan raja pertamanya dengan nama Allah orang Campa mencuba mempertingkatkan taraf raja-rajanya. Kedua-dua sumber ini, iaitu China dan Cam, menerangkan bahawa kemasukkan Islam ke Campa iaitu Indochina telah berlaku pada lebih kurang abad ke-X atau XI. G.E. Marrison telah mengatakan bahawa tahun 1039 adalah tarikh kemasukkan Islam ke Campa.¹⁸

Cabaton dalam makalahnya yang bertajuk "Indochine", telah mengatakan bahawa, mengikut M. van Ronkel (*Tijdschr. v. Ind. Taal-Land-en Volkenk.*, 1914 hlm. 131) oleh kerana perkataan

10 *Senf* merujuk kepada Kerajaan Campa (Cabaton, Antoine 1906, hlm. 31).

11 *Comar* adalah Kerajaan Kamboja (Cabaton, Antoine 1906, hlm. 31).

12 Campa merupakan sebuah persekutuan yang terdiri daripada negeri Amaravati, Indrapura, Vijaya, Kauthara and Panduranga.

13 Dinasti Sung memerintah Cina dari 960 hingga 1280. Terdapat 18 maharaja dalam dinasti ini; maharaja yang terakhir dikalahkan oleh Kubilai. (Larousse Encyclopedique en Couleurs, 1988, s.v. Song).

14 M. Huber, *Bulletin de l'Ecole Francaise d'Extreme-Orient*, 1903, hlm. 55.

15 Nik Mohamed Nik Mohd Salleh 1985, hlm. 97.

16 Lihat Po Dharm 1978.

17 *Ibid.*, 1978, hlm.

18 G.E. Marrison 1985, hlm. 60.

*leber*¹⁹ itu berasal daripada perkataan Tamil yang bererti pedagang Islam yang digunakan secara meluas oleh orang Muslim di Indochina, ini menguatkan teori yang mengatakan bahawa Islam dibawa masuk ke Indochina dan Indonesia melalui orang India.²⁰ Walau bagaimanapun dengan beberapa bukti yang telah disebutkan di atas boleh dipercayai bahawa Islam diperkenalkan di Indochina pada abad ke-XI oleh orang Arab dan Farsi.

Walaupun bagaimanapun amalan agama Islam di kalangan orang Melayu-Cam di Indochina tidak begitu kuat kerana mereka terlibat dengan peperangan dari abad ke-X hingga XV di mana Kota Vijaya telah dikalahkan dan diduduki oleh orang Viet buat selamalamanya. Kejatuhan Vijaya ini menyebabkan ramai orang Cam berpindah ke Kemboja.²¹ Oleh itu, boleh dikatakan bahawa Islam di Indochina mungkin pupus jika tiada kedatangan pedagang-pedagang Melayu ke sana sejak abad ke-XIV.²² Orang-orang Melayu ini sangat warak dan bersemangat dalam penyebaran Islam. Di Kemboja orang-orang Cam yang mengadakan hubungan secara terus dengan orang Melayu khususnya orang Melayu Kelantan, mengambil berat tentang kesucian agama Islam jika dibandingkan dengan orang *Bani*. Mereka menghantar anak-anak mereka ke Kelantan untuk menuntut ilmu mengenai agama Islam.²³ Menurut sumber tempatan Campa,²⁴ masyarakat Melayu merupakan satu masyarakat yang besar di Indochina antara abad ke-XVI dan XIX. Mereka dikenali sebagai orang *Jawa*.²⁵

Tiba sahaja di Indochina orang-orang Melayu dan Cam ini bergaul, hidup bersama dan menjadi satu masyarakat yang seragam disebabkan mereka datang daripada rumpun Melayu-Polinesia yang sama.²⁶ G.E. Marrison pernah menyatakan bahawa "Orang Cam bersaudara dengan orang Melayu dan Sejarah telah membuka peluang menemukan kedua-dua kumpulan ini dengan pelbagai cara".²⁷

Dua faktor atau sebab utama yang memainkan peranan dalam menyatupadukan kedua-dua kelompok rakyat ini ialah bangsa dan agama. Hubungan antara orang Cam dan Melayu kekal berterusan. Perkahwinan antara mereka, bukan sahaja melibatkan rakyat jelata, malah antara raja-raja Campa dan puteri-puteri Melayu.²⁸

19 *Infra*.

20 *Encyclopedie de l'Islam* 1920, hlm. 540.

21 Lihat Mohammad Zain Musa 1991.

22 *Ibid*.

23 M. Ner 1941, hlm. 152.

24 Lihat Collectif 1984.

25 Istilah *Jawa* ini digunakan untuk orang-orang dari Kepulauan Melayu yang berbahasa Melayu bukannya orang Jawa sekarang.

26 A. Cabaton 1907, hlm. 130.

27 G.E. Marrison 1951, hlm. 90.

28 *Jawa* merupakan sebuah kerajaan dan bukan Pulau Jawa yang dipanggil *Yava* atau *Yavadvipa* pada zaman itu (Finot L. 1903, hlm. 641; Peliot P. 1904, hlm. 287 - 289). Perkataan *Chvea*, seperti

Hubungan antara orang Melayu-Cam dan Kelantan dalam bidang agama Islam telah lama wujud. Seorang putera Campa yang kemudiannya menjadi raja Po Rome (1627-1651) pernah datang ke Kelantan untuk mempelajari agama suci ini. Baginda kemudiannya berkahwin dengan seorang puteri raja Kelantan. Keturunan baginda berdua telah menjadi pewaris takhta Kerajaan Negeri Kelantan sekarang.²⁹ Pada abad ke-XIX, seorang yang terkenal dalam sejarah orang Cam yang bernama Katip Sumat³⁰ yang dilahirkan di Kemboja pernah datang ke Kelantan untuk tujuan mendalami hukum-hukum Islam.³¹ Beliau merupakan seorang Cam yang plung/pintar yang telah mengaturkan satu gerakan Islam di Campa pada tahun 1833-34 untuk menentang pemerintahan raja Vietnam Minh Menh. Selain daripada orang-orang yang termasyhur itu terdapat ramai lagi orang Melayu-Cam yang berterusan datang ke Malaysia khususnya ke Kelantan untuk menuntut atau mempelajari agama Islam atau berdagang.

Di kalangan orang Cam Islam di Indochina terdapat dua kumpulan orang *Islam Bani* dan *Islam murni*.³² Kebanyakan orang Islam *Bani* dapat dijumpai di daerah-daerah Ninh-thuan dan Binh-thuan di Vietnam dan satu masyarakat kecil sahaja di O Russei di Kemboja. Masyarakat Cam Islam lain berkampung di tempat-tempat lain (lihat peta) di Vietnam dan Kemboja. Orang *Islam murni* di Kemboja terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan orang *Trima* dan kumpulan orang *Kaboul*.³³ Kumpulan orang Trima terdiri daripada lebih kurang satu pertiga daripada keseluruhan orang Islam³⁴ di Kemboja. Mereka mengamalkan Islam yang murni. Mereka lebih terbuka kepada semua perubahan dalam semua bidang. Amalan kumpulan kedua atau kumpulan orang Kaboul adalah kurang murni. Mereka kurang terbuka kepada perubahan dan lebih bersifat tradisional.

Akan tetapi sejak kedatangan dua orang Cam pada penghujung

yang disebut dalam dokumen-dikumen Khmer adalah untuk merujuk juga kepada orang-orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu. (M. Ner 1941, hlm. 152; Mak Pheoun 1988, hlm. 85).

29. Lihat Abdullah Mohamed (Nakula) 1981, Po Dharma 1989.


30. Mengenai sejarah perjuangan Katip Sumat lihat Po Dharma 1987 jil. I, hlm. 139 - 150; Po Dharma 1989; Mohamad Zain Musa 1992; Mohamad Zain Musa 1993.

31. Po Dharma 1987(I), hlm. 142, dan Po Dharma 1989, hlm. 80.

32. Mengenai orang *Islam Bani* dan orang Islam lain di Indochina serta amalan mereka lihat Mohamad Zain Musa 1994. Bilangan mereka pada penghujung abad ke-XIX adalah lebih kurang 10,000 Bani di Vietnam dan 60,000 di Kemboja (E. Aymonier 1890, p. 145).

33. M. Ner 1941, hlm. 169; Po Dharma 1982, hlm. 104. Dari perbualan saya dengan beberapa orang Cam yang sekarang tinggal di Malaysia didapati bahawa kumpulan orang *Terima* merujuk kepada orang *Chvea* atau *Jawa* yang merupakan orang Melayu, manakala orang *Kaboul* merujuk kepada orang yang berasal dari Kabul, Afganistan, Pakistan atau Arab (Perbualan dengan Haji Mohd Salleh bin Abdullah, 60, tahun, bermastautin di Melaka dan Haji Nik Sulaiman bin Haji Wan Nor, 48 tahun, bermastautin di Parit Buntar, Perak).

34. Bilangan ini diperhatikan oleh Po Dharma antara tahun 1968 dan 1972 (Po Dharma 1982, hlm. 103) daripada jumlah keseluruhan 150,000 - 200,000 orang (Po Dharma 1981, hlm. 161).



(Sumber: L. Finot 1988, hlm. 126)

Peta menunjukkan distribusi orang Melayu-Cam di Kamboja dan Vietnam Selatan pada tahun 1975

tahun 1940-an dan pada awal tahun 1950-an, iaitu Imam Musa dan Imam Ahmad India, orang-orang Islam di Kemboja telah terpecah kepada dua kumpulan besar yang dikenali sebagai *Kaum Muda* dan *Kaum Tua*.³⁵ Imam Musa berkelulusan dari Kelantan. Imam Ahmad dikenali sebagai *Ahmad India* kerana beliau mendapat ijazah sarjana dari India setelah menamatkan pelajarannya di Kelantan. Beliau juga merupakan orang pertama di kalangan orang Cam yang ber-

35 Che Husna Azhari 1993, hlm. 27 - 28, Nik Mohamed Nik Mohd Salleh 1985, hlm. 95 - 120. Perbincangan tentang kefahaman dan amalan Kaum Muda dan Kaum Tua ini mejangkau skop penulisan ini.

kelulusan Sarjana. Satu perkembangan yang lain ialah kesemua orang Islam di Kemboja diberi nama baru iaitu orang *Khmer-Islam*³⁶ pada tahun 1954 oleh Raja Norodom Sihanouk.

Di kalangan orang Cam Islam ini, mereka yang berada di Kemboja lebih maju dalam pengetahuan Islam mereka jika dibandingkan dengan orang *Bani* atau Orang Cam Islam di Vietnam. Keadaan ini disebabkan orang *Bani* masih berpegang teguh kepada adat resam mereka dengan menolak pengaruh moral Vietnam. Mereka merupakan "satu masyarakat yang telah dimusnahkan oleh orang Viet tanpa mengubah sifatnya".³⁷ Banci tahun 1905 yang dibuat oleh Perancis telah menunjukkan bahawa bilangan orang Islam di Indochina berjumlah 230,000 orang daripada 12 juta orang di Indochina.³⁸ Pada tahun 1940, semua orang Melayu dan Cam dipanggil orang "Melayu" oleh pemerintah protektorat Perancis.³⁹ Selepas tarikh itu tidak pernah terdapat sebarang banci rasmi yang memberi bilangan jumlah orang Islam di Indochina. Banci tahun 1964 di Kemboja tidak menyebut pecahan mengikut agama kerana seperti diketahui orang Melayu-Cam dianggap sebagai orang Khmer.

Setelah tamat pelajarannya di Kota Bharu, Imam Musa⁴⁰ kembali ke kampungnya di Phum Ampil, Krauch Chmar dalam propinsi Kompong Cam pada tahun 1948/49. Pada awal tahun 1950-an beliau telah mula memperkenalkan fahaman baru ajaran Islam. Dari titik itulah wujudnya satu ideologi serta kumpulan baru yang dikenali sebagai *Kaum Muda*.⁴¹ Bilangan pengikutnya telah bertambah secara perlahan-lahan. Sehingga tahun 1970 apabila perang saudara telah tercetus di Kemboja terdapat ramai *Kaum Muda* yang menetap di sepanjang Sungai Mekong dari Kratie ke Phnom Penh.⁴² Kewujudan *Kaum Muda* ini telah mengakibatkan perpecahan dan permusuhan di antara umat Islam di Kemboja sehingga beberapa kes tuduhan terhadap Imam Musa telah dibawa ke Mahkamah Kementerian Kepercayaan (Ministry of Cults) dan juga ke

36 Istilah *Khmer-Islam* telah dicipta selepas kemerdekaan Kemboja, dan disahkan oleh *Kram 913-NS* pada 30 November 1954. Sejak tarikh itu masyarakat Melayu dan Cam yang bermastautin di Kemboja tidak lagi dianggap sebagai minoriti tetapi sebagai orang Khmer. Perkataan *Islam* ditambah kepada perkataan *Khmer* hanya untuk menunjuk keagamaan mereka (J. Povatchy 1975, hlm. 10).

37 E. Aymonier 1890, hlm. 146.

38 Cabaton, Antoine 1906, hlm. 28.

39 M. Ner 1941, hlm. 152.

40 Riwayat hidup dan pendidikan beliau sedang diselidiki oleh penulis sendiri.

41 Ideologi dan perkembangan *Kaum Muda* tidak dapat dibincangkan di sini kerana ia terkeluar dari skop makalah ini.

42 Bertentangan dengan yang disebut oleh Che Husna Azhari (1993, hlm. 28), di Kemboja (di luar Kelantan), bilangan *Kaum Muda* kian bertambah kerana dalam tahun 1960-an terdapat seorang Cam yang kembali dari Kahirah iaitu Ustaz Sulaiman Egypt, dari Phum Trea, Krauch Chmar, Kompong Cham, serta melalui surat-surat yang telah dihantar ke keluarga mereka dari anak muda Cam yang sedang belajar di luar negeri khususnya Mesir sedikit sebanyak menyumbangkan kepada kefahaman *Kaum Muda* itu.

mahkamah lain. Imam Musa pernah dihukum penjara dan dibuang negeri.⁴³

Apabila perang saudara di Kemboja meletus pada tahun 1970, *Kaum Tua* dan *Kaum Muda* telah kembali ke pangkuan yang sama iaitu menggabungkan tenaga mereka untuk menentang golongan komunis serta mempertahankan ajaran Islam yang suci. Sebahagian pemuda-pemuda daripada kedua-dua kaum ini telah mengambil bahagian dalam pasukan tentera 5BIS (Brigade d'Infanterie Speciale) yang diketuai seorang jeneral bangsa Cam iaitu Jeneral Les Kosem. Walau bagaimanapun pihak komunis Kemboja yang lebih dikenali sebagai Khmer Rouge (Khmer Merah), berjaya menumbangkan pemerintahan Lon Nol pada bulan April tahun 1975.

Tarikh 1975 ini merupakan titik permulaan kedatangan orang Melayu-Cam secara beramai-ramai ke Malaysia, khususnya ke Kelantan. Hingga kini kita tidak ketahui bilangan mereka yang sudah bermastautin di negara ini dan khususnya di Kelantan. Yang jelas adalah kumpulan pertama yang datang ke Kelantan pada 1975 terdiri daripada 1188 orang. Hingga tahun 1979 bilangan mereka bertambah kepada 3280 orang.⁴⁴ Pada tahun 1987 bilangannya telah melebihi 10,000 orang.⁴⁵ Bilangan ini masih bertambah lagi sehingga ke hari ini. Hampir keseluruhan mereka ini datang dari Kemboja.

Terdapat beberapa sebab mengapa kebanyakan daripada mereka ini datang dari Kemboja dan bukannya dari Vietnam. Pertama, mereka telah lama berhubungan dengan Kelantan. Kedua, mereka berasa takut dengan regim komunis Khmer Rouge yang telah menjatuh dan menghancurkan struktur pemerintahan yang ada dan benci kepada semua golongan minoriti khususnya orang Cam yang terkenal sangat degil berpegang teguh dengan kepercayaan Islam mereka dan ketiganya mereka pernah menjadi ahli pasukan tentera 5BIS yang sangat ditakuti oleh pasukan Khmer Rouge. Kedatangan orang Cam ke Semenanjung Tanah Melayu khususnya ke Kelantan akan berterusan selagi perang saudara di Kemboka belum selesai atau tamat.

Pada mula-mulanya orang Cam ini dikenali sebagai *orang Kemboja*. Akan tetapi lama kelamaan mereka dikenali sebagai orang Cam. Ini disebabkan terdapat keterangan-keterangan melalui makalah-makalah mengenai Kerajaan Campa dan orang Cam yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan khasnya yang ditulis oleh Nik Mohamed Nik Mohd Salleh⁴⁶ yang dimuatkan dalam Berita Minggu

43 Perbuahan dengan Haji Mohd Salleh bin Abdullah.

44 Abdullah Mohamed (Nakula) 1989, hlm. 6.

45 Antypa 1987, hlm. 127.

46 Campa Negeri Melayu Tertua Didunia dalam 'Berita Minggu' pada 4, 11 dan 18 Mei, 1975.

dalam tahun 1975 lagi. Kemudian satu seminar mengenai Tamadun Melayu-Cam yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia serta Ecole Francaise d'Extreme-Orient (EFEO) telah diadakan di Kuala Lumpur pada 13 September 1988.⁴⁷ Ekoran daripada sinilah barulah masyarakat *Kemboja* ini diketahui umum di Malaysia bahawa mereka adalah serumpun dengan orang-orang Melayu dan mereka dikenali sebagai *Masyarakat Melayu-Cam* atau *orang Cam*. Walau bagaimanapun masih terdapat lagi tulisan atau perkataan *Kemboja*, *Khmer* atau *Cam Kemboja* di ruang keturunan dalam kad pengenalan mereka.

Sebelum tahun 1970 sebahagian besar guru-guru yang mengajar agama Islam di Indochina iaitu di Kemboja dan kawasan Chau-doc di Vietnam berkelulusan dari Kelantan atau Mekah.⁴⁸ Anak muda Cam yang berumur antara 10 hingga 20 tahun dihantar ke Kota Bharu, Kelantan dan lama masa mereka belajar bergantung kepada kemampuan ibu bapa mereka. Keadaan ini berterusan sehingga tahun 1975, kemudian berhenti buat seketika dan berterusan semula pada tahun 1993.

Antara pemuda-pemuda Cam yang datang ke Kelantan ialah Encik Idris bin Makmor yang lebih dikenali dengan nama Pak Yeh. Beliau berusia hanya 12 tahun pada waktu beliau datang ke Kelantan pada tahun 1936 untuk menuntut pelajaran agama Islam. Beliau adalah seorang Cam dari Phum Poeuh, Krauch Chmar, propinsi Kompong Cham. Kini beliau merupakan seorang warganegara Malaysia yang menguruskan sebuah kedai makan di Kota Bharu. Seorang lagi pemuda Cam yang berusia 14 tahun telah datang ke Kelantan pada tahun 1957 untuk tujuan yang sama. Setelah tamat pelajarannya beliau telah kembali ke Kemboja tetapi pada tahun 1971 datang semula ke Kota Bharu untuk menetap selama-lamanya.⁴⁹ Dua orang tokoh Cam yang terkenal iaitu Imam Musa dan Imam Ahmad India telah mengubah haluan kefahaman Islam dengan membawa interpretasi Islam baru yang ketara dalam konteks *Kaum Muda* ke Kemboja.

Ulama-ulama Melayu dari Kelantan tidak hanya melihat pemuda-pemuda Cam ini datang mempelajari Islam dan kemudiannya kembali ke kampung mereka untuk mengajar, tetapi sama-sama mengambil tindakan yang wajar untuk pergi ke Kemboja dan menjadi

47 Seminar Sehari Mengenai Sejarah dan Kebudayaan Melayu Campa di Hotel Merlin, Kuala Lumpur pada 13 September 1988. Empat kertas telah dibentangkan iaitu: 'Campa: Abad Permulaan Masihi Sampai Abad 9' oleh Abdullah Mohamed (Nakula); 'Beberapa Sisi: Hubungan Campa Dengan Alam Melayu' oleh Abdul Rahman Al-Ahmudi; 'Perspektif Kajian Campa Di Malaysia' oleh Dr. Po Dharma; dan 'Negara Melayu Campa: Satu Tinjauan' oleh Daro' Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh.

48 M. Ner 1941, hlm. 189.

mubaligh-mubaligh di sana. Antara mereka ialah Laksamana Abdul Hamid, Laksamana Haji Omar. Kedua-duanya telah pergi ke Kemboja pada penghujung abad ke-XVII Masihi; Tok Guru Syeikh Ismail bin Syeikh Hussin, Tok Guru Haji Wan Salleh bin Haji Omar, Tok Guru Haji Wan Ngah bin Wan Mat Yunus, Tok Guru Haji Syeikh Ismail bin Muhammad Zain dan lain-lain lagi pada pertengahan ke dua abad ke-XIX Masihi; Tok Guru Haji Said bin Haji Isa, Tok Guru Haji Ahmad bin Haji Abdul Manaf, Tok Guru Haji Wan Hassan bin Wan Muhammad Zain, Tok Guru Nik Daud bin Nik Mat dan lain-lain lagi pada pertengahan pertama abad ke-XX Masihi. Mubaligh wanita dari Kelantan juga turut terlibat. Antaranya ialah Che Zainab, Che Kalthum, Hajah Hafsa binti Muhammad, dan Che Fatimah binti Abdullah. Antara mereka ini ada yang menetap selama-lamanya di Kemboja dan ada yang balik ke kampung halaman mereka semula di Kelantan.⁵⁰

Orang-orang Cam yang datang ke negara ini setelah kejatuhan pemerintahan Lon Nol pada tahun 1975 terdiri dari pelbagai latar belakang. Ada yang pernah menjadi tentera, pegawai kerajaan, petani, peniaga dan juga pelajar termasuk beberapa orang berkelulusan universiti. Akan tetapi apa yang mereka cari apabila sampai sahaja ke Kelantan ialah pelajaran agama. Ada di kalangan mereka khususnya orang tua terus mencari pondok-pondok di mana mereka boleh menambahkan lagi ilmu pengetahuan yang mereka rasa kekurangan; pemuda-pemudi di hantar terus ke sekolah agama kerana dipercayai di tempat itulah anak-anak mereka boleh membentuk akhlak yang mulia setelah dibesarkan di negara Kemboja yang hampir tidak ada ajaran agama semasa perang saudara dan lebih-lebih lagi jurusan pengajian agama ini merupakan warisan budaya orang Cam yang sentiasa mengambil berat terhadap pelajaran agama sejak berabad-abad lamanya. Ada juga di kalangan anak-anak muda ini dihantar ke sekolah-sekolah kebangsaan.

Hasil yang membanggakan mereka ialah sebilangan pemuda-pemuda lepasan sekolah agama di Kelantan ini telah berjaya mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri seperti ke Kahirah (Mesir), Mekah, Madinah dan Riyad (Arab Saudi). Antara mereka ini ialah:

1. Talib Abdul Rahman, datang ke Kelantan pada tahun 1975, mendapat pendidikan di Maahad Muhammadi Kota Bharu, menerima ijazah dari Universiri Madinah. Sekarang mengajar di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kuza) Terengganu.
2. Afi Abdullah, datang ke Kelantan pada tahun 1975, berkelulusan

50 *Ibid.*, 1989, hlm. 27 - 40.

dari Universiti Riyad, dan sekarang berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya, Selangor.

3. Ali Yusoff, datang ke Kelantan pada tahun 1975, mendapat pendidikan di Maahad Muhammadi Kota Bharu, Sekolah Agama Nilampuri, dan berkelulusan dalam bidang Usuluddin dari Universiti Madinah. Sekarang bertugas dengan Perkim cawangan Kota Bharu.⁵¹
4. Beberapa orang lagi seperti Ustaz Fikri Tuan Mohammad, Nasir Tuan Mohd, Gazali Salleh, Aziz Musa, Taufik Musa, berkelulusan dari Universiti Madinah. Mereka sampai ke Kelantan pada tahun 1975 dan menerima pendidikan awal di Kota Bharu, dan kemudian lulus dari Universiti Madinah.

Mereka bertugas sebagai guru di Kelantan. Fikri Tuan Mohammad pernah juga berkhidmat di New Caledonia di bawah rancangan Regional Islamic Dakwah Council of South East Asia & Pacific (Riseap). Orang lain seperti Ismail Yusoff (Al-Azhar, Kahirah), Yusoff Abdul Rahman (Universiti Riyad), Idris Yusof (Ummul Kura Universiti, Mekah), semuanya menerima pendidikan awal di Kota Bharu.

Selain itu masyarakat Cam di Kelantan juga telah berjaya menubuhkan dua buah sekolah berciri pondok. Yang pertama, ditubuhkan di surau Kampung Bunga Mas, Jalan PCB Kota Bharu, pada tahun 1981 dan yang kedua di Kampung Belukar, di mukim Gunung daerah Bachok yang diberi nama Maahad Muhajirin, pada tahun 1984.⁵²

Kelas yang diadakan di surau Kampung Bunga Mas hanyalah kelas fardu ain dan kelas bimbingan pelajar sekolah rendah serta siri pelajaran untuk orang dewasa. Ia diasaskan oleh masyarakat Cam di Kampung Bunga Mas dengan kerja sama Majlis Agama Islam Kelantan yang antara lain menyewakan tapak tanah wakaf dengan kadar RM60.00 setahun. Sekarang ini pengajaran fardhu ain dan sebagainya diselenggarakan oleh Ustaz Ali Yusof, manakala Ustaz Jusoh adalah guru Al-Quran.

Pusat pendidikan Islam Maahad Muhajirin yang didaftarkan dengan Yayasan Islam Kelantan diasaskan oleh Ustaz Musa Yusof (sebagai mudir), Ustaz Salleh Musa, Ustaz Talib Abdul Rahman, Ustaz Ali Yusof dan beberapa tokoh lain seperti Pak Yeh (Idris Makmor), pedagang Haji Taib bin Haji Abdullah, Haji Yusof bin Abdullah dan lain-lain. Kurikulumnya adalah mengikut sukatan Yayasan Islam Kelantan. Pelajar-pelajar di Maahad ini layak men-

51 Meor Shaari M. Chek 1994, hlm. 119 - 128.

52 *Ibid.*, 1994, hlm. 49 - 61.

duduki peperiksaan dan ada yang telah lulus sijil SMU dan STU.

Sejak tahun 1993, masyarakat Cam di Kemboja sekali lagi telah mula menghantar anak-anak muda mereka dalam lengkungan umur 10 ke-15 tahun untuk mempelajari agama. Antaranya ialah dua orang adik beradik Zamrah binti Haji Mohamad, 12 tahun dan Aishah binti Haji Mohamad, 10 tahun.⁵³ Mereka bersekolah di pondok Maahad Muhajirin.

Setelah pemerintahan komunis Khmer Rouge (1975-1978) dijatuhkan pada tahun 1978, sebahagian besar pemuda Cam dan Melayu telah lupa bahawa mereka adalah orang Islam. Hingga tahun 1990 hanya orang tua sahaja yang mengamalkan agama suci ini dan itupun hanya amalan asas sahaja. Ini berlaku kerana imam-imam dan guru-guru agama telah dibunuh oleh Khmer Rouge. Keduanya kitab-kitab agama telah dimusnahkan. Tetapi sejak tahun 1990 beberapa kumpulan yang terdiri daripada orang Cam dan Melayu dari Malaysia khususnya dari Kelantan telah pergi ke sana untuk mengajar agama Islam. The Regional Islamic Dakwah Council of South East Asia & Pacific (Riseap), Malaysia, di bawah pimpinan Dato' Ahmad Nordin Mohd Zain, telah menghantar beberapa orang Cam lepasan universiti ke Kemboja dan Vietnam sejak tahun 1991. Antaranya termasuklah:

1. Ustaz Sulaiman Ibrahim, Al-Azhar, Kahirah.
2. Ustaz Hussein bin Yaakob, Al-Azhar, Kahirah.
3. Ustaz Ismail Yusoff, Al-Azhar, Kahirah.
4. Ustaz Ismail bin Salleh, Universiti Madinah.
5. Ustaz Yusoff Abdul Rahman, Universiti Riyad.
6. Ustaz Idris dan Yusof, Ummul Kura Universiti, Mekah.
7. Ustazah Norlaili binti Salleh, Universiti Malaya.
8. Ustaz Hasan Husin Basri bin Tuan Ibrahim yang telah dihantar ke Ho Chi Minhville.

Beberapa orang daripada mereka yang tersebut di atas merupakan pemuda-pemuda Cam yang telah datang ke Kelantan dalam tahun 1970-an dahulu. Di kalangan mereka, Ustaz Sulaiman Ibrahim telah dikurniakan darjat terbaik iaitu beliau telah dilantik menjadi Mufti di Kemboja oleh Kementerian Kepercayaan (Ministere des Cultes) pada awal tahun 1994 ini.

Di bawah rancangan ini sebuah sekolah telah dibina di Phnom Penh, dan beberapa buah lagi telah dibaiki.⁵⁴ Pengajaran agama

53 Haji Mohamad bin Ali dikenali Ly Math adalah seorang jeneral berbilang dua berkhidmat sekarang dalam pasukan tentera udara Kerajaan Kemboja.

54 Perbuahan pada 23/12/1993 dengan Ustaz Hussein bin Yakob sekarang tinggal di Kuala Lumpur dan bekerja dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Islam untuk orang-orang Cam yang pada satu ketika dahulu dilakukan di Kelantan, kini telah bermula sekali lagi di Indochina. Kehadiran mereka sangat dialu-alukan oleh keseluruhan orang Islam khususnya orang Melayu-Cam. Peranan Kelantan dalam bidang perkembangan agama Islam di Indochina telah bermula sekali lagi. Peranan ini sangat dihargai oleh masyarakat Melayu-Cam.

Bibliografi

- Abdullah Mohamed (Nakula), 1989, "Keterunan Melayu di Kemboja dan Vietnam: Hubungannya dengan Semenanjung Dengan Tumpuan Khas Kepada Negeri Kelantan" dalam *Warisan Kelantan*, No. VIII, Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, hlm. 6 - 41.
- Antypa, Urania, 1988, "Les originaires du Campa a l'etranger" in *Actes du seminaire sur le Campa organise a l'Universite de Copenhague le 23 mai 1987*, CHCPI, Paris, hlm. 121 - 131.
- Aymonier, E., 1890, "Legendes historiques des Chams" in *Excursions et Reconnaissances*, t. XIV (32), Saigon, hlm. 145 - 206.
- Baccot, Juliette, 1968, *Synchretisme religieux dans un village cham du Cambodge. On g'nur et cay a O Russei*, Phnom Penh, Paris, V + 409 hlm.
- Cabaton, Antoine, 1906, "Notes sur l'Islam dans l'Indochine francaise" in *Revue du Monde Musulman*, publ. by La Mission Scientifique du Maroc, Paris, Vol. I, No. I, hlm. 27 - 49.
- _____, 1907, "Les Chams musulmans dans l'Indo-Chine francaise" in *Revue du Monde Musulman*, publ. par La Mission Scientifique du Maroc, Paris, Vol. II, No. VI, hlm. 129 - 180.
- Che Husna Azhari, 1993, *Melor in Perspective*, Furada Publishing House, Bangi, 189 hlm.
- Collectif, 1989, "La notion de frontiere dans la partie orientale de la Peninsule Indochinoise" in *Les Frontieres du Vietnam*, Paris, L'Harmattan, hlm. 11 - 24.
- Durand, E-M, 1905, "Notes sur les Chams" in *BEFEO*, Hanoi-Haiphong, jld. V, n° 3 - 4.
- _____, 1907, "Notes sur les Chams" in *BEFEO*, Hanoi-Haiphong, hlm. 313 - 355.
- _____, 1912, "Notes sur les Chams. XII-La cendrillon chame" in *BEFEO*, Hanoi.
- Encyclopedie de l'Islam, 1920, Leiden, s.v. Indochine, hlm. 537 - 542.
- Finot, L., 1903, "Notes d'epigraphie: Panduranga" in *BEFEO*, III, hlm. 630 - 654.
- _____, 1988, "Agama Bangsa Cam Berdasarkan Monumen-monumen" dalam *Alam Melayu. Sejarah dan Kebudayaan Campa*.

- Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan EFEO, hlm. 125 - 140.
- Lafont, P.-B., 1964, "Contributions a l'etude des structures sociales des Cham du Viet-Nam" in *BEFEO*, jld. LII, hlm. 157 - 171, Paris.
- _____, 1988, "Les recherches sur le Campa et leur evolution" in *Actes de Seminaire sur le Campa, organise a l'Universite de copenhagen, 23 mai 1987*, Paris, hlm. 1 - 25.
- Lafont, Po Dharma et Nara Vija, 1977, *Catalogue des manuscrits cam des bibliotheques francaises*, PEFEQ, Paris.
- Le Martyre des Musulmans khmers*, Edited by La Direction des Affaires Religieuses et Islamiques, Association Islamique Centre de la Republique Khmere et Association de la Jeunesse Islamique, 1974, Phnom Penh, 74 hlm.
- Lunet de la Jonquiere E., 1901, *Atlas archeologiques de l'Indochine. Monuments du Campa et du Cambodge*, publ. de l'EFEO, Paris.
- Mak Phoeun, 1981, *Chroniques royales du Cambodge (de 1594 a 1677). Traduction française avec comparaison des differentes versions et introduction*, EFEO, Paris.
- _____, 1988, "La communaute Cam au Cambodge du XVe au XIXe siecles" in *Actes de Seminaire sur le Campa, organise a l'Universite de copenhagen, 23 Mai 1987*, Paris, hlm. 83-93.
- _____, 1990, "La communate malaise musulmane au Cambodge (de la fin du XVIe siecle jusqu'au roi musulman Rama dhipati Ier)" in *Le monde indochinois et la penisule malaise*, Kuala Lumpur, hlm. 47 - 68.
- Manguin, Pierre-Yves, 1979, "Etudes cam: II- Introduction de l'Islam au Campa" in *BEFEO*, jld. LXVI, Paris, hlm. 225 - 289.
- Marrison, G.E., 1985, "The Chams and their literature" in *JMBRAS*, Vol. LVIII-2, p. 45 - 70.
- _____, 1951, "The Chams of Malacca" in *JMBRAS*, vol. XXIV-1, hlm. 90 - 98.
- Meor Shaari M. Chek, 1994, *Masyarakat Islam Cam di Kelantan 1975 - 1993*, latihan ilmiah peringkat sarjana muda dengan kepujian, Jabatan Sejarah, UKM, Bangi.
- Mohamad Zain Bin Musa, 1991, "Kehadiran orang Melayu dan orang Cam di Kemboja hingga awal abad ke XIX" dalam *JEBAT*, No. 19, hlm. 3 - 13.
- _____, 1992, "Campa: Runtuhnya Sebuah Kerajaan Melayu" dalam *JEBAT* No. 20, Jabatan Sejarah-UKM, Bangi.
- _____, 1993, "Hubungan Tanah Melayu-Campa: Satu Tinjauan Sejarah" dalam *Sejarah Malaysia Moden*, Jabatan Sejarah, UKM, Bangi.

- _____, 1994, *Islam as Understood and Practiced by the Muslims in Indochina*, working paper presented at the international seminar on "The contributions of Islamic Culture for the Maritime Silk Route" as Quanzhou, China, 21 - 26 February 1994.
- Ner, Marcel, 1941, "Les musulmans de l'Indochine française" in *BEFEO*, vol. XLI, Paris, hlm. 151 - 200.
- Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, 1985, "Perkembangan Pendidikan atau Pengajaran Islam di Negeri Kelantan" dalam *Warisan Kelantan*, No. IV, Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, hlm. 95 - 120.
- Parmentier, H., 1909, *Inventaire descriptif des monuments cam de l'Annam*, vol. I, EFEO, Paris.
- _____, 1918, *Inventaire descriptif des monuments cam de l'Annam*, jld. II, EFEO, Paris.
- Peliot P., 1904, "Deux itinéraires de Chine en Inde a la fin du VIIIeme siecle" in *BEFEO*, jld. IV, hlm. 131 - 413.
- Po Dharma, 1978, *Les chroniques de Panduranga, these de l'EPHE, IVE section Sorbonne, Paris*.
- _____, 1981, *Inventaire descriptif des monuments cam de l'Annam*, jld. II, EFEO, Paris.
- Peliot P., 1904, "Deux itinéraires de Chine en Inde a la fin du VIIIeme siecle" in *BEFEO*, jld. IV, hlm. 131 - 413.
- Po Dharma, 1978, *Les chroniques de Panduranga, these de l'EPHE, IVE section Sorbonne, Paris*.
- _____, 1981, "Notes sur les Cam du Cambodge" in *Seksa Khmer*, decembre 1981, No. 3 - 4, Paris, hlm. 161 - 183.
- _____, 1981(a), *Complement au Catalogue des manuscrits cam des bibliotheques francaises*, PEFEQ, Paris.
- _____, 1982, "Notes sur les Cam du Cambodge (suite et fin)" in *Seksa Khmer*, decembre 1982, No. 5, Paris, hlm. 103 - 116.
- _____, 1987(I), *Le Panduranga (Campa) 1802 - 1835, ses rapports avec le Vietnam*, jld. I EFEO, Paris, 198 hlm.
- _____, 1987(II), *Le Panduranga (Campa) 1802 - 1835, ses rapports avec le Vietnam*, jld. II, EFEO, Paris, 273 hlm.
- _____, 1988, "Etat des dernieres recherches sur la date de l'absorption du Campa par le Vietnam" in *Actes du seminaire sur le Campa organise a l'Universite de Copenhague le 23 Mai 1987*, CHCPI, Paris, hlm. 59 - 70.
- _____, 1989, "Peranan Kelantan dalam pergerakan Islam di Campa 1833 - 1834" dalam *Warisan Kelantan*, No. VIII, Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, hlm. 79 - 88.

- Pouvatchy, J., 1975, *Les Vietnamiens au Cambodge*, PhD thesis, Paris.
- Rondot, P., 1949, "Note sur les Cam bani du Binh Thuan (centre Vietnam)" in *Revue des Etudes Islamiques*.
- _____, 1950, "Les Cam musulmans du Vietnam et du Cambodge" in *Tropiques*, Mai-Juin 1950.

*Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan**

ISMAIL CHE DAUD

Semenjak satu abad yang lampau seramai sebelas orang diketahui telah menjunjung tauliah menjadi Mufti Kerajaan Kelantan. Namun demikian, biodata hidup mereka belum pernah disusun secara khusus. Beberapa corotan selama ini pula didapati kurang lengkap serta tidak menyeluruh. Sebaliknya, ada yang memuatkan fakta yang kurang tepat atau mengelirukan, terutama yang berhubung kait dengan tempoh perkhidmatan dan beberapa data tarikh yang lain lagi. Keadaan bercelaru sedemikian sering pula divedok bulat-bulat oleh penulis-penulis kemudian!

Menyedari hakikat tersebutlah penulis cuba menyusun tulisan ini (sekadar yang tercapai). Semoga memberi manfaat kepada semua pihak yang berminat.

Sebenarnya tiada catatan yang jelas tentang bila mufti pertama dilantik secara rasmi.¹ Bagaimanapun, pada tahun 1311 Hijrah,² Baginda Sultan Mansur (memerintah dari tahun 1891 hingga 1900) ada menambahkan bidang tugas Haji Nik Wan Daud – Mufti rasmi yang pertama³ – supaya turut menyelia tugas-tugas imam dan para

* Rencana ini telah disiarkan bagi pertama kalinya (tulisan Jawi) dalam dua siri dalam majalah 'Pengasuh' bil. 519, Apr/Mei 1992, dan bil. 520, Jun 1992. Telah diubahsuai dan dikemaskini sebahagiannya untuk siaran ini.

1 Sungguhpun begitu pernah disebut bahawa penyandang sulungnya dilantik seawal akhir zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (mangkat 30 Oktober 1886) lagi. Lihat rencana Abdullah Alwi Haji Hassan, "Kelantan: Islamic Legal History Before 1909" dalam "Malaysia in History", jilid 23, tahun 1980, hlm. 12. Sumber-sumber lain pula mendakwa lebih awal lagi. Wallahua'alam.

3 Antara mereka yang disebut-sebut pernah dijemput menjadi guru Istana sekaligus berperanan semacam mufti yang tidak rasmi termasuklah Haji Wan Sulaiman bin Wan Ahmad (Langgar), Wan atau Tuan Abdul Rahman Muda bin Wan Osman, Syed Muhammad bin Syed Daud al-Qadri atau Tok Bahrin dan Syed Muhammad bin Syed Abdul Rahman al-Kharid, manakala Syed Muhammad bin Syed Alwi (meninggal 2 November 1896) pula berjawatan (Tok) "Hakim Negeri Kelantan" pada zaman Sultan Mansur (1891 - 1900).

pegawai surau yang lain, sekaligus menyimpan segala rekod perkhidmatan mereka.

Berikut dipaparkan ringkasan sejarah hidup kesemua mufti yang dimaksudkan.

1 Haji Nik Wan Daud atau Haji Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman

Lebih mesra dengan panggilan Pak Dor Aji dan Tok Imam Haji Nik Od. Mufti Yang Pertama dan Imam Masjid Besar (Masjid Kayu) Kota Bharu yang keempat.⁴ Datuk sebelah bapanya (Haji Wan Othman) adalah oneng Fakeh Ali yang masyhur dalam Sejarah Nusantara manakala datuk sebelah ibunya (Pak Wan Mahmud Menteri) adalah seorang pembesar negeri pada zaman Sultan Muhamad I.

Lahir di Kota Bharu kira-kira dalam tahun 1271 Hijrah/1854 Masihi. Bersaudara dengan Tok Khatib Haji Wan Omar atau Nik Mar. Sezaman dengan Tok Imam Haji Cik Samad Kampung Laut, Tok Khatib Haji Muhammad Said (Dato' Seri Diraja), Tok Kemuning Tua (Haji Senik), Haji Senik Seligi, Haji Daud Kampung Menuang, Haji Pak Cik Musa dan Haji Mamat Kampung Panjang. Bersahabat baik dengan Syeikh Salleh Alim dari Bahrin yang menetap di Pasir Tikat, Kota Bharu, Kelantan. Lepas dari Masjid al-Haram, Makkatul Mukarramah dan seangkatan dengan Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani.

Beliau diberitakan alim dalam ilmu fiqah dan hadis. Kuliah minggunya pada setiap hari Selasa mendapat sambutan hangat. Gemar menyembelih dan makan daging kuda. Juga suka berkelah bersama anak isteri sehingga selama seminggu – lazimnya ke teratak peranginan beliau di Kampung Tok Lukok yang terletak berhampiran Pantai Sabak, Kota Bharu sekarang.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa penulis dan ahli sejarah tidak sependapat tentang tarikh tepat perlantikan beliau sebagai Mufti Kerajaan Kelantan yang pertama.⁵

Pada 12 Safar 1312 (14 Ogos 1894), mewakili Sultan Mansur beli "rumah putih" tiga tingkat milik Syeikh Muhammad Salleh al-Kurdi, Mekah untuk dijadikan rumah wakaf kepada anak-anak Kelantan yang belajar di sana dan para pengunjung lainnya. Pada 1 November 1897, menjemput Sultan Mansur, Tengku Seri Indera, kerabat dan anak-anak raja santap di kediamannya di Kampung Atas Banggul, Kota Bharu, sempena "masuk jawi anaknya".⁶ Pada

⁴ Iaitu selepas Haji Muhammad Salleh Kampung Masjid, Haji Abdul Rahman Arab Kampung Mek Senggora dan Haji Wan Abdullah Sungai Budor.

⁵ Temubual dengan Haji Yaakub bin Encik Deris (lahir awal Oktober 1880), Kampung Tok Lukok pada pagi Khamis 3 Julai 1980 (sudah pun meninggal).

⁶ Dipercayai anak bernama Nik Muhammad (meninggal dunia pada pukul 9.40 pagi Selasa 23 April 1935 ketika berusia 52 tahun).

9 Jun 1900 turut mengiringi Raja Kelantan (kemudian bergelar Sultan Muhammad IV) yang berangkat ke Bangkok dan tiba balik pada 10 Ogos 1900. Pada zaman beliau memegang jawatan mufti, ada perlantikan nazir yang ditugas untuk membuang panji-panji yang dipacak ditempat-tempat keramat pemujaan.

Sejak pertengahan tahun 1906, kesihatannya agak terganggu – mengalami sakit sengal sendi (gout) dari kaki membawa naik ke anggota bahagian atas serta demam. “Sakit sangat”nya bermula pada hari Ahad 12 Ramadhan 1325 (20 Oktober 1907). Meninggal dunia semasa masih berjawatan mufti merangkap Imam Tua Masjid Besar Kota Bharu, iaitu pada awal malam Selasa 29 Ramadhan 1325 (4 November 1907) ketika berusia 54 tahun (Hijrah) dan dikebumikan pada hari berikutnya di Kubur Banggul, Kota Bharu. Jenazahnya turut diziarahi Sultan Muhammad IV dan Raja Muda⁷ (Tengku Zainal Abidin bin Tengku Kundor).

2 Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah

Ahli Sufi yang warak. Digelar ‘Tok Pelandok’ kerana kepintarannya. Ayahandanya, Imam Haji Abdullah bin Haji Jalaluddin bin Sutan Amir Kahar Budiman keturunan dari Mandaihiling dari Tapanuli Selatan (sekarang sebahagian dari Propinsi Sumatera Utara, Indonesia), adalah seorang pembesar negeri Kelantan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886-1890), Sultan Muhammad Ketiga (1890-1891), Sultan Mansor (1891-1900) dan pada peringkat awal zaman pemerintahan Sultan Muhammad Ke-IV semasa Tuan Long Senik bin Sultan Muhammad III, pemerintah Kelantan bergelar Raja Kelantan iaitu dari tahun 1900 hingga tahun 1910. (Dari tahun 1911 hingga tahun 1920 baginda bergelar Sultan Muhammad Ke-IV). Imam Haji Abdullah berasal dari Kampung Chetok, Pasir Mas. Mengikut satu sumber, sebelum datang ke Kelantan, leluhur (kurang pasti generasi mana) Imam Haji Abdullah pernah tinggal di negeri Pahang. Haji Wan Ishak ialah anak lelaki Imam Haji Abdullah dengan isterinya yang bernama Hajah Wan Minah binti Wan Ishak berasal dari Kampung Lundang, Kota Bharu. Imam Haji Abdullah dan Hajah Wan Minah dikuburkan bersama di tanah perkuburan keluarga di Banggul Kota Bharu.

Haji Wan Ishak dipercayai dilahirkan di Kampung Imam Haji Abdullah yang kemudian dikenali pula sebagai Kampung Che’ Bakar (Che’ Bakar dikatakan seorang mualaf bangsa Cina yang kemudian menjadi ‘Bedari Raja’) dalam bandar Kota Bharu (di sekitar tapak

⁷ Catatan Harian Raja Muda (manuskrip) menceritakan bahawa pada hari-hari terakhirnya, beliau dikunjungi baginda beberapa kali: 10 Oktober 1907, 23 Oktober 1907, 30 Oktober 1907 dan pada malam kematian pula tiba ‘... tidak lama sesudah lucut nafas’.



*Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah
(Mufti Kerajaan Kelantan: 11 November 1907 - Januari 1909).*

bangunan Bank Negara Malaysia Cawangan Kelantan sekarang). Tarikh kelahiran Haji Wan Ishak yang tepat tidak diketahui, tetapi berdasarkan umurnya ketika meninggal dunia diagak dalam tahun 1875 atau terkemudian sedikit. Seibu sebabnya, Haji Wan Ishak mempunyai tiga orang adik beradik iaitu: Haji Wan Ahmad (berjawatan Kadi) yang meninggal dunia pada waktu senja 12 Julai 1950; Wan Embon yang menjadi isteri kepada Haji Ismail Kampung Chetok; dan Wan Muhammad. Adik beradik sebabnya pula empat orang iaitu: Haji Che Ismail bergelar Dato' Kaya Setia (jadi menantu kepada Che Ahmad bergelar Dato' Kaya Muda atau lebih dikenali sebagai Dato' Tumpat yang masyhur dalam sejarah Kelantan); Haji Che Sulaiman (jadi menantu kepada Tok Guru Haji Taib Tok Besar Tuan Padang bin Haji Ahmad Tuan Padang); Che Muhammad Salleh, lebih dikenali sebagai Che Leh Ketam (oleh kerana beliau berjalan seolah-olah seperti ketam setelah sakit pada masa kecilnya) dan merupakan seorang ahli sejarah tempatan yang ulung dan handal;⁸ dan Hajah Che Minah.⁹

Haji Wan Ishak telah dibawa ke Mekah oleh ayahandanya sebelum masuk jawi (berkhitan) lagi. Semasa di Mekah beliau berkahwin dengan seorang perempuan Melayu keturunan Kelantan yang telah lama bermastautin bersama ibu bapanya di Tanah Suci, bernama Che Zain binti Haji Abdul Hamid yang berasal dari Kampung Bunut Payong, Kota Bharu, dan mendapat seorang anak lelaki bernama Syeikh Abdul Hamid yang bermastautin di Mekah.

Pada kira-kira tahun 1900, Haji Wan Ishak pulang ke Kelantan. Tiada lama kemudian beliau berkahwin pula dengan Nik Embong atau Nik Embon binti Nik Mat (seorang anak peliharaan Che Bakar iaitu seorang mualaf keturunan Cina yang jadi Bedari Raja) dan dapat seorang anak lelaki namanya Nik Abdullah yang kemudian berkahwin dengan sepupunya Che Kelthom (Che Som) binti Muhammad Salleh bin Imam Haji Abdullah. Nik Abdullah ialah tuan-punya atau pemilik "Mustapha Press" satu-satunya syarikat percetakan Melayu yang terkenal di Kota Bharu di zaman sebelum perang (sebelum tahun 1941) dan beberapa dekad selepas perang (selepas tahun 1945). Kali ketiga Haji Wan Ishak berkahwin pula

⁸ Che Muhammad Salleh berkahwin dengan Che Membunga (Che Nga) dan dapat seorang anak perempuan bernama Che Kalthom (Che Thom atau Che Som) yang kemudian berkahwin dengan Nik Abdullah bin Haji Wan Ishak (sepunya), tuan punya atau pemilik 'Mustapha Press' yang pernah terletak di Jalan Sultan Zainab, Kota Bharu (di sekitar tapak bangunan Bank Negara Malaysia Cawangan Kelantan sekarang).

⁹ Che Minah ini berkahwin dengan Che Abdul Hamid bin Haji Ismail (cucu saudara kepada Imam Haji Abdullah) dan mendapat empat orang anak lelaki iaitu: Haji Che Isa, Haji Che Muhammad, Che Abdullah dan Dato' Ishak (bekas pegawai tinggi Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan, seorang peguam dan juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Kelantan di tahun 1950-an dan awal 1960-an).

dengan Che Mas binti Che Mamat (Penggawa Kangkong) dan dapat tiga orang anak bernama Haji Wan Muhammad Nor, Haji Wan Ibrahim (isterinya nama Nik Som binti Muhammad) dan Wan Safiah (suaminya Nik Hassan orang Kampung Langgar, Kota Bharu). Haji Wan Ibrahim pernah menjadi Penggawa Tumpat dan meninggal dunia pada 25 November 1950. Mengikut cerita, Haji Wan Muhammad Nor dihantar ke Mekah oleh ayahandanya pada masa beliau masih kecil lagi dan tinggal di sana bersama dengan abangnya yang sebapa iaitu Haji Wan Abdul Hamid atau lebih dikenali sebagai Syeikh Abdul Hamid. Apabila berlaku perang Wahabi di Mekah dalam tahun 1924, Syeikh Muhammad Nor atau Haji Wan Muhammad Nor atau Haji Nik Muhammad Nor pulang ke Kelantan dan berkahwin dengan Nik Dah (Nik Zubaidah) binti Nik Mud, orang Kampung Langgar, Kota Bharu dan mendapat tiga orang anak: Hajah Nik Aminah (suaminya Haji Nik Yahya bin Nik Abdul Rahman),¹⁰ Nik Aisyah (suaminya Abdul Ghani); dan Hajah Nik Zainab (suaminya Wan Noh).

Kemudian beliau pergi berniaga dan berdakwah di negeri Kemboja (Kampuca) dan semasa di sana Haji Nik Muhammad Nor berkahwin pula dengan Aisyah binti Ahmad orang Kemboja keturunan Melayu-Cam yang berasal dari Kompong Cam yang terletak di timur-laut bandar Phnom Penh, ibu negeri Kemboja dan dengannya mendapat enam orang anak bernama: Nik Amin, Nik Abdullah, Nik Sulaiman, Nik Fatimah, Nik Umi Kelthom dan Nik Mariam.¹¹ Mengikut cerita, Haji Nik Muhammad Nor meninggal dunia di Kemboja kira-kira pada tahun 1949. Manakala adik kepada Haji Nik Muhammad Nor iaitu Syeikh Abdul Hamid yang bermastautin di Mekah mula-mula berkahwin dengan Hajah Fatimah dan dapat dua belas orang anak tetapi semuanya dikatakan mati semasa kecil. Kemudian beliau berkahwin pula dengan Hajah Fatimah binti Haji Yaakub yang berasal dari Kampung Dewan, Kota Bharu keturunan Tok Chekli dan dengannya dapat lapan orang anak bernama: Syaikhah Zain, Syeikh Ishak, Syaikhah Kalthum (mati umur 2 tahun), Syeikh Muhammad Fauzi, Syaikhah Hayat, Syaikhah Samirah, Syaikhah Hayafa' dan Syeikh Muhammad Kamil.

Kembali kepada Haji Wan Ishak, semasa di Mekah beliau berkahwin dengan Haji Muhd. Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali), Haji Ibrahim bin Haji Yusuf (Tok Raja), Haji Wan Musa bin Haji Abdul

¹⁰ Salah seorang anaknya ialah Hajah Nik Azizah (bekas isteri kepada Dato' Ariffin bin Said, bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan) dan sekarang menjadi isteri kepada Y.M. Raja Aman Syah bergelar Tengku Seri Kelana Raja.

¹¹ Dalam tahun 1974, setahun sebelum Kemboja ditawan oleh Komunis (Khmer Rouge), Nik Amin dan keluarganya seramai kira-kira 18 orang berhijrah ke Kelantan melalui Thailand dan menetap di sana.

Samad Tuan Tabal, Haji Nik Mat bin Nik Yusuf Seri Paduka yang kemudian bergelar Dato' Lela Muda, Haji Wan Ahmad bin Haji Awang Muhd. Zain, Haji Asaad bin Haji Muhd. Said, Haji Kechik bin Haji Said dan beberapa orang lagi. Mereka semua berguru dengan Syeikh Hasbullah, Syeikh Wan Ahmad al-Fatani dan lain-lain.

Haji Wan Ishak terkenal alim dalam ilmu tasauf serta berfikiran luas. Pernah bermuzakarah dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari di Kelab Kota Bharu. Murid-muridnya tidak ramai, tetapi alim-alim belaka, antaranya: Haji Yasa' bin Haji Salleh (Pengasas Sekolah Pondok di Kampung Kor, Kota Bharu; tetapi meninggal dunia di Yala, Selatan Thailand), Haji Ismail bin Che Chik (guru agama di Lundang Paku, Kota Bharu) dan Haji Noh bin Ahmad (guru agama di Kampung Katong, Bachok).

Pada hari Jumaat 17 Oktober 1907, Sultan Muhammad Ke-IV, melantiknya menjadi "Khatib Surau Kota Bharu". Berikutnya dengan kematian Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman, maka Majlis Mesyuarat Negeri pada hari Isnin 5 Syawal 1325 (bersamaan 11 November 1907) dihadiri Raja Kelantan (Tuan Long Senik dan Sultan Muhammad III),¹² Raja Muda (Tuan Long Zainal Abidin bin Sultan Muhammad III),¹³ Tengku Seri Indera (Tuan Ismail bin Tuan Long Senik),¹⁴ Tengku Seri Maharaja (Tuan Long Mahmud bin Sultan Ahmad),¹⁵ Tuan Besar (Tuan Long Yusuf bin Sultan Ahmad),¹⁶ dan Tengku Chik Tuan Abdullah bin Sultan Ahmad,¹⁷ serta Dato' Menteri Che Hassan bin Muhd. Salleh,¹⁸ dan pembesar-pembesar lain mengambil keputusan melantik Haji Wan Ishak sebagai Mufti yang baru, dan beliau kekal memegang jawatan itu sampai ke awal tahun 1909.

Sebab-sebab penamatan khidmatnya kurang jelas. Ajenda atau "buku mesyuarat" pada Zulhijjah 1326 (19 Januari 1909) antara lain menyebut "..., fasal hendak tukar Mufti Haji Wan Ishak itu dengan Mufti Haji Wan Musa". Dalam pada itu ada juga yang mengaitkannya dengan kehilangan sebuah fail Mahkamah yang sedang dijadikan kes perbicaraan. Namun demikian beliau sangat

12 Tuan Long Senik bin Sultan Muhammad III bergelar 'Raja Kelantan' dari tahun 1900 hingga tahun 1911 dan dari tahun 1911 hingga tahun 1920 (kemangkatannya) baginda bergelar "Sultan Muhammad IV setelah kedudukannya sebagai raja pemerintah Kelantan diiktiraf oleh Kerajaan Inggeris.

13 Tuan Long Zainal Abidin, kemudian disebut Tengku Zainal Abidin, bergelar Raja Muda dari tahun 1900 hingga tahun 1944 dan bergelar Raja Dewa dari tahun 1944 hingga akhir hayatnya pada 28.2.45.

14 Kemudian disebut Tengku Ismail dan jadi Sultan Kelantan antara tahun-tahun 1920 - 1944.

15 Mangkat pada 21.11.32.

16 Kemudian bergelar Tengku Besar Indera Raja.

17 Kemudian bergelar Tengku Bendahara dan mangkat pada 2.12.26.

18 Che Hassan bin Muhd. Salleh jadi Menteri Besar Kelantan dengan gelaran Dato' Menteri dari tahun 1900 hingga 1920.

dihormati oleh Haji Wan Musa sehinggakan diberi kepercayaan (mentashih) risalah "A'kdu al-darri al-Nafis" yang setebal 22 muka itu.

Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah meninggal dunia pada petang Jumaat 25 Jamadil Awal 1333 (bersamaan 9 April 1915) dan usianya dalam lingkungan 40 tahun.

3 Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad

Pembaharuan pemikiran Islam di Kelantan, pewaris Tuan Tabal (Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh). Ayahandanya, Syeikh Abdul Samad bin Muhammad Salleh al-Kelantani (lebih popular dengan sebutan Tuan Tabal) adalah penyair Tariqah Ahmadiyah pertama di Semenanjung Melayu. Adik kepada Mufti Haji Wan Muhammad dan Abang kepada Haji Wan Abdullah Khatib (Tok Khatib Haji Nik Lah).

Lahir di Lorong Tok Semian, Kota Bharu, kira-kira dalam tahun 1929 Hijrah/1875 Masihi. Semasa mudanya menuntut di Kota Mekah berguru dengan Syeikh Hasbullah, Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Syeikh Muhammad dan Ahmad al-Dandraw dan tokoh-tokoh lain juga. Banyak mutalaah kitab serta sering mengikuti perkembangan siasah dunia dengan membaca akhbar/majalah dalam dan luar negeri seperti al-Imam (1906), al-Ikhwān (1926), Saudara (1928), al-Manar dan al-Ūrwat al-Wuthqa. Malah pernah berutus surat dengan Maulana Ubaidullah al-Sindhi (guru anaknya di Mekah) dan Syeikh Muhammad Rashid Ridza (Mesir).

Mesyuarat pada 19 Januari 1909 yang dipengerusikan oleh Baginda Sultan Muhammad IV sendiri memutuskan untuk melantik Haji Wan Musa sebagai Mufti Kerajaan, tetapi Watikah perlantikannya diserahkan enam bulan kemudian – bertarikh 10 Rejab 1327 (27 Julai 1909) – mungkin selepas pengesahan jawatan.

Antara langkah awalnya ialah mengeluarkan fatwa tentang masalah lafaz asli, muqaranah takbiratul ihram serta kifiatnya. Bersumberkan karangan Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman al-Fatani,¹⁹ fatwa radikal tersebut dikeluarkan pada tahun 1327 (Hijrah).²⁰ Bagaimanapun, ia mendapat bantangan hebat daripada pemimpin-pemimpin kaum tua.

Pendiriannya yang tegas dan pandangan islah/pembaharuannya banyak bertelagah dengan fahaman tokoh-tokoh kaum tua: dengan

19 Bertajuk "Tazkiyat al-Anzar wa Tasfiat al-Afkar" (27 Muharam 1339/8 Oktober 1920) cetakan Matbaah Mustapha al-Baabi al-Hilbi wa-aulaadhi, Mesir, pada bulan Rabiul Awal 1341/Oktober 1922, hlm. 39.

20 Tetapi satu abad sebelumnya, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani pernah merintis penulisan tentang permasalahan seumpama ini melalui risalahnya "Bulugh al-Maram" yang selesai dihimpun pada bulan Rabiul Awal 1227 (Mac/April 1812). Kemudian barulah diikuti oleh penulis-penulis seperti Syeikh Ismail bin Abdullah al-Khalidi, Syeikh Abdul Rahman bin Muhammad Ali al-Fatani dan tokoh-tokoh lain juga.



*Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad
(Mufti Kerajaan Kelantan: 19 Januari 1909 - akhir Jun 1916).*

alim ulama yang menguasai Majlis Agama Islam Kelantan sendiri (bantah bina Masjid Besar Kota Bharu dengan harta zakat fitrah), dengan tokoh-tokoh kaum tua yang sulit menerima pembaharuan (persoalan muqaranah sembahyang, kenduri arwah, talqin dan lain-lain), dengan Tok Kemuning, Haji Ismail bin Haji Senik (mengenai kain telekong sembahyang), dengan Syeikh Muhammad al-Azhari (tentang pemindahan jualan harta wakaf), dengan Sultan Muhammad IV (kes harta pusaka) dan pada dekad 1930-an pula dengan Mufti Haji Ibrahim serta para penyokongnya (bersabit dengan talfiq Mazhab, khususnya masalah jilatan anjing).

Namun, beliau tetap berpegang teguh dengan pendiriannya. Keyakinan diri sedemikian membawa kepada perletakan jawatannya pada akhir bulan Jun 1916. Beliau kemudian berulang alik ke negeri Terengganu di mana Menteri Besar Dato' Haji Ngah Muhammad bin Yusuf memberi layanan baik kepadanya. Selepas kemangkatan Sultan Muhammad IV (akhir 1920), barulah beliau kembali menetap di Kelantan lalu mengajar di suraunya sendiri di Jalan Merbau, Kota Bharu.

Ajarannya tidak menekan pada jurusan usuludin, fiqah, tasawuf semata-mata malah merangkumi falsafah, mantiq, tarikh/sejarah dan lain-lain. Di bawah bimbingan tokoh ulama progresif ini maka lahirlah satu angkatan ulama berpengaruh seperti Haji Saad Kangkong, Haji Yaakub Lorong Gajah Mati, Haji Ahmad Maher, Maulana Abdullah Noh Pasir Puteh, Haji Ayub Kemboja, Haji Abdul Manan Sumatera, Haji Abdul Wahid Melaka, Haji Muhammad Zain Kedah/Meranti, Haji Abdul Rahman Lubuk Jambu, Haji Nik Mat Alim Pulau Melaka, Haji Nik Daud Tanah Merah, Haji Nik Soh Langgar, Haji Wan Abdul Rahman Seribung, Haji Ismail Lundang Paku serta lima orang puteranya sendiri iaitu: Haji Nik Abdullah, Haji Nik Mat Nazir, Haji Nik Mahmud, Haji Nik Muhammad Salleh dan Haji Nik Muhammad Mahiyuddin.

Pada malam Ahad 22 Syaaban 1352 bersamaan 10 Disember 1933 Haji Wan Musa bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad s.a.w. Baginda, antara lainnya membenarkan Tariq Syah Wali Allah yang dipelajari oleh anak Haji Wan Musa (Haji Nik Abdullah) itu sebagai "..... jalanku dan sunahku yang betul"

Haji Wan Musa meninggal dunia secara mengejut pada pukul 3.00 petang Sabtu 24 Zulkaedah 1357 bersamaan 14 Januari 1939 ketika berusia 65 tahun dan dikebumikan di kubur Banggul.

Antara pusaka penulisanannya yang telah dicetak ialah risalah A'qdu al-darri al-nafis yang diterjemahkan daripada karangan Saidi Ibrahim al-Rashid mengenai munaqib Syeikh Ahmad bin Idris yang selesai ditulis pada 4 Januari 1906 dan risalah munaqib Saidi Ibrahim

al-Rashid bin Syeikh Salleh, karangan Syeikh Ismail al-Nuwwab yang selesai diterjemah pada 1 Ogos 1906. Kebanyakan koleksi Haji Wan Musa ada tersimpan di Arkib Negara Malaysia Cawangan Kelantan.

4 Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad

Putera sulung Tuan Tabal, abang kepada Mufti Haji Wan Musa dan menantu Tok Kadi Haji Muhammad Tok bin Abu Bakar (1845 – 1921). Guru al-Quran terkemuka, pendekar kenamaan (silat tongkat, tikpi) dan masyhur gagah – lantas digelar juga Tok Gagah.

Lahir pada malam Jumaat 5 Rejab 1287 (akhir September 1870) iaitu sama setahun dengan Tok Kenali (Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad) dan Sultan Muhammad IV (Tuan Long Senik bin Tuan Kunder). Semasa berada di Tanah Suci Mekah, antara lainnya berguru dengan Tok Wan Ali Kutan (Haji Wan Ali bin Haji Abdul Rahman), Tok Guru Wan Ahmad Fatani, Tok Seruji atau Syeikh Ahmad dan belajar seni silat sekali seminggu dengan Kasim Betawi. Gemar beriadah dan memelihara kuda.

Pada mulanya (November 1896) dilantik sebagai Imam Muda di Masjid Besar Kota Bharu, kemudian menjadi Imam Tua (selepas kematian Haji Wan Daud). Berikutan perletakan jawatan mufti oleh adindanya maka pada 21 Ogos 1916 beliau dipilih sebagai mufti yang baru iaitu di samping beberapa portfolio lain: anggota Majlis Agama Islam Kelantan (sejak Disember 1915), Hakim Mahkamah Syariah (2 Januari 1916 – 19 April 1920), Ketua atau Yang Dipertua Jemaah Ulama Majlis (27 Mei 1918) dan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (23 Disember 1919). Beliau jugalah yang mengusulkan nama timang-timangan Darun Naim bagi negeri Kelantan yang kemudiannya diperkenankan oleh Baginda al-Sultan. Mufti pertama yang dikurniakan bintang Seri Mahkota Kelantan (15 April 1920).

Walaupun sibuk dengan tugas-tugas rasmi, beliau tidak lupa meneruskan kegiatan keagamaan di surau peninggalan ayahandanya. Antara mereka yang pernah mengikuti majlis ilmunya termasuklah Syeikh Othman Jalaluddin Sering; Imam Haji Muhammad Abu Bakar al-Kelantani Kampung Panjang; Haji Yusuf Ismail Lundang Paku; Haji Yaakub Yusuf Kampung Lati (Belukar Larak); Haji Hamzah Yunus Padang Bemban; Haji Ismail Nik Mat Kampung Paluh (Bukit Panau); Lebai Daud Ahmad Kampung Jejuluk (Pasir Mas); Wan Nawang atau Sulaiman bin Wan Abdul Rahman Kampung Jaya; Haji Abdul Rahman Idris Sering; Haji Nik Othman Abdul Karim Kampung Amir (Besut); Haji Daud Senik Langgar dan Haji Abdullah Muhammad Salleh Padang Tembusu.



*Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad
(Mufti Kerajaan Kelantan: 21 Ogos 1916 - 7 Disember 1920).*

Mufti yang "lemah lembut kelakuannya" ini mati mengejut pada waktu maghrib malam Rabu 27 Rabiul Awal 1339 bersamaan 7 Disember 1920 ketika berusia 51 tahun 8 bulan 3 minggu (Hijrah) atau 50 tahun 2 bulan 1 minggu (Masihi) dan dikebumikan di kubur Banggul, Kota Bharu.

5 Dato' Haji Che Idris bin Haji Che Hassan

Mufti Kerajaan Kelantan pertama yang bergelar Dato. Ayahanda kepada Syeikh Abdul Rahim Idris al-Kelantani.²¹

Lahir di bandar Kota Bharu dalam tahun 1300 Hijrah/1882 Masihi.²² Belajar membaca al-Quran dengan Haji Wan Mahmud bomoh (kemudian menjadi mertuanya). Pada tahun 1312 Hijrah/1894 Masihi belajar ke Mekah dan menuntut di Masjid al-Haram berguru dengan Syeikh Wan Ahmad al-Fatani, Pak Cik Musa, Tok Kenali dan ramai lagi. Beliau tergolong seorang pelajar yang cerdas kerana "sikit belajar banyak boleh". Pulang ke negeri Kelantan lapan tahun kemudian lalu diberi penghormatan mengajar di Masjid Besar Kota Bharu (di samping di suraunya sendiri di Kampung Lorong Che Su, Kota Bharu). Murid-muridnya: Haji Abdul Manan Sabak (berasal dari Sumatera), Haji Muhammad Nur Kedai Mulong, Haji Muhammad Saad (Penggawa Telong), Haji Wan Mamat Pasir Pekan, Haji Che Yaakub (Imam Mukim Baka), Lebai Ismail Kampung Paluh/Tendung dan Haji Abdullah Kampung Bunut Sarang Burung.

Pada awal tahun 1920 dilantik menjadi anggota Majlis Agama Islam Kelantan merangkap Setiausaha Majlis Ulama (kini Jemaah Ulama Majlis). Mulai 5 Mac 1921 diangkat ke jawatan Mufti yang secara automatiknya menjadi Yang Dipertua Majlis Ulama (kini Pengerusi Jemaah Ulama). Pada 23 Julai 1921 digelarkan Dato Mufti dan pada 21 Julai 1925 dikurniakan darjah kebesaran Dato Paduka Mahkota Kelantan yang membawa gelaran Dato.

Seorang anak yang menghormati ibu, bahkan beliau mengambil cuti selama 45 hari (31 Ogos 1924 hingga 14 Oktober 1924) apabila ibunya Hajah Che Tom binti Che Idris Besut meninggal dunia.

Haji Idris sendiri yang terkenal "peramah dan baik dan tidak payah berkira" ini kembali ke rahmatullah pada jam 3.00 petang Rabu 20 Jamadil Akhir 1346 bersamaan 14 Disember 1927 ketika berusia 46 tahun sesudah demam enam hari (sejak malam Jumaat 8/9 Disember 1927). Jenazah dikebumikan pada hari Khamis di kubur Banggul, Kota Bharu.

21 Tokoh ulama mutakhir peranakan Kelantan yang berkhidmat sebagai "Khadam Ilmu" di Makkatul Mukarramah. Meninggal pada pukul 8.00 pagi Isnin (waktu Mekah), 12 Februari 1990.

22 Iaitu sama setahun dengan kelahiran Haji Nik Mahmud Haji Ismail, rakan seperguruan — sama-sama berguru dengan Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Mekah.

Isterinya, Hajah Wan Kalthum binti Haji Wan Mahmud yang berusia lanjut baru meninggal pada malam Sabtu 20 Rejab 1394/9 Ogos 1974 iaitu berselang 48 tahun 1 bulan (hitungan Hijrah).

Anak-anaknya: Che Bidah, Che Abdullah (mati kecil), Che Abdul Rahman atau Che Ngah,²³ Che Abdul Rahim (Syeikh Abdul Rahim Mekah), Che Zainab, Che Sofiah dan Haji Abdul Hamid.

6. Pemangku Mufti Haji Wan Hassan bin Haji Wan Muhammad

Selepas kematian Haji Idris jawatan Mufti dipangku oleh Haji Wan Hassan bin Haji Wan Muhammad iaitu Kadi Besar yang pertama di Kelantan.

Haji Wan Hassan lahir di Batu Karang/Tualang Sekah, Kampar, Perak. Tarikh kelahirannya tidak diperolehi. Semasa kecil mengaji dengan ayahandanya sendiri, iaitu Haji Wan Muhammad bin Wan Hussin.²⁴ Kemudian berguru dengan Tuan Hussin Kedah. Selepas itu pindah ke Terengganu berguru dengan Haji Mat Shafie Losong dan Haji Hassan bin Haji Daud Besut. Selanjutnya datang ke Kelantan, menggurui Haji Omar Sungai Keladi, Tok Kenali dan lain-lain. Akhir sekali pergi ke Mekah dan kembali menetap di negeri Kelantan.

Jawatan awalnya ialah sebagai Kerani Mahkamah Ulung Bicara (mulai 9 April 1907) dengan gaji RM12.00 sebulan. Pada 2 Mac 1912 dilantik menjadi Penolong Hakim Mahkamah Syariah. Mulai 20 April 1920 dinaikkan pangkat menjadi Kadi Besar Mahkamah Syariah. Sewaktu masih dalam jawatan Kadi Besar inilah beliau diamanahkan memangku jawatan Mufti Kerajaan selama dua bulan, bermula 4 Januari 1928. Selepas bersara beliau berkhidmat pula sebagai guru agama di penjara lama (kini Pejabat Rancangan Kawalan Penyakit Bawaan Vekto Kota Bharu), iaitu mulai 1 Mei 1944 hingga 21 Januari 1950.

Tokoh yang gemar berdamping dengan tukang-tukang lagu ini meninggal dunia pada pukul 3.45 pagi Ahad 14 Mac 1965 dan dikebumikan berhampiran dengan pusara Tok Kenali (gurunya)

23 Temubual pada petang Rabu 2 April 1974 di Simpang Lido, Kota Bharu (Meninggal di Hospital Besar, Kota Bharu) kira-kira dalam tahun 1986). Pada petang tersebut jugalah penulis diizin "bertemu mata" dengan ibunya yang sedang uzur.

24 Haji Wan Muhammad, pesara Mufti Kerajaan Perak itu sebenarnya berasal dari Merbul, Pasir Puteh, Kelantan. Beliau adalah ipar Tuan Guru Haji Said Kampung Lama, Besut dan mertua Tuan Guru Haji Omar Kampung Raja, Besut. Mati di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak pada 13 November 1929 dengan meninggalkan hampir 40 orang anak, antaranya Haji Wan Yusuf, Hajah Wan Saidah, Hajah Wan Fatimah, Hajah Wan Asiah dan Hajah Wan Hindon — semuanya masih hidup. Manakala yang telah meninggal, antaranya Hajah Wan Zainab, Hajah Wan Nik, Hajah Wan Thom, Hajah Wan Hamidah, Hajah Wan Hafsa, Haji Wan Muhammad Salleh, Haji Wan Hussin, Haji Wan Othman (Sarawak), Haji Wan Sulaiman, Haji Wan Abdul Rauf, Haji Wan Muhammad Nor, Haji Wan Hassan, Haji Abdullah Zawawi dan Haji Wan Abdul Rahman. Haji Wan Abdul Rahman adalah bapa kepada Wan Hilal, Wan Hariri, Wan Ahmad Radzi dan lain-lain. Wan Ahmad Radzi ini ialah ayahanda kepada Wan Zaleha Radzi, bekas pengacara/juruhebah popular TV3.

di Kubang Kerian, Kota Bharu.

7 Dato Haji Ibrahim bin Haji Muhammad Yusuf

Tokoh yang kerap turun naik ke Mekah lebih masyhur dengan panggilan Haji Ibrahim Tok Raja.²⁵ Kemanakan/murid/menantu Syeikh Abdul Rahman bin Muhammad Ali al-Fatani dan mertua al-Syahid Haji Sulong Patani. Seangkatan dengan Haji Wan Ishak, Haji Wan Musa, Haji Wan Muhammad Haji Wan Hassan Kemboja, Haji Che Kar Kampung Laut, Haji Che Leh Penambang/Kampung Laut, Haji Abdullah bin Sudin (Tok Perlis), Haji Muhammad Said bin Muhammad (Tok Jerulong), Haji Othman bin Haji Muhammad (Tok Bachok), Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali), Haji Abdul Rahman bin Haji Othman (Tok Selihor/Selihong), Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdul Halim (Tok Padang Jelapang/Tok Golok), Haji Yusuf bin Abdul Rahman (Tok Pulau Ubi) dan tokoh-tokoh lain juga.

Lahir pada tahun 1288 Hijrah/1871 Masihi di Kampung Banggul, Kota Bharu. Semasa mudanya belajar di Pondok Tuan Guru Haji Abdul Malek Sungai Pinang, kemudian melanjut pelajaran ke Mekah dan Madinah dan berguru dengan puluhan ulama ternama. Kuat menghafaz pelajaran serta gemar beramal ilmu-ilmu keduniaan dan keakhiratan sehingga berhasil menyusun sebuah risalah khusus "al-Fawa'id' al-Dunyawiyyah" (1903).

Tugas awalnya ialah sebagai pengajar di Sekolah Majlis (1912), juga salah seorang guru agama di Kampus Masjid Besar Kota Bharu. Bahkan pernah berdakwah di Kemboja selama hampir dua tahun serta fasih bertutur bahasa tempatan. Secara tetapnya mengajar dan berkediaman di Kampung Penambang, Kota Bharu. Antara murid-muridnya: Haji Muhammad Zain Kedah (Pengasas Pondok Meranti), Haji Wan Idris Tok Uban (Pengasas Pondok Rasal), Haji Yaakub Nipah (Pengasas Pondok dan Sekolah Arab Yaaqubiah, Nipah), Haji Nik Othman Kampung Amir (Besut), Haji Yusuf Kampung Cop (Bukit Marak), Haji Ismail Gok Kapur, Muhammad Salleh Haji Harun Kemboja, Haji Jaafar Bomoh, Padang Landak (Jerteh), Haji Wan Taib Rantau Panjang dan Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail (Dato Perdana Menteri Paduka Raja) yang juga sahabatnya.

Pada awal Mac 1928, sewaktu berusia 57 tahun dilantik memegang jawatan Mufti bagi mengisi kekosongan jawatan berikutan kematian Haji Idris. Pada zamannya fahaman kaum muda yang

²⁵ Demikianlah sebutan lazim yang sudah maaruf di kalangan mereka yang mengenali peribadinya, malahan ada terakam dalam kata pengantar "Saadat al-Mutanabbih" karangan Syeikh Wan Ahmad al-Fatani (gurunya), cetakan Matbaah Muslim Press, Patani (tahun 1950-an).



Dato' Haji Ibrahim b. Haji Muhammad Yusuf
(Mufti Kerajaan Kelantan awal Mac 1928 - Ogos 1941).

menjadi satu isu dalam masyarakat Nusantara ikut menular ke Kelantan. Lantaran itu beliau terpaksa berdepan dengan pelbagai permasalahan termasuk muqaranah/niat sembahyang, talqin, tahlil, tunggu kubur, ulama masuk dalam lubang kubur dan beberapa masalah khilafiah yang lain lagi. Salah satu langkah yang diambilnya ialah mendedarkan risalahnya - Jiwa Amalan - yang ditulis di Mekah pada pertengahan tahun 1925 dahulu.

Ekoran satu peristiwa, pada awal bulan Julai 1941 beliau memohon bersara daripada jawatan dengan berpencen dan hadiah serta bercuti mengikut peraturan yang lazim ketika itu.

Tokoh yang banyak berjasa ini meninggal dunia di Kampung Penambang, Kota Bharu pada 12 Syawal 1374 bersamaan 2 Jun 1955 ketika berusia 86 tahun (Hijrah) atau 84 tahun (Masihi) dan dikebumikan di Kubur Surau Banggul, Kota Bharu dan 13 tahun selepas kematiannya, putera sulungnya (Haji Muhammad Nor) pula dilantik menjadi Mufti Kerajaan Kelantan yang kelapan.

8 Dato Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail Al-Azhari

Perancang pembaharuan halaqah pengajian kitab di Masjid Muhammadi (1930-an). Putera sulung Haji Ismail bin Haji Senik (lebih masyhur dengan panggilan Tok Kemuning atau Tok Kemuning Muda).

Lahir di Mua'lla, Mekah dalam bulan Ramadhan 1322 (November 1904) semasa ayahandanya sedang belajar di Masjid al-Haram. Pulang ke Kelantan sewaktu berusia 9 tahun. Pada mulanya diserah belajar di Pondok Tok Kenali, kemudian mengikuti halaqah pengajian kitab di Masjid Kayu Kota Bharu. Di samping itu berguru juga dengan Tok Khatib Haji Nik Abdullah, Haji Ahmad Hakim dan Maulana Tok Khurasan. Pada 8 Oktober 1925 belayar ke Mesir kerana menuntut di Universiti al-Azhar. Syeikh Muhammad bin Bakhit al-Hanafî adalah salah seorang guru kesayangannya. Kecenderungannya dalam ilmu Usul al-Fiqah dan ilmu-ilmu alat serta lulus dalam masa yang singkat menyebabkan beliau digelar (Tok) "Maher". Beliau disebut-sebut dapat menguasai 32 jenis ilmu, termasuk mantiq, falsafah dan balaghah.

Sekembali ke Kota Bharu, beliau dilantik sebagai Nadzir Pelajaran di Majlis Agama Islam Kelantan (1 Julai 1931). Kemudian (1 Disember 1933) mengambil tugas-tugas pengarang Pengasuh. Pada tahun berikut (1934) menyandang jawatan Ketua Pelajaran Majlis, dalam mana beliau cuba memperkenalkan beberapa pembaharuan, termasuk perubahan sistem dan kurikulum pelajaran agama. Selanjutnya menjawat-jawatan Kadi Besar Kelantan yang kedua (15 Oktober 1935). Ini diikuti dengan perlantikan sebagai



*Dato' Haji Ahmad Maher b. Haji Ismail al-Azhari
(Mufti Kerajaan Kelantan: 1 Januari 1945 - 16 Mac 1968).*

Mufti Khas kepada Sultan Ismail. Berikutan pelepasan jawatan oleh Mufti Haji Ibrahim, maka pada 1 September 1941 beliau diamanahkan memangku jawatan Mufti Kerajaan Kelantan. Pemangkuan jawatan tersebut disahkan pada 1 Januari 1945. Beliau berkhidmat sampai ke akhir hayat.

Pengalaman mengajar di Masjid al-Haram, Mekah banyak membantunya ketika berkhidmat di Kampus Masjid Muhammadi Kota Bharu. Murid-muridnya datang dari dalam dan luar Kelantan. Antara yang terkemuka dari negeri Kedah: Haji Othman Yunus Bukit Besar, Haji Yahya Junid Padang Lumat, Lebai Isa Kepelu, Haji Ahmad Othman Kodiang, Haji Abdullah Abbas Jitra (selaku khadamanya),²⁶ dari negeri Melaka: Haji Hussin Hafiz Umbai, Haji Abdul Jalil Sungai Udang; dari negeri Perlis: Haji Mokhtar Ismail Pangkalan Asam; dari negeri Perak: Ustaz Muhammad. Noor Salleh Sumatera (kemudian berhijrah ke Kelantan, menetap di Kampung Banggul Ara) dan dari negeri Kelantan sendiri: Syeikh Daud Sulaiman al-Kelantani (bergiat dan meninggal di Mekah), Haji Awang Beta, Haji Ismail Kampung Talaq, Haji Ismail Cenderung Batu, Haji Abdul Aziz Pondok Terusan dan Haji Daud al-Ahmadi Bandar Kota Bharu.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya beliau banyak terlibat dalam pemodenan pentadbiran dan kemajuan agama Islam di negeri Kelantan mengadakan jawatan Penyelia Agama, menambah bilangan Kadi, menyerap guru-guru agama ke dalam perkhidmatan Kerajaan, mewujudkan jawatan Setiausaha Mufti dan yang terpentingnya usaha menyusun sukatan pelajaran baru diperpondokkan Masjid Muhammadi.

Sempat mengarang beberapa buah karya iaitu Kitab Sulohan Awam (1943) mengenai fardhu ain dan ibadat, Pedoman Kebangsaan dan Perlembagaan Negeri (1949) setebal 268 muka, terjemahan Risalah al-Qawaid (1949) dari karya Sidi Ahmad bin Idris dan Karya berbahasa Arab, Syarh al-Syaikh ibn A'lan Qasidat Abi Madyan (1932).

Sebagai mengenang jasa dan sumbangan baktinya maka pada tahun 1966 Baginda Sultan Yahya Petra berkenaan mengurniakan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Kelantan, juga Darjah Dato Paduka Jiwa Mahkota Kelantan iaitu selain daripada gelaran Dato Kaya Purba yang telah dikurniakan pada zaman pemerintahan Sultan Ibrahim (1944-1961) lagi. Beliau juga menganggotai Majlis Penasihat Raja dan Ahli Majlis Perajaan Negeri.

Tokoh yang serba boleh dan berwajah comel ini meninggal dunia pada hari Sabtu 17 Zulhijjah 1387 bersamaan 16 Mac 1968 ketika

26 Bualan atas bas Kota Bharu — Kuala Terengganu pada 23 Julai 1978 sewaktu sama-sama dalam perjalanan menghadiri Hari Sastera Tahun 1978 di Kuala Terengganu. Haji Abdullah meninggal pada 5 Januari 1987 dalam usia 75 tahun.

berusia 65 tahun 3 bulan (Hijrah) atau 63 tahun 4 bulan (Masihi) dan dikebumikan di Kubur Banggul, Kota Bharu. Anaknya ramai termasuk Dato Ahmad Rastom (bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan).

Koleksinya dihadiahkan kepada Perpustakaan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (sekarang Akademi Islam Universiti Malaya), Nilam Puri (1974) dan mulai 9 Januari 1991, Sekolah Menengah Jalan Bayam Kota Bharu diabadikan dengan namanya – Sekolah Menengah Dato Ahmad Maher.

9 Dato Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim

Hafiz, ahli falak dan tokoh pelopor dalam banyak bidang. Salah seorang ulama Kelantan yang ulung lagi dipandang hebat, malah terbilang di antara barisan ulama yang paling terkenal di Semenanjung Melayu.

Putera sulung Haji Ibrahim sebelah bapanya bertalian cucu saudara dengan Tok Gudang. Sebelah ibunya, cucu saudara Tuan Guru Haji Nik Man Lorong Che Su dan cucu sepupu Tuan Padang (Haji Ahmad bin Haji Yusof bin Haji Abdul Halim).

Dilahirkan dalam bandar Kota Bharu pada 19 Jamadil Akhir 1323 bersamaan 20 Ogos 1905. Termasuk murid perintis kelas bahasa Inggeris di Sekolah Majlis (dibuka 8 September 1918), pimpinan Megat Othman bin Ali dari negeri Perak. Mendalami pengajian di Masjid al-Haram, Mekah – berguru dengan Syeikh Abdullah Singgora, Syeikh Noh Jamaluddin Kelantan, Syeikh Muhammad Noor Fatani, Tengku Mahmud Zuhdi Fatani, Pak Dor Ail Fatani, Haji Sulong Fatani (kemudian menjadi iparnya), Chair Pak Ya (Yahya) Reman dan ramai lagi. Berpengetahuan luas di dalam pelbagai bidang ilmu – syariah, usuluddin, tafsir, hadis, falaq, miqaat, qiraah dan ilmu perubatan. Sangat berani dan tegas dalam memperkatakan soal-soal keagamaan, menyebabkan beliau disegani dan dihormati oleh setiap lapisan masyarakat.

Pengabdianya dengan masyarakat tempatan bermula pada 2 Januari 1939 tatkala beliau dilantik memegang jawatan Kadi Besar Kelantan yang ketiga. Juga pernah memegang jawatan Mufti Khas (1 September 1941 hingga 28 Oktober 1944). Mempelopori Kelas Tahfiz al-Quran di rumahnya di Kampung Penambang, Kota Bharu. Semasa menjadi guru di Jame' Merbau al-Ismaili (mulai 1 April 1945), beliau memperkenalkan pengajian ilmu falaq dan mengajar ilmu hisab dalam bahasa Arab. Selanjutnya bertugas di Masjid Muhammadi, Kota Bharu – mengajar tafsir, hadis, syariah untuk fiqah dan qiraat (mulai 1 Mac 1949). Cara penyampaian serta kaedah kupasannya yang tersendiri menarik minat para penadah dan pen-



Dato' Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim
(Mufti Kerajaan Kelantan: 1 Mei 1968 - 13 Februari 1987).

dengar.

Pada tahun 1966 beliau diundang ke Kuala Lumpur bagi mengendalikan Kelas Menghafal al-Quran perintis di Masjid Negara (kini Institut Pengajian Tahfiz al-Quran Wal-Qiraat). Antara pelajar-pelajarnya: Abu Hassan Lebai Din (sekarang Dato Abu Hassan al-Hafiz), Muhsin Syeikh Ahmad, Ismail Mahmud, Zainal Abidin Ahmad dan Salehuddin Omar (Pengetua Institut sekarang, sejak 1 Julai 1980). Selepas dua tahun lebih dipanggil pula ke Kelantan bagi mengisi kekosongan jawatan Mufti Kelantan – berkhidmat mulai 1 Mei 1968 hinggalah ke akhir hayatnya.²⁷

Walau pun sudah memegang jawatan Kerajaan beliau tidak lupa meneruskan kuliah pagi Jamaat di Masjid Saadal al-Ikhwān, Kampung Penambang yang mendapat sambutan hebat setiap minggu. Atas cadangannya juga pada tahun 1970 dibuka Kelas Mendalami Syariah (Qismu al-Tafaqquh fi al-Din) dan menyusulnya Kelas Tahfiz al-Quran (1980) – kedua-duanya bertempat di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Salah seorang daripada lepasan Kelas Tafaqqah ini ialah Ustaz Ibrahim Mahmud yang kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti Islam Madinah (sekarang Ahli Parlimen Kuala Krai). Antara hafiz yang berjaya pula ialah Haji Abdul Wahid bin Haji Abdul Syukur, iaitu Imam Solat Tarawikh di Masjid Muhammadi sekarang.

Tetapi jasanya yang tidak diketahui umum ialah mengajar banduan di Penjara Kelantan, Pangkalan Chepa (tahun 1950-an). Berkat bimbingan beberapa orang “kaki gedebe” atau penjahat berubah menjadi “berjurus”. Malahan mereka kemudiannya muncul sebagai guru tajwid al-Quran yang sangat dihormati serta berjaya melahirkan murid-murid sendiri pula. Sebagai contoh Tok Lebai Hamid bin Boto’ (meninggal 17 Mac 1974) dari Kampung Belukar Keting, Gunung, yang pernah menjalani hukuman penjara selama tujuh tahun (hukuman asalnya sepuluh tahun) adalah guru kepada Pak Noh bin Idris, Kampung Bakung (serta sahabat-sahabatnya) yang sekarang bergiat semacam guru keliling di kampung-kampung dalam Jajahan Bacok dan Pasir Putih. Rakan Lebai Hamid pula, Haji Yaakob bin Kundor, asal Chenderong Batu, Tumpat, yang semenjak suku abad lalu mengajar secara sukarela, mulai 8 Disember 1991, dilantik menjadi Pewagai Dakwah Halqah bagi kawasan Tumpat.

Tokoh-tokoh lain yang lahir daripada halaqah dan majlis ilmu pimpinan Tuan Guru Haji Muhammad Noor termasuk juga Haji Yusuf Kampung Laut (menantunya), Haji Nawawi (Imam Kampung

²⁷ Sebelum itu pernah memegang jawatan Mufti selama 8 bulan genap (6 Mei 1954 — 5 Januari 1955) semasa Haji Ahmad Maher bercuti panjang melawat negara-negara Arab dan Eropah.

Penambang), gemulah Tok Imam Che Harun, gemulah Haji Ismail Kubang Sepat (bekas Imam Mukim Langgar), gemulah Tuan Guru Haji Hassan Ketereh, Haji Yaakub Kemubu dan Haji Nik Jid, Bachok. Dari luar Kelantan: Haji Hussin Hafiz, Umbai (Melaka), Haji Othman Bukit Besar (Kedah) dan Lebai Ismail, Sungai Bayur, Selama (Perak) – semuanya sudah meninggal. Manakala yang masih ada: Haji Ahmad Hafiz, Relai (Pahang), Tok Perigi atau Haji Abdul Wahab, Pusan (Patani).²⁸

Di samping giat mengajar beliau juga banyak mengarang seperti: Pilihan Mastika Pada Menerang Kiblat dan Ketika (1931) sebuah risalah mengenai ilmu miqat/falaq, Bantuan Ketika bagi Membahagi Pesaka (1937) tentang ilmu faraid, Ramun Rapi (1957), Tafsiran Surat al-Kahfi dan buku-buku teks untuk Sekolah Arab. Paling larisnya ialah Tafsir Pimpinan al-Rahman (1968) karangan bersama dengan Syeikh Abdullah Muhammad Basmeh. Serta turut menyusun Muqaddimah Mastika Hadis (1973) dan Mastika Hadis Jilid I (1974).

Pada 10 Julai 1968, dianugerah bintang Seri Paduka Jiwa Mahkota Kelantan yang membawa gelaran Dato dan pada 21 Mac 1980 dikurniakan gelaran Dato Kaya Purba.

Tokoh yang mementingkan disiplin diri, tegas dan berperwatakan perengus ini meninggal di Kampung Penambang, Kota Bharu pada jam 12.48 tengahari Jumaat, iaitu 39 minit sebelum masuknya waktu sembahyang fardhu Jumaat. Tarikhnya pada 15 Jamadilakhir 1407 bersamaan 13 Februari 1987. Mengikut hitungan Hijrah, umurnya 83 tahun 11 bulan 25 hari (kurang 5 hari genap 84 tahun) dan mengikut kiraan Masihi pula berumur 81 tahun 5 bulan 24 hari (kurang 6 hari genap 81½ tahun). Jenazahnya dikebumikan di kubur besar Kampung Banggul, Kota Bharu, berasingan daripada tanah perkuburan ayahandanya yang bersemadi di Kubur Surau Banggul.

Pada 3 Julai 1988, almarhum dipilih dan dikenang sebagai tokoh pendidik Yayasan Islam Kelantan yang ke-9.

10 Dato Haji Ismail bin Haji Yusuf

Tokoh ilmuan Islam yang berwibawa dan yang kedua paling singkat memegang jawatan Mufti Kerajaan Kelantan. Lahir di Kampung Gong Kemuning, Pasir Puteh dalam tahun 1915. Memelajari al-Quran (bebalek) dengan Haji Abdul Samad Gong Kala. Mendapat pendidikan secara tradisional di Pondok Haji Muhammad

²⁸ Temubual pada pagi Ahad 12 Mac 1989 di Kampus Perpondokkannya. Mengikut catatannya sendiri, beliau dilahirkan kira-kira pada tahun 1320 (Hijrah) atau tahun 1902 Masihi. Dipercayai guru pondok paling tua di Wilayah Patani/Yala yang masih hidup.



*Dato' Haji Ismail bin Haji Yusuf
(Mufti Kerajaan Kelantan: 1 April 1987 - 9 Julai 1988).*

bin Haji Omar, Gong Kemubu (abang Haji Daud Bukit Abal. Kemudian berpindah ke Pondok Kenali sebelum meneruskan ke Kampus Masjid Muhammadi Kota Bharu. Guru-gurunya termasuk Haji Assad Kangkung, Haji Ahmad Hafiz, Abang Kob Legor, Haji Ahmad Maher, Haji Yaakub Lorong Gajah Mati, Haji Ali Pulau Pinang dan Haji Ahmad Hakim. Di Kota Mekah pula beliau berguru dengan Syeikh Noh Jamaluddin al-Kelantani (adik kepada Haji Ahmad Hafiz), Syeikh Hussin al-Palembani, Syeikh Hussin al-Yamani, Syeikh Hassan al-Masyat, Syeikh Muhammad al-Arabi, Syed Alawi, Syed Amin dan ramai lagi. Berkat ketekunan belajar, beliau akhirnya berjaya menguasai bermacam-macam ilmu: nahu, saraf, usul fiqah, tarikh, tafsir Hadis, mantiq, qawa-id fihiyya, balaghah, fiqah dan tauhid. Malah terkenal sebagai seorang hafiz.

Kerja awalnya (juga yang paling lama) ialah sebagai guru di al-Madrasah al-Arabiah Jame' Merbau al-Ismaili (1 Mac 1949 – 31 Disember 1968). Kemudian berkhidmat sebagai Kadi sekejap sebelum bertukar ke Pejabat Mufti kerana menyandang jawatan Pendaftar/Setiausaha Mufti selama kira-kira 10 tahun. Mulai 15 Oktober 1979 dilantik sebagai Timbalan Mufti (Penyandang Sulung). Berikutan kematian Dato' Haji Muhammad Noor, beliau dilantik menggantinya (1 April 1987) hingga ke tarikh matinya.

Dalam bidang yang lebih luas, beliau diberi kepercayaan menganggotai berbelas-belas jawatankuasa/lembaga/jamaah/majlis, penal dan seumpamanya – baik di peringkat negeri mahupun di peringkat Persekutuan. Atas nama jawatannya sebagai Mufti Kerajaan, sejak 1987, beliau turut dilantik menjadi Ahli Majlis Penasihat Raja dan Ahli Majlis Perajaan Negeri. Akhir sekali (9 November 1987) memengerusikan Dewan Syura Majlis Agama Islam yang baru ditubuh.

Di medan persuratan pula beliau pernah memegang jawatan Ketua Pengarang Majalah Pengasuh (Pertengahan 1960-an). Di samping itu beliau menghasilkan puluhan buku agama dalam bahasa Arab dan Melayu serta risalah-risalah umum. Antaranya: Mencari Kebenaran, Punca Perselisihan Ulama, Panduan Mengerja Haji dan yang paling terkenal ialah Muqaddimah Mastika Hadis.

Semasa memegang jawatan Timbalan Mufti lagi beliau di-anugerahkan darjah kebesaran yang membawa gelaran Dato iaitu Dato Paduka Setia Mahkota Kelantan (31 Mac 1980). Penghargaan lain yang diterima ialah pada 18 Julai 1985 – terpilih sebagai Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan yang ke-VI.

Tokoh Pendidik yang sangat dikenali ramai ini meninggal dunia pada pukul 1.30 petang Sabtu 9 Julai 1988 dan dikebumikan di tanah perkuburan Jalan Hamzah Lama, Kota Bharu (berhampiran kampus baru Sekolah Kampung Sireh).

11 Dato Haji Muhammad bin Che Wok

Ahli akademik pertama dilantik ke jawatan Mufti. Satu-satu mufti bersongkok (semua mufti lain berserban). Cicit Tok Ayah Kubang Bunut.²⁹

Lahir di Kampung Kubang Bunut/Kasar, Pasir Mas pada tahun 1936. Anak bongsu daripada lima beradik yang seibu sebapa. Pada tahun 1943 memasuki Sekolah Arab Pasir Mas, kemudian menyambung pengajian ke Jame' Merbau al-Isma'ili, Kota Bharu (1950-1953). Selanjutnya ke Kolej Islam Malaya, Kelang (1954-1959). Beliau merupakan pelajar pertama diberi biasiswa oleh Majlis Agama Islam Kelantan untuk melanjut pelajaran di Kolej ini.

Pernah menjadi guru sementara (Januari - Oktober 1960) sebelum melanjut pelajaran ke Universiti Azhar, Mesir. Dalam satu majlis hari perayaan ilmu pengetahuan (idil-ilmu) yang diadakan pada awal tahun 1964, beliau dianugerahkan pingat dan sijil khas kerana kejayaannya yang cemerlang dalam peperiksaan tahun akhir iaitu peringkat Sarjana Jurusan Syariah bahagian Kehakiman Islam. Hadiah disampaikan oleh Presiden Gamal Abdul Naser sendiri. Haji Muhammad merupakan anak Melayu peringkat M.A. yang pertama mendapat penghormatan tersebut.³⁰ Pada tahun 1964, memasuki Maahad Islamiah di Mesir selama setahun dan pada tahun berikutan (1965) beliau kembali ke Kelantan.

Sesudah menamatkan pengajian tinggi, hampir seluruh kegiatan hidupnya terbabit dengan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan/Akademi Islam Universiti Malaya (Oktober 1965 hingga November 1988).³¹ Bermula dari salah seorang pengasas/ahli jawatankuasa penaja membawa ke jawatan Pensyarah Pertama, kemudian sebagai Dekan Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan (1975), Naib Pengetua (1978) dan Pengetua (1980), iaitu ekoran kematian Ustaz Muhammad Ali bin Haji Harun pada 1 Januari 1980. Apabila kemudiannya (3 Mac 1981) Yayasan Pengajian ini berkembang menjadi Akademik Islam Universiti Malaya, beliau dilantik menjadi Penyelaras bagi Kampus Cawangan Nilam Puri (4 Jun 1981-1982) dan kemudiannya Dekan Fakulti Usuluddin (1983-1984). Jawatan akhirnya ialah sebagai Dekan Fakulti Syariah.

29 Ini kerana bapanya ialah Imam Che Wok bin Haji Abdullah bin Haji Daud. Penama akhir (Haji Daud) inilah yang bergelar Tok Ayah Kubang Bunut, iaitu guru pondok paling awal di Jajahan Pasir Mas.

30 Berita kejayaan serta gambarnya telah tersiar dalam akhbar Utusan Zaman keluaran 23 Februari 1964, muka 10 di bawah ruangan "Suara Pelajar Kita".

31 Pernah dipinjam menjadi Mudir Maahad Muhammadi Kota Bharu (awal 1970-an) iaitu ikatan kali ketiga. Kali keduanya (1959) sebagai guru biasa dan kali pertama (awal 1950-an) sebagai pelajar biasa kerana Maahad Muhammadi itu adalah nama baru (sejak 3 Julai 1956) bagi Jame' Merbau al-Isma'ili dahulu. Juga bersama Ustaz Yusuf Zaki Yaakub (sekarang Dato' Seri Setia Raja) dan Ustaz Abdul Halim Abdul Kadir menyumbang pengalaman mengajar bahasa al-Quran kepada pelajar-pelajar dewasa di Sekolah Naim Libanati, Kota Bharu (5 Julai 1957 - 12 Oktober 1976).



*Dato' Haji Muhammad bin Che Wok
(Mufti Kerajaan Kelantan: 1 Disember 1988 - 17 Januari 1990).*

Kecemerlangannya dalam bidang pengajian dan keupayaannya dalam bidang pentadbiran akademik menyebabkan beliau dilantik menganggotai pelbagai Majlis Perunding seperti Ahli Jawatankuasa Dakwah di Pusat Islam Malaysia, Ahli Jawatankuasa Pengurus Syariah Bank Islam, Ahli Syura di Majlis Agama Islam Kelantan, Anggota Majlis Agama Islam Kelantan dan Pengerusi Dewan Ulama Berjasa (sebuah pertubuhan siasah).

Sebagai menghargai sumbangannya dan jasanya maka pada 30 Mac 1987 Baginda al-Sultan Kelantan berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Setia Mahkota (D.P.S.K.) yang membawa gelaran Dato'.

Dengan pengalaman kerjaya yang begitu luas maka memang patutlah Dato' Haji Muhammad diamanahkan menyandang jawatan Mufti Kerajaan mulai 1 Disember 1988.

Tokoh Pendidik yang lemah lembut ini meninggal dunia di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian pada pukul 2.37 pagi Ahad 17 Jun 1990 dan dikebumikan di Kubur Che Siti, Kampung Banggul, Kota Bharu, dalam gugusan pusara keluarga isterinya.

Disebabkan kematian awal, beliau tidak sempat menerima sendiri kurniaan darjah pertama Seri Paduka Mahkota Kelantan (S.P.M.K.) yang dikurniakan bersempena sambutan ulangtahun Keputeraan Sultan Kelantan pada 30 Julai 1990 dan pada 18 Ogos 1990, almarhum dipilih serta diisytiharkan sebagai Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan 1990.

12 Dato Haji Abdullah atau Hasbullah bin Muhammad Hassan

Tokoh ulama yang berpengalaman luas. Berbanding dengan Dato Haji Ismail, beliau agak kurang dikenali.

Lahir dalam tahun 1935 di Kampung Paya Lada, Kadok, Kota Bharu. Pendidikan awalnya (1947-1949) bermula di Pondok Mahligai, pimpinan Tuan Guru Haji Abdul Mutalib bin Awang. Selepas satu setengah tahun berpindah ke Kampung Bott dan menjadi anak murid Tuan Guru Haji Muhammad Noor bin Haji Abdullah, memondok selama lapan tahun (1949-1957). Selanjutnya, belayar ke Arab Saudi – menuntut di Masjid al-Haram, juga di Madrasah Sultiah, Makkatul Mukarramah selama enam tahun. Akhir sekali, mendalami pengajian di Universiti Madinah, selama tujuh tahun.

Sekembali ke Tanah Jawi, dipelawa bertugas di Sabah – guru pelopor di Sekolah Menengah Agama Islamiah Tawau (Mei 1970 hingga Disember 1975). Kemudian pulang menetap di negeri Kelantan, lalu dilantik menjadi Imam Besar Masjid Muhammadi Kota Bharu (1 Disember 1977).



*Dato' Haji Abdullah atau Hasbullah bin Muhammad Hassan
(Mufti Kerajaan Kelantan: 1 Julai 1990 - sekarang).*

Mulai 1 April 1987, berpindah ke Pejabat Mufti kerana mengisi kekosongan jawatan Timbalan Mufti Kerajaan. Dua tahun selepas itu, 30 Mac 1989 dianugerahkan darjah kebesaran Dato Paduka Setia Mahkota Kelantan (D.P.S.K.) yang membawa gelaran Dato'. Akhirnya, pada 1 Julai 1990 dinaikkan pangkat ke jawatan Mufti Kerajaan Kelantan dan masih berkhidmat hingga sekarang.

Selaku Mufti Kerajaan, Dato' Haji Hasbullah juga menjadi Pengerusi Jamaah Utama Majlis, Anggota Mesyuarat Majlis Agama Islam Kelantan, Ahli Dewan Syura serta beberapa keanggotaan yang lain-lain lagi.

Pendek kata, kesemua mufti tersebut berpendidikan Arab, fasih berbahasa Arab, pernah bertugas sebagai Guru Agama serta mempunyai murid-murid masing-masing.

Sebagai rumusan akhir, kita juga dapat memungut bermacam-macam data perbandingan yang menarik. Antaranya bagaimana saripati berikut (setengah-tengah butiran belum tersisip sebelum ini):

- * Mufti paling muda dilantik memegang jawatan: Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah (32 tahun).
- * Mufti paling tua menyandang jawatan: Haji Muhammad Noor bin Haji Muhd. Yusuf (62 tahun).
- * Mufti paling lama berkhidmat: Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail (23 tahun 2 bulan) tidak termasuk tempoh memangku selama 3 tahun 4 bulan).
- * Mufti paling singkat memegang jawatan: Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah (1 tahun).
- * Mufti yang berhenti awal: Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad dan Haji Ibrahim bin Haji Muhd. Yusuf.
- * Mufti yang berusia lanjut: Haji Ibrahim bin Haji Muhd. Yusuf dan Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim.
- * Mufti yang lahir dan mati dalam bulan (Islam) yang sama: Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim (bulan Jamadil Akhir).
- * Mufti yang mati dalam perkhidmatan: Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman, Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad, Haji Idris bin Haji Hassan, Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail, Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim, Haji Ismail bin Haji Yusuf dan Haji Muhammad bin Che Wok (7 orang).
- * Mufti yang mati mengejut: Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad (sama-sama "naik angin" atau sebak dada secara mendadak).³²

32 Bahkan adik mereka — Haji Wan Abdullah (Tok Khatib Haji Nik Abdullah) pun mati mengejut,

- * Mufti yang dikebumikan di Kubor Banggul:³³ Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman, Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad, Haji Idris bin Haji Hassan, Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail, Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim dan Haji Muhammad bin Che Wok (8 orang).
- * Mufti kelulusan Mekah: Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman, Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad, Haji Idris bin Haji Hassan, Haji Ibrahim bin Haji Muhd. Yusof, Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim, Haji Ismail bin Haji Yusof dan Haji Hasbullah bin Muhd. Hassan (9 orang).
- * Mufti kelulusan Mesir: Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail dan Haji Muhammad bin Che Wok.
- * Mufti berpengalaman mengajar di Mekah: Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail dan Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim.
- * Mufti yang diketahui mengarang buku: Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Ibrahim bin Haji Muhd. Yusof, Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail, Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim dan Haji Ismail bin Haji Yusof.
- * Mufti yang pandai berbahasa Kemboja (Cam): Haji Ibrahim bin Haji Muhd. Yusof.
- * Mufti yang pandai berbahasa Inggeris: Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim.
- * Mufti yang tidak pernah belajar di Sekolah Melayu juga tidak pernah belajar bahasa Inggeris, hanya bahasa Arab semata-mata: Haji Muhammad bin Che Wok.
- * Mufti yang pakar dalam ilmu falaq: Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim.
- * Mufti yang hafal al-Quran: Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim dan Haji Ismail bin Haji Yusof.
- * Mufti yang ahli dalam ilmu tasauf: Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah dan Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad.
- * Mufti yang mahir dalam seni silat serta berilmu gagah: Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad.
- * Mufti yang paling dikenali umum: Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail, Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim dan Haji Ismail bin Haji Yusof.

juga berajalkan "naik angin" atau kelintasan, iaitu pada malam Khamis 11 Jamadil Akhir 1345 bersamaan 16 Disember 1926.

33 Kubur Banggul atau Kubur Che Siti yang terletak atas Lot 137, Mukim Banggul ini merupakan tanah perkuburan paling luas di negeri Kelantan — 12¼ ekar (belum masuk kira petak-petak milik orang-orang perseorangan). Ia digunakan oleh penduduk bandar Kota Bharu dan beberapa buah perkampungan yang melingkunginya sejak zaman berzaman lagi. Dua buah tanah perkuburan lain yang berdekatan ialah Kubur Surau Banggul dan Kubur Dato' Banggul.

- * Mufti yang kontroversi kerana memihak kepada fahaman kaum muda untuk mengekalkan kebebasan berpendapat dan berijtihad: Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad.
- * Mufti pada akhir perkhidmatan tidak disenangi Sultan Muhammad Ke-IV, tetapi kemudiannya disanjung oleh Sultan Ismail ibni Sultan Muhammad Ke-IV (pengganti baginda): Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad.
- * Mufti dua sebaya lagi bersahabat baik: Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail dan Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim.
- * Mufti dua beranak: Haji Ibrahim bin Haji Muhd. Yusof dan Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim.
- * Mufti lima bersahabat (sama-sama berguru dengan Syeikh Wan Ahmad bin Muhd. Zain al-Fatani, Mekah): Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Wan Muhammad bin Haji Abdul Samad, Haji Idris bin Haji Hassan dan Haji Ibrahim bin Haji Muhd. Yusof.

Wajar dimaklumkan bahawa sejarah hidup mufti ketiga, mufti keempat, keenam, ketujuh dan kedelapan sudahpun diperkenalkan dalam siri tokoh ulama Pengasuh,³⁴ sementara kenangan imbas mufti kesembilan dan pengenalan mufti kesepuluh juga pernah disiarkan dalam majalah Pengasuh.³⁵

Bibliografi

- Abdullah Alwi Haji Hassan, 1980, "Kelantan Islamic Legal History Before 1909" dalam Jurnal "Malaysia in History" Jld. 23, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdul Razak Mahmud, 1988, "Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan" dalam "Pengasuh" bil. 493, Julai - Ogos 1988.
- Abdul Razak Mahmud, 1989, "Berkenalan dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Kelantan" (Dato' Haji Muhammad bin Che Wok) dalam "Pengasuh" bil. 498, Mei - Jun 1989.
- Ismail Awang, 1975, "Dato' Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail" dalam "Pengasuh" bil. 409, 1975.
- Ismail Awang, 1976, "Mufti Haji Wan Muhamad bin Haji Abdul Samad" dalam "Pengasuh" bil. 417, 1976.
- Ismail Awang, 1977, "Mufti Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad" dalam "Pengasuh" bil. 423, 1977.
- Ismail Che Daud, 1992, "Haji Ibrahim Tok Raja: 1871 - 1955" dalam

34 Masing-masing disiarkan dalam 'Pengasuh' bilangan 409/1975, 417/1976, 423/1977, 515/1991 dan 517/1992.

35 Lihat 'Pengasuh' bilangan 493/1988 dan 498/1989.

“Pengasuh” bil. 517, Jan. - Feb. 1992.

Ismail Che Daud, 1992, “Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan (1)” dalam “Pengasuh”, bil. 519, April - Mei 1992.

Ismail Che Daud, 1992, “Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan (2)” dalam “Pengasuh”, bil. 520, Jun 1992.

Ismail Che Daud, 1988, “Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)” penerbitan Majlis Agama Islam Kelantan, Percetakan Perniagaan Rampai Utama, Kuala Lumpur, 1988.

Muhammad Kamil bin Abdul Majid, 1991, “Dato’ Haji Muhammad Nor Ibrahim: 1905 - 1987” dalam “Pengasuh” bil. 515, Nov. 1991.

Muhammad Yunan bin Haji Mahmud (Penyelenggara), 1988, “Biografi Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan dari tahun 1979 hingga 1988”, penerbitan Yayasan Islam Kelantan, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, 1988.

Muhammad Yunan bin Haji Mahmud (Penyusun), 1989, “Riwayat Hidup Tokoh Ulama Kelantan”, penerbitan Yayasan Islam Kelantan, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, 1989.

Mereka Yang Telah Diwawancara/Ditemubual:

Haji Abdullah Abbas Jitra, Kedah. Ditemubual pada 23.7.1978. Meninggal dunia pada 5.1.1987 dalam usia 75 tahun.

Che Abdul Rahman atau Che Ngah bin Haji Che Idris, Simpang Lido (dekat Lorong Haji Che Su), Kota Bharu. Ditemubual pada 2.4.1974. Meninggal dunia pada awal tahun 1986.

Haji Abdul Wahab Pusan (Patani). Ditemubual pada 12.3.1989.

Hajah Nik Mas bt. Dato’ Che Abdullah (Dato’ Tumpat), Bandar Tumpat. Ditemubual pada 22.12.1974. Isteri Dato’ Che Ismail bin Imam Haji Abdullah ini meninggal dunia pada 9.4.1978.

Haji Wan Omar bin Haji Abdullah (Dato’ Segedung Ilmu), Bandar Bachok. Ditemubual pada 21.3.1976. Meninggal dunia pada 16.4.1979. Beliau adalah ayah kepada Nik Hassan Thani, bekas Pengetua Maktab Sultan Ismail Kota Bharu (1968) Pengetua Maktab Perguruan Durian Daun Melaka, dan Pengetua Maktab Perguruan Tanjuang Malim, Perak.

Hajah Che Thom (Che Som) bt. Muhammad Salleh, Ditemubual pada 27.5.1979. Sejak 10 tahun kebelakangan ini bertambah uzur kerana sakit tua. Suaminya ialah Nik Abdullah bin Haji Wan Ishak, tuannya ‘Mustapha Press’, Kota Bharu.

Haji Yaakub bin Che Deris. Lahir pada awal Oktober 1880. Ditemubual di rumahnya di Kampung Tok Lukok dekat Pantai Sabak, Kota Bharu pada 3.7.1980.

Asaad Shukri dan Perjuangannya*

ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

Asaad Shukri dilahirkan pada 25 Februari 1905¹ di Kampung Masjid Kota Bharu, sebuah kampung yang terkenal zaman dahulu sebagai kampung pusat pengajian agama terbesar di Kelantan pada permulaan abad ke-20 Masihi. Tempat ini dikunjungi oleh berbagai penuntut dari seluruh negeri Kelantan bahkan dari seluruh Tanah Melayu dan luar negeri seperti Siam, Kemboja, Vietnam dan Indonesia. Di kampung inilah terletak masjid besar (dibina pada tahun 1867) yang menjadi pusat pengajian itu, dan di sekitar kampung ini terdapat pula kota istana Sultan Kelantan, pejabat-pejabat kerajaan dan tidak jauh dari kampung ini terdapat pula surau-sarau, tempat pengajian agama seperti surau Tok Semian,² Surau Tok Guru Haji Abas, Sungai Budur³ dan surau Nik Haji Man Tok Khatib.⁴ Di sebelah utara sedikit terdapat pula Kampung Kubang

* Artikel ini sedutan dari tesis M.A. (Sarjana) penulis bertajuk "Satu Kajian Dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi Dengan Asaad Shukri", Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Politik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978.

1 Lihat Abu Bakar Hamid, "Mengenang Allahyarham Saad Shukri", *Dewan Sastera*, 15 Mac 1971, jilid 1, bil. 3, hlm. 53 dan mengikut Majalah *Kenchana*, Januari 1931, th 1 bil. 10, hlm. 217. Asaad Shukri mengatakan ia dilahirkan pada tahun 1903, sedang surat keluarganya dari Singapura kepada penulis bertarikh 24 Jun 1976, Asaad Shukri dilahirkan pada tahun 1902.

2 Lihat Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Pengantar Sastera*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1966, hlm. 158.

3 Lihat *Pengasuh*, 11 Disember 1933, th 16 bil. 433, hlm. 8, yang menyatakan bahwa Tuan Hj. Muhamad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali) belajar kepada Hj. Abbas di Kampung Sungai Budur, Atas Paloh; mengikut Abdullah al-Quari Hj. Salleh (Aqas), *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1967, hlm. 21, menyebut dengan Pondok Tuan Guru Hj. Ibrahim, Sungai Budur.

4 Surau Haji Nik Man Tok Khatib agak berdekatan dengan surau Tok Semian; penulis pernah meninjau ke sini dalam tahun 1971 bersama dengan Professor T. Iskandar dari Universiti Kebangsaan Malaysia untuk melihat aritektur bangunan surau itu. Surau Haji Nik Man Tok Khatib terletak di Jalan Tok Semian Tengah manakala Surau Tok Semian pula terletak di Jalan Tok Semian sebelah matahari naik.

Pasu tempat yang melahirkan anak baik yakni pentadbir-pentadbir negeri Kelantan yang cekap. Ayah Asaad Shukri iaitu Haji Muda adalah seorang ahli seni pahat ukir-mengukir yang terkenal pada zaman itu, juga sebagai seorang guru silat termasyhur.⁵ Dari sebelah ibu, Asaad Shukri berhubungan keluarga dengan Che Ha'⁶ yang di zaman kedatangan Abdullah Munshi ke Kelantan dalam tahun 1839 telah menyerahkan beberapa buah buku klasik Melayu kepada Abdullah Munshi.⁷ Che Ha' ini dalam zaman Sultan Ahmad, yang memerintah dalam tahun 1886-1889, menjadi Timbalan Menteri dengan gelaran Dato' Laksamana⁸ dan dalam zaman Sultan Muhamad III, yang memerintah dalam tahun 1889-1890, Dato' Laksamana ini digelar pula sebagai Dato' Maha Menteri.⁹

Pendidikan pertama Asaad Shukri diperolehi dari keluarganya sendiri¹⁰ dan kemudian dalam tahun 1911 ia memasuki Sekolah Melayu kerajaan di Kota Bharu yang terletak di Jalan Post Office Lama bertentangan dengan Padang Merdeka sekarang. Guru yang mengajarnya waktu itu ialah Othman, berasal dari Singapura, sementara guru besarnya ialah Muhamad Ghazali bin Muhamad Arifin. Kemudian Asaad Shukri pindah belajar di sekolah kerajaan yang baharu di Jalan Padang Garung sampai tahun 1916.

Mulai tahun 1917 ia memasuki pula Madrasah Muhammadiyah, Majlis Agama Islam Kelantan dalam darjah IV, dan di sini ia belajar bahasa Melayu, bahasa Inggeris, pelajaran agama Islam, syarahan dan kewartawanan selama dua tahun sahaja iaitu sampai tahun 1919 tamat darjah enam Melayu dan darjah tiga Inggeris.

Sesudah berhenti dari Madrasah Muhammadiyah, Asaad Shukri terus bekerja pada 5 Januari 1919 sebagai kerani pelatih di Pejabat Tanah bahagian hasil cukai tanah dan kemudian berturut-turut sebagai Pengawas Pasar (market keeper), Merinyu Pasar (market inspector) dan Merinyu Kereta (inspector kenderaan) termasuk beca-beca. Dalam tahun 1925, ia bekerja pula sebagai kerani di Pejabat Mahkamah Tinggi Kota Bharu, dan dalam tahun 1928, ia dipindahkan bekerja sebagai kerani di Pejabat Undang-Undang. Pada akhir tahun 1928, ia ditukarkan pula ke Pejabat Tanah, Kota Bharu, dan pada awal tahun 1929, ia bekerja sebagai kerani penggawa di bawah Ketua Penggawa Jajahan Kota Bharu (Tengku Yusuf Ibnu

5 Keterangan ini penulis perolehi dari Allahyarham Asaad Shukri sendiri dalam tahun 1969 sewaktu penulis bekerja di Pustaka Dian, Kota Bharu.

6 *Ibid.*

7 Lihat *Kisah Pelayaran Abdullah* (di beri pengenalan dan anotasi oleh Kassim Ahmad), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 83.

8 Lihat Nik Ahmad bin Haji Nik Hassan, *Kajian Rengkas Mengenai Keturunan Long Yumus Kelantan* Journal Persatuan Sejarah Kelantan, Jld. 1, Bil. 1, 1964/1965, hlm. 45 dan 46.

9 *Ibid.*

10 Keterangan langsung dari Allahyarham Asaad Shukri.

al-marhum Sultan Muhamad ke-IV) sampai kedatangan Jepun ke Tanah Melayu tahun 1941.¹¹

Waktu bekerja di Pejabat Tanah, pada 24 Mac 1922 Asaad Shukri telah mengikuti rombongan pertunjukkan Kelantan ke Singapura dalam Pertunjukkan Tanah Melayu dan Borneo (Malayan & Borneo Exhibition). Rombongan Kelantan itu terdiri dari berbagai bidang seperti pendekar, pelumba perahu, bola sepak, makyong dan menora, perkakas dan jenis kesenian yang lain-lain lagi. Assad Shukri ikut serta dalam rombongan ini sebagai pemuda pendekar yang dipimpin oleh Che Kob.¹²

Setelah kembali dari lawatan ke Singapura tahun 1922, beliau mengajar pula silat kepada pemuda-pemuda Kampung Masjid termasuk juga pemuda-pemuda Cina dan Siam dan dalam tahun 1924 ia menubuhkan pula satu pasukan bola sepak dengan nama "Belia Yatim" yang anggotanya terdiri dari pemuda-pemuda Kampung Masjid. Mereka dilatih secara berperaturan oleh Agus bin Sulaiman.¹³ Pada masa bertugas sebagai kerani Penggawa, Asaad Shukri giat dalam berbagai organisasi. Dalam bulan November 1928, beliau bersama Abdul Kadir Adabi bin Ahmad telah menubuhkan pula sebuah kelab bernama "Putera Club" (Kelab Putera) dan pada 1 Oktober 1929 ia bersama Abdul Kadir Adabi menerbitkan pula majalah "Putera" di mana ia menjadi penolong pengarang. Pada bulan April 1930, Asaad Shukri menerbitkan majalah 'Kenchana' di mana beliau menjadi pengarang dengan nama samaran Siti Maryam Saadi.¹⁴ Majalah Kenchana ini isinya sebahagian besar bersifat sejarah Kelantan yang ditulis langsung oleh beliau.

Dalam tahun 1930, atas inisiatif Asaad Shukri, telah ditubuhkan pula sebuah pertubuhan penggawa bernama "Dewan Penggawa".¹⁵ Dewan ini diharapkan sebagai penghulu dan suara rakyat. Melihat banyaknya penggawa tidak memahami tugas-tugas penggawa, Asaad Shukri mengesyorkan pula supaya penggawa suka berlangganan surat-surat khabar dan majalah,¹⁶ agar mereka mengerti perjalanan susunan pemerintahan dan perjalanan dunia. Beliau juga mengesyorkan penggawa berlangganan dengan majalah 'Kenchana' yang di bawah pimpinannya sendiri.

Sebagai seorang kerani penggawa Asaad Shukri sangat mengambil tahu tentang usaha yang dilakukan oleh golongan penggawa misalnya

11 Lihat "Riwayat hidup Saad Shukri Haji Muda" (manuskrip).

12 Lihat *Pengasuh*, 29 Mac 1922, th 4 bil. 93, hlm. 12. Pertunjukkan itu diadakan pada 1922; lihat Saad Shukri bin Haji Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971, 157 dan 158.

13 Lihat "Riwayat hidup Saad Shukri Haji Muda", (manuskrip).

14 *Kenchana*, April 1930, th 1 bil. 1 bahagian kulit depan.

15 *Pengasuh*, 2 Oktober 1930, th 13 bil. 305, hlm. 12.

16 *Kenchana*, Oktober 1930, th 1 bil 7, hlm. 161.

UNIVERSITY OF MALAYA
LIBRARY.



KENCHANA

"چترانولن"

بفخر ظاهر کندي قد نيف ۲ بولن مسيحي

اوله

سيئي مريم سعدي

کلنتن

بیلاغن ۱

اقریل ۱۹۳۰

تاغن ۱

مغندوشی روایة ۲ چترانولن دان چریتا ۲

یغفتتیغ ۲ اشکاننن موردہ جاک

دبندیشکن دشن ایسینن

ستاغن ۳۳.۵۰ برسیه ٹوس

انم بولن ۱.۵۰

هر گت سیراد ۲۵ سین

علامت:

The Kenchana

Kota Bharu, Kelantan.

ترجیتا دو مطبعة الکمالیة کونا بهارو کلنتن

ایسینن

۱- دواریت کلنتن

۲- کمشکیلان نام

۳- اعلان

Majalah, "Kenchana" dengan Asaad Shukri Haji Muda (Siti Mariam Saadi) sebagai Pengarang, Matbaah al-Kamaliah, Kota Bharu, 1930.

مولک د. کیهان بیلاغن ۱

واج کلتنن سبی بی ائی دغن درسکن فول اوله اهل و بیله اوسا
دان . قشوری بی رانی کلتنن اکی قشور

کامی کسوری ککوراغن سرب سربمی اوله ایست کامی نسا کدی
"کیهان اسل نام (کلتنن) سنجری تان کنی قصه راج و بیله اوله اهل قشورین
یکینو جو کاسل اسول بندهار یخر نام داریم دان مقیم و بیله اوسا
کامی والو بیلق دغن سقنومن سکا لیقون اسلکن ادمه سندهار
دیبا یکنی انو دتیا می اوله اور قیغ کدی تان

کامی مغور جنب شکور کسور و تالهی بیلیکن بیجا کامی
کران ایناه جولاه کالی هوجغ وینا کامی بر تانبه کولامن کسول
مغفورل رواجت دغن حانی بیلاخلاس کران قزم دان و امان
بیله کاسی بی دان چنای کلتنن دارالکلیم

استیجا بودا
کوت بهارود
کلتنن ۱ جزاوی 1920

تورکجه کلامی

مولک د. کیهان بیلاغن ۱

109701 قشورلوان

111

سان اوله سبب سنباس کامی بر دو کسینا لیل منافی
توانیج جیر تان حکایت نگره و لایو مایغ ادا دغن اسل
اسول دان قشور راج مانا اوله کلتنن این تر سببی لاکمی دغن
بیله کلتنن اکلتنلی اوله سبب قشور اوسو ک کامی جیر تان دان
کلار قیغ بیله کاپور اوله اوه و ادا کیت دسینی دان قشور بیلق جو ک
تور کلا قیغ دورده بیلاغن

اوله بیله کلتنن قشور اوله کامی اکن کاران سلیله
دان اسل اسول یخر مند کوردغن مبرمی سلواس اقلار اچ کتد سکلتن
اسولان قشور مهور لورد کنی نکوران بیلاخلاس دان رواجتین یخر ایله اوج نام
دغن بیلق مندا کلتنن سنا قشورین اوسدا اسلکن بیلاخلایع و اوج
کتد جان بر قشور سولاران

قانونه کلتنن کما کنی سیکالتو بر بیجا کما کاران قشور
یوریم ایست اکل تانده سنا قشور اوله کسوی اکن اسل اسول اوله ایست
بیکن سلیله و قشور قشور اوجو کسور دسین ایست اوله کران
ایست کامی کما کلا کی دسینی اوقور بیجا کلتنن دان اسل اسولان
سیکاسنا امان قشوری اوله ایست بر اوج کما قشور بیلیکل
دان بیلیکل کلتنن دورده رواجت اوج تان دان قشور سلیکل
دورده کلتنن عام عالم لایو سلیله عالم لایو دان بیلق قشور
کلتنن کارا تان بیلاغلر بر جیر تان لایو قشور دان قشوری قشور

dalam acara sambutan ulang tahun Keputeraan Sultan Kelantan, di mana beliau sering mengatur acara perarakan taptu, yang sangat meriah dan besar sekali, di antara perarakan yang pernah diadakan ialah perarakan burung bagi perayaan ulang tahun Keputeraan Sultan Kelantan pada tahun 1935.¹⁷

Sebagai seorang peminat dalam lapangan seni dan budaya, maka Asaad Shukri tidak melupakan pula perhatian dalam bidang penulisan sejarah. Karya sejarah pertama beliau dapat dilihat dalam majalah 'Kenchana' terbitan tahun 1930, di dalamnya terdapat siri tulisan beliau bersifat sejarah mulai 'Kenchana' Bil. 1 th 1930 sampai Bil 10 tahun 1931.¹⁸ Tulisan sejarah beliau dalam 'Kenchana' ini menjadi asas karya sejarah bersifat buku yang diterbitkan kemudian nanti.

Dalam tahun 1931, ditubuhkan pula pertubuhan yang dinamakan "Setiawan Belia"¹⁹ di mana Asaad Shukri menjadi Yang Dipertuanya. Berlainan dengan Kelab Putera di mana Abdul Kadir Adabi menjadi ahli jawatankuasanya bersama-sama dengan orang-orang kenamaan dan pegawai tinggi kerajaan, Setiawan Belia dianggotai oleh kakitangan kerajaan yang berpangkat rendah, demikian dinyatakan oleh Asaad Shukri semasa Setiawan Belia ini membuat lawatan ke Kuala Terengganu dalam tahun 1933.²⁰ Walaupun begitu, Setiawan Belia inilah satu-satunya pertubuhan yang paling aktif di bidang seni, sastera dan ilmiah, berjalan sampai tahun kedatangan Jepun ke Tanah Melayu (8 Disember 1941).

Dalam tahun 1934²¹ satu mesyuarat agong telah diadakan yang dipengerusi oleh Asaad Shukri serta dihadiri oleh sidang jemaahnya. Agenda mesyuarat antara lain, berkenaan dengan:

1. Memilih jawatankuasa baharu;
2. Kamus Setiawan Belia;
3. Mengadakan lawatan Setiawan yang kedua;
4. Pendahuluan dan yuran;
5. Permohonan dari 25 orang belia Bachok.

Dalam mesyuarat itu telah dipilih ahli jawatankuasa baharu:

1. Yang Dipertua Asaad Shukri Haji Muda

17 *Pengasuh*, 18 Julai 1935, th 18 bil 515, hlm. 14.

18 *Kenchana*, April 1930, th 1 bil 1, hlm. 2 dan 3.

19 Lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Setiawan Belia" dalam *Warisan Kelantan*, bil. 5, 1986, hlm. 13.

20 Setiawan Belia, *op.cit.* Dalam lawatan ke Terengganu ini Setiawan Belia telah menjadi tetamu kepada Tengku Muhamad ISP Terengganu dan dalam salah satu jumuan penghormatan yang diberikan oleh masyarakat Terengganu, Asaad Shukri selaku ketua rombongan mengatakan bahawa Setiawan Belia adalah persekutuan pegawai-pegawai rendah kerajaan, pekerja-pekerja, saudagar dan setengah daripadanya murid sekolah Majlis Agama Islam dan murid sekolah kerajaan.

21 Lihat *Pengasuh*, 26 April 1934, th 17 bil. 451, hlm. 14 dan 15.

- | | |
|--------------------------------|--------------------|
| 2. Naib Yang Dipertua | Muhamad Zain Hukmi |
| 3. Setiausaha Kehormat | Abdullah Silmi |
| 4. Penolong Setiausaha | Sofiah Khuzaimah |
| 5. Pemeriksa Kira-kira | Husein Hazmi |
| 6. Penguasa Permainan | Ishak Fathi |
| 7. Penolong Penguasa Permainan | Ismail Ridha |
8. Ahli mesyuarat yang tidak memegang jawatan ialah:
- Muhamad Zain Sobhi
 - Muhamad Salleh Marsi
 - Husein Sobhi

Yang paling penting dari keputusan mesyuarat Setiawan Belia kali ini ialah menyerahkan 'Kamus Setiawan' yang telah diusahakan selama tiga tahun dengan persetujuan ramai, kepada "Dewan Bahasa Melayu" iaitu sebuah pertubuhan yang bergiat dalam bidang bahasa dan persuratan.

Hubungan Asaad Shukri dengan Dewan Bahasa Melayu ini bermula dalam tahun 1932 apabila pertubuhan itu mula diasaskan.²² Dewan itu telah mengesahkan undang-undang tubuhnya dalam mesyuarat agungnya yang kedua pada 29 September 1933 dan disahkan oleh kerajaan pada 8 November 1933.

Adapun ahli jawatankuasa "Dewan Bahasa Melayu" pada tahun 1934 terdiri dari:

- | | |
|------------------------|--|
| 1. Yang Dipertua | Tengku Mahmud Mahyuddin bin
Tengku Abdul Kadir Kamaruddin |
| 2. Naib Yang Dipertua | Nik Ahmad Kamil bin
Nik Mahmud |
| 3. Setiausaha | Asaad Shukri bin Haji Muda |
| 4. Penyimpan Wang | Ahmad bin Ismail |
| 5. Pemeriksa Kira-kira | Muhamad bin Baba |
- Jawatankuasa:
- Haji Ahmad Mahir bin Haji Ismail
 - Haji Nik Yusof Hilmi
 - Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Malek
 - Muhamad Adnan bin Muhamad Ariffin
 - Hassan bin Haji Omar
 - Cikgu Daeng Abdul Hamid
 - Cikgu Nik Muhamad bin Yaakob
 - Abdul Kadir Adabi bin Ahmad

Kedudukan Asaad Shukri sebagai Setiausaha dalam Dewan Bahasa Melayu dan Yang Dipertua dalam Setiawan Belia telah

22. Lihat *Pengasah*, 16 Oktober 1933, th 16 bil. 425, hlm. 10.

membolehkan kedua pertubuhan itu saling bekerjasama rapat khususnya di dalam bidang penyusunan kamus bahkan telah mempercepat rancangan penyusunan kamus itu. Setiawan Belia telah membentuk satu jawatankuasa penyusun Kamus Setiawan yang akan diserahkan kepada Dewan Bahasa Melayu untuk menentukan sikapnya.²³ Dalam hal ini Asaad Shukri telah memegang peranan penting dalam menyusun kamus itu dan telah mulai nampak disiarkan dalam majalah 'Pengasuh'.²⁴

Asaad Shukri tidak hanya giat dalam organisasi tetapi giat pula dibidang ilmiah; ini dapat dilihat pula beliau aktif dalam memimpin forum dan majlis syarahan bersifat ilmiah; di antara forum yang pernah diadakan oleh Setiawan Belia antara tahun 1936-1939 ialah:

1. "Adakah sekarang patut didirikan Persatuan Melayu Se-Malaya"²⁵
Ahli Forum:
 - a) Cikgu Daud Jamil dan Abdul Kadir Adabi, Pencadang
 - b) Encik Abdul Rab Attamimi dan Hadrami Nuh, Pembahas
 - c) Hakim ialah Ahmad bin Ismail
2. "Adakah mustahak Anak Perempuan Melayu berpelajaran Inggeris Tinggi Sekarang?"²⁶
Ahli Forum:
 - a) Cikgu Daud Jamil dan Ustaz Wan Mahmud bin Wan Daud, Pencadang
 - b) Encik Jaafar Mampak dan Abdul Rab Attamimi, Pembahas
 - c) Pengerusi ialah Muhamad Adnan bin Muhd Arifin
3. Ceramah yang diberikan oleh Ahmad Ismail²⁷ tentang gerakan Muhammadiyah di Jawa yang dianggap sepatutnya dicontohi di sini sebab Annas ala aldin mulukihim dan Aljamhur ala din ulamaihim.²⁸
4. Syarahan diberikan oleh William Huat.²⁹
5. Syarahan oleh Haji Abbas Taha dan Burhanuddin Helmi bin Muhd. Noor.

23 Lihat *Pengasuh*, 26 April 1934, th 17 bil. 415, hlm. 15.

24 Lihat *Pengasuh*, 4 November 1935, th 18 bil. 532, hlm. 5; di bawah tajuk "Bahasa Kita" walaupun tak ditulis nama pengarangnya namun dapat dikaitkan dengan kegiatan Dewans Bahasa itu.

25 Lihat *Al-Hikmah*, 27 Julai 1939, th 6 bil. 254, hlm. 20.

26 Lihat *Al-Hikmah*, 17 Ogos 1939, th 6 bil. 257, hlm. 19.

27 Lihat *Al-Hikmah*, 14 Januari 1937, th 3 bil. 123, hlm. 19.

28 Artinya rakyat bergantung kepada agama yang dianuti oleh pemerintah negara mereka dan negara akan bergantung kepada agama yang dianuti oleh kaum ulama.

29 Beliau ialah seorang Cina peranakan Singapura beragama Islam (Muhammad Ibrahim, nama Islamnya). Belia waktu itu berkhidmat dengan Chicago University dan mempunyai sijil L.I.B., C.P.A.M. dan N.A.C.A.; lihat *Pengasuh*, 1 Januari 1934, th 16 bil. 436, hlm. 10.

6. Syarahan oleh Syed Husein Alsagof dan Abdul Rahim Kajai.³⁰
7. Ceramah diberikan oleh Tengku Abdullah bin Tengku Muda Tuan Hassan.³¹

Nampaknya kegiatan Asaad Shukri yang paling menonjol ialah beliau selalu menjadi pengerusi setiap majlis ucapan yang diadakan oleh Setiawan Belia. Selain daripada penceramah-penceramah yang disebutkan tadi terdapat beberapa orang ternama lagi yang juga datang dari luar seperti Major Datuk Muhammad Said (Johor), Ibrahim bin Yaakob dan Muhammad Zain Shatibi dari Pergerakan Islam Jawa Timur.

Di antara penceramah-penceramah tempatan yang pernah bersyarah di Kelab Setiawan Belia termasuk Abdul Kadir Adabi, Abdul Rab Attamimi, seorang guru agama berasal dari Ambon, Indonesia, yang mengajar di Madrasah Muhammadiyah Kota Bharu, Kelantan, Ahmad Ismail, seorang pengarang dan pemimpin majalah 'Al-Hikmah' (Kota Bharu), Haji Nik Mahmud bin Ismail (Datuk Perdana Menteri Paduka Raja) dan Yang Mulia Tengku Abdullah bin Tengku Muda Tuan Hassan, seorang peguam pertama dari Kelantan yang menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Kelantan, dan Muhamad Adnan bin Muhamad Ariffin seorang pengarang Pengasuh yang terkenal.

Melihat kepada kegiatan Setiawan Belia yang selalu menjemput pemuka-pemuka terkenal di Tanah Melayu berceramah di rumah persekutuan Setiawan Belia, maka tidak anihlah pada 25 Februari 1934 itu juga sepasukan polis telah menyerbu rumah Setiawan Belia dan memaksa Sofiah Khuzaimah, yang pada waktu itu menjadi Penolong Setiausaha Setiawan Belia, supaya menunjukkan surat-surat dokumen dan menyerahkannya surat-surat itu kepada pihak polis.³²

Pada waktu itu Asaad Shukri tiada dirumah; beliau segera diberitahu supaya pulang dan oleh pihak polis memberitahu beliau bahawa sebab diselangkarnya rumah beliau kerana disyaki beliau membuat perhubungan dengan kaum komunis di Indonesia. Kerana tiada apa-apa bukti maka tidak ada penangkapan dibuat, dan pada 1 Mac 1934 Asaad Shukri dipanggil oleh pihak polis untuk menyerahkan kembali fail-fail Setiawan Belia yang dirampas bulan yang lalu.³³

Disamping memimpin ceramah atau mengatur majlis ucapan, Asaad Shukri telah juga memimpin mengembangkan bakat golongan

³⁰ Lihat *Pengasuh*, 21 Januari 1937, th 20 bil. 594, hlm. 3.

³¹ Lihat *Al-Hikmah*, 4 Mei 1939, th 6 bil. 242, hlm. 6.

³² Lihat "Riwayat hidup Saad Shukri Haji Muda", (manuskrip).

³³ *Ibid.*

muda waktu itu dalam bidang kesenian dan penulisan. Dalam bidang kesenian beliau telah mengajak dan mengumpulkan ahli yang mahir dibidang seni untuk:³⁴

- a. Membuat bunga ukiran batik Jawa dan membuat sarung atau acuan dari besi atau tembaga,
- b. Membuat gambar-gambar kartun atau jenaka dengan tulisan tangan untuk siaran akhbar atau majalah.

Dalam bidang penulisan beliau pada 18 Mei 1934 telah mengumpulkan penulis muda untuk dipersatukan dalam Persatuan Penulis Muda Kelantan, di mana hadir dalam perjumpaan itu William Huat, Muhamad Adnan dan Muhamad Amin Salleh.³⁵

Pada 1 September 1935,³⁶ Asaad Shukri telah memimpin pula satu rombongan Setiawan Belia ke Kuala Terengganu yang disambut oleh I.S.P. Tengku Mahmud. Dalam lawatan ini terjalinlah hubungan mesra dengan belia di Terengganu hingga tertubuhnya pula Setiawan Belia Terengganu dan Belia Terengganu ini dalam tahun 1933 telah berura-ura hendak menerbitkan majalah 'Teman'³⁷ sebagaimana telah diterbitkan di Kelantan majalah 'Putera' dahulu, tetapi tidak berjaya.

Dalam tahun 1936, Asaad Shukri mulai menceburkan diri dalam pergerakan politik atas ajakan teman karibnya Nik Mahmud bin Haji Abdul Majid. Beliau telah memasuki Persatuan Melayu Kelantan yang dipimpin oleh Tengku Mahmud ibnu Sultan Muhamad ke-IV. Kesedaran politik beliau bertambah jelas lagi bila mana dalam tahun 1937 ia telah membuat lawatan keseluruh Tanah Melayu terutama Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Singapura. Dari lawatan ke negeri-negeri itu ia dapat berkenalan dengan pemuda-pemudi yang sebelumnya telah menjadi teman sejawatnya.³⁸

Dalam tahun 1939 waktu diadakan mesyuarat penubuhan "Persatuan Melayu Semenanjung" di Kota Bharu, Asaad Shukri telah membaca rang undang-undang persatuan itu dan kemudian beliau telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa dalam persatuan itu.³⁹

Walaupun beliau tidak terang-terangan menjadi ahli Kesatuan Melayu Muda pada awal-awal ditubuhkan pada tahun 1938, namun

34 Lihat *Pengasuh*, 4 Mac 1937, th 20 bil. 600, hlm. 12.

35 Liha: *Al-Hikmah*, 10 Julai 1934, th 1 bil. 11, hlm. 15.

36 Lihat *Al-Hikmah*, 10 Ogos 1935, th 2 bil. 50, hlm. 19; serta *Pengasuh*, 19 September 1935, th 18 bil. 524, hlm. 10 dan 26, September 1935, th 18 bil. 525, hlm. 4.

37 Lihat *Pengasuh*, 17 Julai 1933, th 16 bil. 412, hlm. 5.

38 Lihat "Riwayat Hidup Saad Shukri Haji Muda", (manuskrip).

39 Lihat *Al-Hikmah*, 27 April 1939, th 6 bil. 241, hlm. 19.

melalui Setiawan Belia yang menjadi pusat aktivis Kesatuan Melayu Muda, Asaad Shukri telah menggunakan Setiawan Belia itu untuk kegiatan Kesatuan Melayu Muda (K.M.M.). Dalam tahun 1940, beliau telah berjumpa dengan Ibrahim Haji Yaakob dan Hassan Manan di Kuala Lumpur di mana beliau terus menjadi anggota Kesatuan Melayu Muda. Pada akhir tahun 1940 Asaad Shukri ke Singapura dan di dalam sebuah restoran "National Restaurant" di Serangoon Road, beliau telah berikrar akan menyumbangkan tenaganya untuk negeri dan Kebangsaan Melayu.⁴⁰

Perhatian Asaad Shukri dalam bidang politik ini nampak pula dalam kegiatannya dibidang persuratkhabaran di mana beliau pada 1 Oktober 1941 menghadiri pula satu mesyuarat untuk menyatukan wartawan bertempat di rumah Persekutuan Islam Perniagaan Kelab, Kota Bharu, dibawah anjuran Nik Mahmud bin Haji Abdul Majid, Setiausaha Persetian Melayu Kelantan. Mesyuarat itu dihadiri oleh Ahmad Ismail Al-Hikmah, Haji Wan Mahmud Daud, Cikgu Abu Bakar, Cikgu Daud Serendah, Cikgu Muhamad bin Ahmad, Haji Nik Yusuf Hilmi, Muhamad Zain Hukmi, Muhamad Sofi Abdul Kadir, Yusof Zaki, Ismail Shauqi, Wan Abdullah Silmi, Abdurrah Attamimi, Cik Sofiah Khuzaimah, Maryam Saadi dan Jaffar bin Haji Omar.⁴¹

Dalam mesyuarat ini selain Muhamad Adnan, Ahmad Ismail Al-Hikmah, Ustaz Haji Wan Mahmud, Zain Hukmi, Abdurrah Attamimi, Cikgu Daud Serendah, juga Asaad Shukri telah bercakap panjang dan masing-masing telah bersetuju menubuhkan dan akan menyerahkan perkara ini kepada persidangan khas Setiawan Belia pada mengesahkan Pertubuhan Jemaah Wartawan itu.⁴²

Penglibatan Asaad Shukri dalam politik lebih ketera lagi bila-mana pada 1 November 1941, beliau telah mengadakan lawatan kali kedua keseluruhan Tanah Melayu dengan menaiki keretapi dari Kota Bharu ke Kuala Lipis, Kuala Lumpur, Seremban, Melaka, Johor Bharu, Singapura kemudian balik kembali ke Kota Bharu pada 15 November 1941.⁴³

Enam hari sesudah pendaratan Jepun di Kota Bharu, pada 8 Disember 1941, atas arahan Jepun, Asaad Shukri bersama-sama Abdul Kadir Adabi, Wan Ibrahim Mustafa dan Ustaz Haji Wan Mahmud Daud menerbitkan majalah 'Matahari' masing-masing dengan menggunakan nama samaran Abdullah A. Saidi, Sanusi dan Ilias. Majalah 'Matahari' ini terbitan pertamanya pada hari Ahad

40 Lihat "Riwayat Hidup Saad Shukri Haji Muda", (manuskrip).

41 Lihat *Al-Hikmah*, 16 Januari 1941, th 7 bil. 335, hlm. 19.

42 *Ibid.*

43 Lihat "Riwayat Hidup Saad Shukri Haji Muda", (manuskrip).

قشارغ ۲:

عبدالله ايه

سبدي

سوسي

اناس

متھاري

کوت بهارو
کلتن.

بيلاشن 1

(احد 10 ذى الحجه 1360)

تاهون 1

اورغ ۲ ملايو مودا دان توفا توه تاهو!

سودارا ۳۱.

سکارغ توهن يفمها کواس تله مفيدارکن کدالم عالم ملايو اين اودارا بهارو، اودارا بيه مياوا فرا، باهن ۳ يفمهاو بيه بوله دفرجاي دان دفقارف يفسا ملايو سموان اکن منجادي ساتو بيا بيه هيدوف دغن کيدوفن يفسا ۲ تيمور يفسلا.

فراسان ۳ لام سکارغ تله هنجور ليور دان فراسان بهارو بيفترقدم دهولو سو دهله بکيت، باغون مريق مفيفکن ساين بيفرتوله، قدح، کلتن دان ترشگانو سدغ مارا کهدافن دان دهارفکن لايين ۲ تمفت سموان باغون مريق برسام ۳.

تيمور باکي تيمور دان نيغون يفمها سر تله تيزه فکرجان بيه سهايس ۳ بايک سکارغ باکي ملنکين اورغ ۳ ملايو دان نکرې ۳ ملايو دوقد رفمغن، فکانن دان تيلديهن بيا اورغ قوتيه بايت برينش يفمله مياوا دان منجاديکن کيت دان نکرې تانه اير کيت همب عدې مريکيت. بيا نيغون دان عسکر ۳ نيغون ايااله سودارا ۳۱ کيت، بسودارا فد داره دان برسودارا

ددانم بيا تيمور، کيت مستي برينمين تاشن برسام ۲ نيغون مبناس دان مفهالوکن ستره ۲ کيت دزي مستجوع تانه ملايو سموان.

سودارا ۳۱. يوکن دفرکنان ۳ بقدانس اين کيت سونکن دغن تباد داييل، بشتن ترلال ترغ. کزان قد بفت ۲ تمفت دان نکرې ملايو يفمله دماس قکي اوله عسکر ۳ نيغون مريکيت نيديق مياوا ۱۰۰۰ ۳ کوسهين کانس اورغ ۳ ملايو، نيديق مريستکن دوت بندا اورغ ۲ ملايو دان مريکيت ستباس منجاک ديزين سکالي ۳ تباد ماو برقرغ دغن اورغ ۲ ملايو. مريکيت سموان برادب، برترتيب سوغن دغن اورغ ۲ ملايو سجارا ادب بيا تيمور بيفرتورون سمورون.

مک جاشنه اورغ ۳ ملايو ملنکين فلواغ بيه سهايس ۳ بايک اين، سرتايله عسکر ۳ نيغون، بکرجسام ۳ له دغن بيا نيغون سرت برسورقه کيت دغن سورق ۲ کمنافن يفمها سر نيغون منغ، ملايو منغ دان برينش کاله دان جاتوه دغن سگرا، هنجورله امقابر برينش ددالم مستجوع دان سرات عالم سکارغ برينش تباد هارافن لاکي دسيه تيمور اين، توهن مبناسکن سکل بيا بيه قالم دان اباي ايت دان برهکياله بيا ملايو برسام ۳ نيغون ادان.

Majalah Mingguan "Matahari" terbit pada bulan Januari 1942 dalam Zaman Jepun.

10 Zulhijjah 1360 Hijrah.⁴⁴

Di samping itu beliau juga dipekerjakan oleh Jepun sebagai pegawai pembahagi beras dan pada awal tahun 1942, ia diberhentikan, lalu pada awal bulan Mac 1942 ia dibawa oleh pegawai pentadbiran tentera Jepun ke Singapura untuk menjadi saksi bersama-sama dengan Abdul Kadir Adabi atas kes bunuh yang dijatuhkan oleh pihak tentera Jepun ke atas Inspektor Hamzah. Dalam kesaksian itu kedua-dua beliau yakni Asaad Shukri dan Abdul Kadir Adabi menyatakan dan menjamin bahawa Inspektor Hamzah adalah orang yang baik dan, dengan demikian, Inspektor Hamzah dibebaskan dari tuduhan dan dibenarkan pulang ke rumah dengan syarat ia tidak diperkenankan balik ke Kelantan.⁴⁵

Dizaman pendudukan Jepun ini Asaad Shukri, bersama Abdul Kadir Adabi, telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda cabang Kelantan, di mana Abdul Kadir Adabi telah menjadi Yang Dipertua Kesatuan itu sedangkan Asaad Shukri telah menjadi Naib Yang Dipertuanya dan Nik Hassan Langgar menjadi Setiausahanya, tetapi pekerjaan Setiausaha yang sebenarnya dijalankan oleh Asaad Shukri dan dibantu oleh Wan Ibrahim Mustafa.

Setelah Kesatuan Melayu Muda dibubarkan oleh Jepun pada akhir tahun 1943, Asaad Shukri tidak memegang apa-apa jawatanpun, lalu ia diberi pekerjaan oleh Tengku Sri Maharaja (Tengku Hamzah bin Tengku Zainal Abidin) untuk menternak lembu sebanyak 60 ekor di Bukit Cina Pangkal Kalung (daerah Macang sekarang). Pada 1 Mac 1945, ia dipekerjaan pula oleh Sultan Ibrahim dipejabat hal-ehwal tanah dan galian yang waktu itu diketuai oleh Dato' Adika Raja (Haji Mahmud bin Haji Muhd. Said) untuk selama 6 bulan setengah. Sesudah Jepun kalah pada bulan Ogos 1945, maka pada 14 September 1945, Asaad Shukri bersama teman-temannya ditangkap dan ditahan oleh Inggeris atas tuduhan bekerjasama dengan Jepun termasuk diantaranya ialah Nik Muhamad bin Nik Abdul Rahman (Nik Mat Dato' Amar), Nik Jaafar Hassan, Wan Ibrahim Mustafa, Hussain Khali-e Haji Awang, Muhammad Haji Abdul Salam dan Ustaz Haji Wan Mahmud Daud selama 8 bulan lebih. Asaad Shukri dan teman-temannya dibebaskan pada 31 Mei 1946.⁴⁶

Sesudah keluar dari tahanan ia tidak dapat diterima bekerja dengan kerajaan, lalu ia menghabiskan masa ini dengan mengarang

44 Lihat *Matahari*, Ahad 10 Zulhijjah 1360, th 1 bil. 1, tidak ada tarikh Masihi diberikan pada penerbitan majalah *Matahari*, ini mungkin kerana dilarang, oleh Jepun, namun dapat dikira bahawa *Matahari* diterbitkan pada awal tahun 1942.

45 Lihat "Riwayat Hidup Saad Shukri Haji Muda", (manuskrip).

46 Catatan pribadi penulis hasil dari keterangan Allahyarham Asaad Shukri sewaktu penulis bekerja di Pustaka Dian, 1969.

جائتہا فیہ ۲
سجارتہ کلنتن

اول
اسعد شكري دان دفق
محمد الرحمن الاحمدي

د حقیقہ دان در سیک
اول

Manuskrip bertajuk, "Catatan Kisah-kisah Sejarah Kelantan" oleh Asaad Shukri Haji Muda dan Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi yang belum dicetak. Walau bagaimana pun sebahagiannya telah disiarkan dalam buku 'Detik-detik Sejarah Kelantan' oleh Asaad Shukri Haji Muda, Abdullah Al-Quari Haji Salleh dan Abdul Rahman Al-Ahmadi, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971.

کلنتی

تدوین و تدقیق: ^{تکمیل} اسناد و دستاویز
مقدّمہ: ^{اسناد} سیرت و تاریخ فان بانہ صفا
سمیر زمانہ: ^{تدوین} سیرت و تاریخ سیرت (۱۹۶۲)

دہیتہ دان و سیرت
اولہ
فتاویٰ امان پریس
کلنتی



اولہ
اسناد و سیرت
کلنتی

Manuskrip bertajuk, "Kelantan: Sejarah Ringas Lengkap dan Peristiwa-peristiwa" oleh Asaad Shukri Haji Muda, yang belum dicetak. Walau bagaimanapun sebahagiannya telah disiarkan dalam buku "Sejarah Kelantan" (1962) dan "Detik-detik Sejarah Kelantan" (1971) oleh Asaad Shukri Haji Muda, Pustaka Aman Press, Kota Bharu.

sebuah buku yang diberi nama 'Jagat Negara' yang dapat disiapkan selama beliau berada di Singapura dan diterbitkan pada tahun 1959.⁴⁷ Pada 1 September 1946 ia berhijrah ke Singapura dan dalam masa 3 bulan ia berada di sana ia berjaya meletakkan asas membuka sebuah kedai sulam menyulam untuk Sofiah Khuzaimah. Pada 26 Disember 1946 ia kembali lagi ke Kelantan dan terjun dalam pergerakan politik, iaitu pada tahun 1947 ia memasuki Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pertama kali ditubuhkan di Pasir Mas yang dipimpin oleh Ustaz Wan Ismail, kemudian dipindahkan ke Kota Bharu. Dalam perjumpaan Agung di Jalan Zainal Abidin, Kota Bharu, Asaad Shukri telah dipilih menjadi Yang Dipertua Partai Kebangsaan Melayu Malaya Cabang Kelantan. Disamping itu beliau juga menjadi ahli dalam Pusat Tenaga Rakyat Cabang Kelantan. Pada pertengahan tahun 1947 Asaad Shukri bersama dengan Yang Dipertua, Setiausaha dan Penolong Setiausaha Angkatan Wanita Sedar pergi ke Kajang Selangor untuk menghadiri kongres Awas SeTanah Melayu.⁴⁸

Pada 22 Disember 1947 Asaad Shukri bersama dengan Cikgu Abdul Hamid dan Wan Ibrahim Mustafa telah terpilih sebagai wakil Partai Kebangsaan Melayu Malaya Cabang Kelantan pergi ke Padang Rengas Perak, menghadiri mesyuarat persiapan kongres yang akan diadakan di Singapura pada 28 Disember 1947. Kongres ini diadakan di Panggong Queen, Geyland Road, Singapura. Pada hari pertama, sidang terbuka dan sidang tertutup diadakan di istana Kampung Gelam selama dua hari hingga 30 Disember 1947. Asaad Shukri telah dipilih pula menjadi pengerusi Kongres Partai Kebangsaan Melayu Malaya ke empat yang diadakan di Kota Bharu pada akhir bulan April 1948.

Sebulan sebelum itu iaitu pada 5 Mac 1948, sebuah persatuan bernama Gabungan Melayu Patani Raya atau GEMPAR telah ditubuhkan di Kota Bharu, Kelantan, tidak lama selepas Haji Sulong bin Haji Abdul Kadir, pemimpin Melayu di Patani, Selatan Thailand, ditangkap oleh Kerajaan Thai. Pemimpin-pemimpin GEMPAR ialah Yang Dipertua Tengku Ismail bin Tengku Nik, dua orang Naib Yang Dipertua Tengku Abdul Jalal bin Tengku Abdul Mutalib dan Nik Mahmud bin Haji Abdul Majid dan Setiausaha Nik Muhammad bin Nik Abdul Rahman. Asaad Shukri bin Haji Muda menjadi ahli jawatankuasanya.

Apabila Partai Kebangsaan Melayu Malaya diharamkan di Malaya pada pertengahan tahun 1948, maka rumah Cikgu Abdul Hamid dan Cikgu Wan Ibrahim Mustafa telah digelidahkan polis dan kedua-dua

47 Lihat "Riwayat Hidup Saad Shukri Haji Muda", (manuskrip).

48 *Ibid.*

tokoh Partai Kebangsaan Melayu Malaya itu telah ditahan polis. Pada waktu ini Asaad Shukri menunggu masa sahaja kemungkinan beliau pun akan ditahan. Pada bulan Oktober 1948 beliau terus memasuki Persekutuan Persetian Melayu Kelantan dan dalam mesyuarat Agung tahun 1948 itu, ia terpilih menjadi Naib Yang Dipertua persekutuan itu, manakala Yang Dipertuanya ialah Haji Wan Muhamad bin Haji Wan Ahmad.

Pada 1 Mac 1949 ia dibawa ke hadapan jawatankuasa penyiasat (inquiry committee) bertempat di pejabat Bandaran Kota Bharu untuk disoal tentang kegiatannya dizaman Jepun lebih-lebih yang berhubungan dengan majalah 'Matahari'. Hasil daripada penyiasatan itu ia, pada bulan Mei 1949, diputuskan dilucutkan daripada jawatan kerajaan yang mulai berkuatkuasa pada 8 Disember 1941.

Pada bulan Februari 1950, ia sekali lagi berhijrah ke Singapura dan di sini, kali ini, ia menjalankan perniagaan berjualan kain songket Kelantan dan Terengganu yang dijual secara angsuran kepada anggota polis dan orang ramai. Waktu ini ia tidak lepas daripada intipan pihak polis Cawangan Khas hingga sampai 8 kali ia dipereksa, dan terpaksa ia melaporkan diri kepada pihak polis di Singapura. Ia juga ditawarkan untuk bekerja sebagai pegawai polis Cawangan Khas tetapi ia menolak dengan alasan bahawa ia lebih suka bekerja bebas sebagai peniaga.

Pada waktu Peristiwa Natrah yang mencetuskan kekacauan di Singapura pada bulan September 1950, perniagaan Asaad Shukri menjadi rugi sebab para pelanggan tidak dapat membayar kepadanya kerana kebanyakan mereka yang terlibat dalam peristiwa itu telah ditahan dan dipenjarakan. Atas pertolongan seorang temannya, pada pertengahan tahun 1951, ia dapat bekerja di Hospital Singapura, mula-mula sebagai atendan dan 6 bulan kemudian ia diangkat sebagai penolong dresser. Pada masa ini ia sekali lagi ditawarkan oleh pihak Cawangan Khas untuk bekerja dengannya, tetapi bagi kali kedua ia tetap menolak tawaran itu dengan alasan bahawa ia lebih senang mengabdikan dirinya kepada kepentingan rakyat yang sakit. Di hospital ini ia bekerja sampai bulan Julai 1954.

Pada masa ia berada di Singapura, sewaktu ia bertugas sebagai penolong dresser pada 31 Disember 1952, atas inisiatifnya ia telah mengumpulkan sebanyak 50 orang dari Kelantan lelaki dan perempuan bermesyuarat untuk mengadakan perarakan Budaya Kelantan bagi menyambut perayaan Kemahkotaan Baginda Queen Elizabeth pada 2 hingga 8 Jun 1953. Untuk tujuan ini, Asaad Shukri telah mengirim surat kepada Baginda Sultan Ibrahim, Sultan Kelantan dan Nik Ahmad Kamil (Dato' Seri Setia Raja) dan pegawai tinggi Kerajaan Kelantan, meminta supaya Kerajaan Kelantan mengirim

SINI PERPUSTAKAAN MPM BILANGAN 1

KAMUS HEWAN

*Mengandungi nama-nama hewan
dalam Bahasa Melayu*

di-susun oleh


ASAAD BIN HAJI MUDA



di-terbitkan oleh

PERKESATUAN PERSURATAN PEMUDA PEMUDI MELAYU
SINGAPURA

Buku "Kamus Hewan" oleh Asaad Shukri Haji Muda, Persatuan Persuratan Pemuda-Pemudi Melayu Singapura, 1959.



CHERITA SELAMPIT

Buku "Cherita Selampit" editan Asaad Shukri Haji Muda dan Abdul Samad bin Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1959.

فندو سورتين

فرا توران منوليس سورة ۲ کيرمين
 دالايين ۳ سرت جنتوه ۲۸


I فشكل

اوله

حمد شکر، کلین

دجم اوله (السطحه الاملايه) کورت بهارو کلتين

Buku "Pandu Surat" oleh Asaad Shukri Haji Muda, Al-Matbaah Al-Ahliyah,
 Kota Bharu, (tanpa tahun terbitan).



KAMUS

Sa'ad Shukry Hj. Muda,
Husain Latify Yahya.

"BERTENAGA, TERUS BERTENAGA"

PERKAMUSAN KITA,
Singapura.

1

*Buku "Kamus" oleh Asaad Shukri Haji Muda dan Husain Latify Yahya,
Perkamusan kita, Singapura (tarikh tiada di Ketahwi).*

Perkamusannya Shukry

Enaji

KAMUS SIMPULAN BAHASA

Oleh:

Sa'ad Shukry H. Muda

Penyusun: JAGAT ALAM
KAMUS HAIWAN

Hak Penyusun Terpelihara

Dichetak dan diterbitkan oleh
Pustaka Dian Press,
Kota Bharu, Kelantan.

Buku "Kamus Simpuln Bahasa" oleh Asaad Shukri Haji Muda, Pustaka Dian Press, Kota Bharu, (tanpa tahun terbitan).

satu rombongan Budaya Kelantan kepesta perayaan itu dan untuk mengkongkritkan lagi usaha ini. Asaad Shukri sendiri telah pulang ke Kelantan bagi memastikan penyertaan Kelantan dalam perayaan itu.

Pada 3 Jun 1953, pada malam aneka warna Melayu itu di atas pantas Municipality Singapura, Asaad Shukri telah berjaya mempersembahkan kesenian Kelantan iaitu seni silat, zapin, dan seni tari inai yang disaksikan lebih kurang 20,000 orang. Pada 7 Jun 1953 pula, diadakan perarakan Kelantan jam 9 pagi menuju ke istana Kampung Gelam. Dalam perarakan ini ditunjukkan kereta berhias membawa Cik Siti Wan Kembang, Raja Perempuan Kelantan, dizaman lampau, disisi seekor kijang emas bersekali dengan dayang-dayang, sebuah kereta berhias lain membawa ahli jawatankuasa dan dibelakang sebuah lori berhias membawa wanita-wanita.⁴⁹

Pada bulan Ogos 1953, beliau telah dijemput oleh teman-teman sejawatnya di Singapura untuk menaja dan menggubal undang-undang Persekutuan Kebudayaan Melayu Singapura, dan hasil daripada persekutuan itu ia telah berjaya menerbitkan sebuah buku bernama *Kamus*.⁵⁰ Pada masa ia bekerja di Singapura, tahun 1953 ia dipilih sebagai wakil Persekutuan Persetian Melayu Kelantan menghadiri Kongres Partai-partai Politik Melayu di Johor dan ia menghadiri pula perjumpaan agung di Kuala Lumpur bersama-sama dengan Daud bin Haji Muhamad Saleh. Dalam tahun 1954 ini, ia pulang semula ke Kelantan dan mengingat jasa-jasanya selama berada di Singapura di mana ia berjaya mengadakan pertunjukan kesenian Kelantan yang sangat meriah bagi menyambut perayaan hari kemahkotaan Ratu Elizabeth pada 2 samapi 8 Jun 1953 dan juga kerana ia berjaya mengadakan acara sambutan terhadap keberangkatan dan ketibaan kembali Al-Sultan Ibrahim dari London pada pertengahan tahun 1953, maka pada 18 Oktober 1954, ia terus diterima bekerja sebagai kerani sementara dibahagian taksiran rumah di Pejabat Bandaran Kota Bharu.⁵¹


Mengingat bahawa ia mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang persuratan, lalu ia dipanggil untuk bekerja sebagai pegawai penyidik luar di Dewan Bahasa dan Pustaka di Johor Bharu dari tahun 1957 sampai tahun 1958 dan sesudah pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka dipindahkan ke Kuala Lumpur, ia ikut pindah pula dan bekerja di sini dari tahun 1958 sampai tahun 1959.

Dalam tahun 1960-an nampaknya Asaad Shukri tidak lagi cergas

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Lihat Saad Shukri Haji Muda dan Hussain Latify Yahya, *Kamus*, Heng Lee Printing Co., No. 7 Lorong 17 Geylang, Singapura, 1961.

⁵¹ Lihat "Riwayat Hidup Saad Shukri Haji Muda", (manuskrip).



Penerbitan  Kelantan

Buku "Sejarah Kelantan" karangan Asaad Shukri Haji Muda, penerbitan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1962, (Kulit depan).

سجاره كلنتن

مفندوغي سجاره نكري كلنتن سچق دري زمان باتو
ههكك سفي زمان فمر تاهن سلطان محمد بشكامفة

اوله:

أ اعد شكري حاج مودا

اهل سجاره كلنتن دان بكس فيمياسة لوار
ديوان بهاس دان فوستاك كوالا لمفور.

هرگ \$1.50

PENERBIT  KELANTAN

NIK MOHAMED bin NIK MOHD. SALLEH

*Buku "Sejarah Kelantan" karangan Asaad Shukri Haji Muda, penerbitan
Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1972, (Kulit depan sebelah dalam).*

Detik2 Sejarah Kelantan



Buku "Detik-detik Sejarah Kelantan", karangan Asaad Shukri Haji Muda dan lain-lain, penerbitan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971, (Kulit depan).

DETIK2 SEJARAH KELANTAN

Oleh

SA'AD SHUKRI BIN-HAJI MUDA

dengan pembaharuan dan tambahan oleh

ABDULLAH AL-QARI BIN HAJI SALLEH

(A.Q.H.A.S.)

dan dengan sumbangseh oleh

DRS. ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

(UNIVERSITAS GAJAH MADA)

PENERBIT



KELANTAN

Buku "Detik-detik Sejarah Kelantan" karangan Asaad Shukri Haji Muda dan lain-lain, penerbitan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971, (Kulit depan sebelah dalam).

MUTIARA BAHASA

Mengandung Kata-kata tua, bidalan, pepatah,
peribahasa dan perumpamaan.

Oleh:

Asaad Shukri H. Muda

© SRI PERKAMUSAN SHUKRY ©
© SRI PERKAMUSAN SHUKRY ©
© SRI PERKAMUSAN SHUKRY ©
© SRI PERKAMUSAN SHUKRY ©

Buku Bahasa Peribahasa

Dicetak dan diterbitkan oleh
Pustaka Dian Press,
Kota Bharu, Kelantan

*Buku "Mutiara Bahasa" oleh Asaad Shukri Haji Muda, Pustaka Dian Press,
Kota Bharu, (tanpa tahun terbitan).*



Asaad Shukri Haji Muda di lahirkan di Kampung Masjid, Kota Bharu pada 25 Februari 1905 dan meninggal dunia di Mekah pada 25 Januari 1971 dalam usia 66 tahun. Seorang pejuang tanah air, sejarawan, sasterawan, budayawan dan pengarang yang gigih di masa hayatnya.

dalam politik; ia lebih menumpukan perhatiannya ke bidang penyusunan kamus. Banyak buku kamus yang telah dipersiapkannya. tetapi tidak sempat diterbitkan. Adalah menjadi ciri dari falsafah hidupnya tidak ada yang sukar baginya; semuanya mudah; semua tipis setipis kulit bawang.⁵²

Pada 20 Januari 1968, atas inisiatif Asaad Shukri, telah digubal pula satu rang perlembagaan Badan Kajian Kebudayaan Kelantan. Kemudian rang ini diluluskan pada mesyuarat dipejabat Dian Kota Bharu pada 10 Februari 1968 di mana telah dipilih Yusuf Zaki sebagai Yang Dipertua dan Asaad Shukri sebagai Timbalan Yang Dipertua manakala Abdullah Yusuf sebagai Setiausahanya dan Abdul Rahman Al-Ahmadi sebagai Penolong Setiausaha.⁵³ Beliau meninggal dunia di Mekah pada 25 Januari 1971.

Bibliografi

A. Manuskrip

1. Abdul Kadir Adabi, Surat Pribadi kepada Al-Sultan Al-Kelantan 1923.
2. Alyubi Ismail, Kembang Tak Layu.
3. Asaad Shukri, Catatan Kisah-Kisah Sejarah Kelantan.
4. _____, Gubalan Perlembagaan Badan Budaya Kelantan, Malaysia.
5. _____, Kilatan atau Riwayat Kelantan.
6. _____, Kamus Hari Ini.
7. _____, Kamus Ubat-Ubatan Melayu.
8. _____, Riwayat Hidup Saad Shukri Haji Muda, Kelantan.
9. _____, Sejarah Kelantan.
10. Mansur Adabi, Surat Pribadi kepada Alyubi Ismail.
11. Saadah Taib, Surat Pribadi kepada Abdul Rahman Al-Ahmadi.
12. Kesatuan Melayu Muda Cawangan Kelantan (borang).
13. Pejabat Sultan Kelantan, Kota Bharu, 4 Oktober 1960, kepada Secretary, Malaysian Sociological Institute Ltd., Room 409, Shaw House, Orchard Road, Singapore.

B. Bahan Cetakan

1. *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan for the year 1936* by G. A. de C. de Moubry M.C.S., Ag. British Adviser to the Government of Kelantan.

52 Lihat Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Kenangan sepintas lalu kepada Allahyarhum Encik Saad Shukri", dalam majalah *Kelantan*, April 1971, jilid III, bil. 2, hlm. 11.

53 Catatan pribadi penulis sendiri yang secara langsung terlibat dalam Badan Kajian Kebudayaan Kelantan.

2. *Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Muhammad ke-IV C.M.G. Yang Dipertuan Negeri dan Jajahan Kelantan pada 24 Disember 1915.*
3. *Undang-Undang Kerajaan Kelantan 1931.*
4. *Surat Mimpri Al-Alim Al-Sufi Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad.*

C. Surat-Surat Kabar dan Majalah

1. *Al-Hidayah* (Kota Bharu), Tahun 1 bil 1, Jun 1923 sampai bil 12, Mei 1924.
2. *Al-Hikmah* (Kota Bharu), Tahun 1 bil 1, 1 April 1934 sampai tahun 7 bil 308, 14 Ogos 1940.
3. *Al-Kamaliah* (Kota Bharu), Tahun 1 bil 2, 15 Januari 1930 sampai bil 8, 15 April 1930.
4. *Al-Kitab* (Kota Bharu), Bil 1, 14 September 1920 sampai bil 4, Rabiul Tani 1933.
5. *Dewan Sastera* (Kuala Lumpur), Jilid 1 bil 3, 14 Mac 1971.
6. *Idaran Zaman* (Penang), Tahun 1 bil 9, 12 Mac 1925 sampai tahun 5 bil 9, 28 Februari 1929 (dalam mikrofilm).
7. *Kenchana* (Kota Bharu), Tahun 1 bil 1, April 1930 sampai bil 10, Januari 1931.
8. *Majalah Kelantan* (Kota Bharu), Kerajaan Negeri Kelantan, Jilid 1 bil 1, 15 Februari 1966 sampai Jilid 2 bil 10, November 1967.
9. *Pengasuh* (Kota Bharu) (sebelum perang Dunia II), Tahun 1 bil 1, 11 Julai 1918 sampai tahun ke-21 bil 642, 23 Disember 1937.
10. *Pengasuh* (Kota Bharu) (sesudah Perang Dunia II), Tahun ke-22 bil 1, 13 Jun 1946, sampai tahun ke 28 bil 244, 18 Disember 1952.
11. *Saudara* (Penang), Tahun 3 bil 146, 15 Julai 1931 sampai tahun 9 bil 701, 7 April 1937 (dalam mikrofilm).
12. *Utusan Zaman* (Kuala Lumpur), 26 Januari 1975.
13. *Warta Jenaka* (Singapura), 26 Januari 1935, 5 Januari 1939, 28 Jun 1937, 4 Januari 1940, 6 Jun 1940, 20 Julai 1940, 27 Julai 1940, 22 Ogos 1940, 5 September 1940, 14 September 1940.
14. *Warta Malaya* (Singapura) mulai 5 Julai 1934 sampai 10 Mei 1940 (dalam mikrofilm).

D. Buku-Buku

1. Abdullah Munshi: *Kisah Pelayaran Abdullah*, Pengenalan dan

- Anotasi oleh Kassim Ahmad, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964.
2. Abdul Jalil bin Ahmad, *'Riwayat Kinta'*, Pustaka Rusna, Kuala Lumpur, 1959.
 3. Alias Muhammad: *Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan*, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1975.
 4. Asaad Shukri bin Haji Muda, *Sejarah Kelantan* Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1962.
 5. Emerson, R., *Malaysia* (Terjemahan), Satu Pengkajian Dalam Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.
 6. Graham, W.A., *Kelantan: A State of The Malay Peninsula*, Glasgow, 1908.
 7. Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.
 8. Gimlette, John D., *Malay Piousness and Charm Cores*, Oxford Univeristy Press, Kuala Lumpur, 1971.
 9. Gullick, J.M. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.
 10. Haji Nik Mahmud bin Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja), *'Rengkasana Chetera Kelantan*, Matbaah Al-Asiasiah Company, Kota Bharu, 1934.
 11. Kesatuan Pelajar-Pelajar Melayu Kelantan, *'Chenderamata Kongres Ekonomi Pemuda Kelantan*, Tahun 1969.
 12. Muhammad Hussin Khali-e Haji Awang, *'Kelantan Dari Zaman Ke Zaman* Pustaka Dian, Kota Bharu, 1970.
 13. Muhammad Yusuf bin Haji Salleh Al-Kelantani, *'Laksana Sehidangan* Mustapha Press, Kota Bharu, 1953.
 14. Norman, Henry, *The Peoples and Politics, of the Far East*. T. Fisher Unwin Paternoster Square, London, 1890.
 15. Roff, W.R, *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
 16. _____, *Nasionalisma Melayu* Terjemahan Ahmad Boestaman, Univeristy of Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
 17. Saad Shukri bin Haji Muda, *Jagat Negara*, Peter Chong & Co., Singapore, 1950.
 18. _____, *Kamus Simpulan Bahasa'*, Pustaka Dian, Kota Bharu, (tanpa tahun terbitan).
 19. _____, *Mutiara Bahasa* Pustaka Dian, Kota Bharu, (tanpa tahun terbitan).
 20. Saad Shukri bin Haji Muda, Abdullah bin Haji Salleh dan Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971.

21. *Kamus Hewan*, Diterbitkan oleh Persatuan Pemuda-Pemudi Melayu Singapura, 1959.
22. _____, *Pandu Suratan*, Matbaah Al-Ahliah, Kota Bharu, (tanpa tahun terbitan).

E. Jurnal-Jurnal

1. *Bijdragen Tot De Taal-, Land En Volkenkunde*, Deel 130, S. Gravenhage-Martius Nijhoff, 1974.
2. *Jurnal- Persatuan Sejarah Kelantan*, Bil 1, 1964/65, Persatuan Sejarah Kelantan, Penerbitan Bintang Emas, Kota Bharu, Kelantan.
3. *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 1, Jun 1976, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Melaka.
4. *Malaysia in History*, Vil. XIII, No. 2, Disember 1970, Malaysian Historical Society, Kuala Lumpur.
5. *Malaysia in History*, Vol. XVIII, No. 1, Jun 1975, Malaysian Historical Society, Kuala Lumpur.

F. Bahan-Bahan Latihan Ilmiah yang tidak Diterbitkan

1. Abdul Rashid bin Haji Ahmad, "Bureaucracy Negeri Kelantan", Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969.
2. Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "British and Siamese Relations with Kelantan 1900-1910", Universiti of Malaya, Singapore, 1960.
3. Syed Mohamad bin Syed Ahmad, "Orang-orang Pathan di Kelantan", Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1973.

*Pengalaman Pertama Serangan Tentera Jepun di Kuala Pak Amat**

SALLEH MOHD AKIB

Pendahuluan

Dalam masa Peperangan Dunia Kedua¹ yang lalu, nama Kuala Pak Amat, Sabak, Kelantan menjadi terkenal kerana ianya merupakan tempat pertama meletus peperangan iaitu tembak-menembak antara tentera British dengan tentera Jepun di Kelantan pada malam 7 Disember 1941 dan tengah malam awal 8 Disember 1941.

Kampung Kuala Pak Amat dan Pulau Gorek terletak di tepi Pantai Sabak kira-kira 12 kilometer daripada Kota Bharu. Penduduk di Kampung Kuala Pak Amat ada kira-kira 200 orang. Pada masa tercetus peperangan tersebut, penduduk di situ mengandungi lebih kurang 50 keluarga dan jumlah penduduknya anggaran 250 orang. Meraka adalah terdiri daripada kaum nelayan dan petani. Ada di antara mereka sekarang yang berpindah ke tempat-tempat lain kerana mencari penghidupan baru dan ada juga kawasan-kawasan rumah mereka terkena hakisan oleh ombak.

Pada masa tercetus peperangan yang bersejarah itu masyarakat di sini dapat melihat sendiri peristiwa yang mengerikan itu. Antara

* Seperti yang diceritakan oleh Pak Long bin Che Wil (Che Ali bin Che Ismail) kepada penulis. Foto: Abustarim, rajah; Nik Othman bin Nik Hussein dan nota kaki oleh Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh.

¹ Peperangan Dunia Kedua bermula dibenua Eropah apabila tentera Nazi Jerman menyerang dan menakluki Poland pada bulan September 1939 dan berakhir pada 5 Mei 1945 setelah Jerman menyerah kalah kepada Pihak Berikat (Amerika Syarikat, Soviet Union, Britain dan Perancis). Di Asia Timur dan Pasifik Peperangan Dunia Kedua bermula apabila Jepun menyerang dan mendarat di Selatan Thailand dan di Kelantan dan juga menyerang Pearl Harbour, Hawaii pada 8 Disember 1941 dan berakhir pada 15 Ogos 1945 apabila Jepun menyerah kalah.



Kampung Kuala Pak Amat sekarang. Pantainya sudah banyak mengalami hakisan. Di hujung sebelah kanan arah tanjung terletak kubu askar British, sekarang sudah ditenggelami air laut.



Pemandangan di Pantai Kuala Pak Amat masa sekarang.

mereka yang masih hidup dan masih sihat lagi ialah Che Long bin Che Wil (90 tahun) dan adiknya Che Ali bin Che Wil (70 tahun). Mereka berdua masih ingat akan peristiwa serangan tentera Jepun dan suasana pada masa itu. Che Long dan adiknya Che Ali telah menceritakan detik-detik peristiwa tersebut dengan ingatannya yang masih segar dan kuat seolah-olah baru sahaja berlaku.

Di tepi pantai Kampung Kuala Pak Amat masa itu telah didirikan pagar kawat berduri oleh tentera British sebagai pertahanan mereka. Pagar ini merentang seluruh pantai dari Sabak sampailah ke Kuala Besar (muka Kuala Sungai Kelantan).²

Di sebelah kanan Kampung Kuala Pak Amat iaitu kawasan yang berbentuk tanjung terdapat kubu tentera British terdiri daripada askar Punjab.³ Begitu juga di sebelah kiri. Jarak antara dua buah kubu itu lebih kurang 3 kilometer. Kampung Kuala Pak Amat terletak di tengah-tengah antara dua kubu tentera British yang dikawal oleh tentera berbangsa Punjab. Mengikut keterangan Pak Long, setiap kubu itu mengandungi 9-10 orang askar yang berkawal.

Pada masa penulisan ini dibuat, sebahagian pantai di kawasan Kampung Kuala Pak Amat termasuk sebahagian Pulau Gorek dan lain-lain lagi sudah ditenggelami laut akibat hakisan. Begitu juga dengan bangunan kubu yang diperbuat daripada simen yang kuat dan kukuh itu juga turut ditenggelami air dan terletak jauh ke dalam laut.

Pak Long menceritakan bahawa pada masa itu, orang-orang kampung tidak tahu akan adanya peperangan apatah lagi mengenai Jepun yang akan menyerang. Setahu mereka orang Jepun adalah baik-baik, penjual kelepek, kueh Jepun dan lain-lain sebagai peniaga di Kota Bharu. Oleh kerana itu, orang-orang di situ tidak berpindah ke tempat-tempat lain bagi mengelakkan diri daripada tersepit dalam kancha peperangan walaupun tentera British memagar kawasan tepi pantai di kampung mereka.

Pendaratan Askar-Askar Jepun

Pada malam 7 Disember 1941, di Kampung Kuala Pak Amat ada

2 Pagar kawat berduri ini telah didirikan oleh tentera British di sepanjang pantai negeri Kelantan sebagai sebahagian daripada pertahanan British di Malaya bagi menghadapi kemungkinan serangan tentera Jepun. Pagar itu mula didirikan pada awal tahun 1941. Di kawasan pantai Kelantan dari Kuala Besar hingga ke Bachok, pagar pertahanan itu mengandungi lima lapis/baris iaitu 4 lapis kawat duri biasa dan ditengahnya didirikan satu lapis kawat duri jenis *Dannert* yang banyak durinya dan dipasang di atas pantai secara bergulung-gulung atau berlekar-lekar. Dibelakang pagar lima lapis itu barulah didirikan pula kubu pertahanan yang mengandungi kubu batu (pill box), kubu parit siku (firing dug out), periok api anti-kereta kebal dan pagar kawat berduri bersiku (zigzag barbed wire fence).

3 Apa yang disebut askar Punjab atau askar Panjab sebenarnya ialah askar-askar dari bangsa India yang diketuai oleh pegawai-pegawai bangsa Inggeris (British). Pasukan askar-askar India yang ditugaskan mengawal/menjaga kawasan dari Kuala Sungai Kelantan (sebelah barat), Pantai Pulau Kunder, Pantai Semut Api, Pantai **Badang**, Pantai Kuala Pak Amat hingga ke Pantai Sabak (sebelah timur) ialah Pasukan 3/17 Dogras.



Di sungai inilah satu pasukan askar-askar bangsa India tenggelam dan mati lemas pada pagi 8 Desember 1941 ketika berjuang menentang serangan askar-askar Jepang.



Che Long menunjukkan tempat beliau terjun menyelam menyembunyikan diri dalam sungai berdekatan dengan rumahnya. Tepi sungai itu pada ketika itu ada rongga dan perdu pokok kelapa yang merintang di tebing sungai tersebut.

satu majlis 'Main Puteri' di rumah Che' Amat kerana mengubati isterinya Che' Bunga yang sedang mengidap penyakit barah dan lelah. Ramai orang kampung berkumpul di rumah si sakit bahkan ada yang berkumpul di luar rumah tersebut kerana melihat 'Main Puteri' yang sedang berlangsung itu.

Lebih kurang jam 12.00 malam itu datang satu kumpulan askar Punjab menyuruh tuan rumah tempat berlangsungnya 'Main Puteri' itu memadamkan lampu (beberapa buah lampu minyak tanah), tetapi tidak dihiraukan oleh tuan rumah. Askar Punjab mengatakan 'Japan, Japan' dan kemudian mereka beralih ke rumah api dan menurunkan lampu isyarat yang ada di rumah api tersebut dan memadamkannya. Masa itu rumah api terletak di bahagian kuala sungai. Rumah kastam juga terdapat di daratan muka kuala bagi mengutip cukai kapal-kapal yang masuk.

Orang ramai yang berada dalam majlis tersebut merasa hairan dengan tindakan askar Punjab itu. Pada kebiasaannya, mereka bersikap baik dan tidak melakukan kekasaran. Orang-orang kampung sudah biasa bertemu dengan mereka yang mengawal pantai serta kubu-kubu yang berdekatan dengan kampung mereka.

Permainan Puteri itu diberhentikan lebih kurang jam 12.30 tengah malam. Masing-masing yang hadir beredar ke tepi pantai berdekatan dengan pagar kawat berduri. Api dikubu askar Punjab juga gelap. Dalam suasana gelap didarat di Kampung Kuala Pak Amat itu masing-masing tertanya-tanya kenapa tindakan askar Punjab sekejap tadi yang memadamkan lampu-lampu. Mereka terlihat jauh di laut lembaga tiga buah kapal besar yang sedang berlabuh.⁴ Orang ramai mula ruih rendah masing-masing menumpukan perhatian ke arah laut. Melihat kearah lembaga kapal-kapal tersebut berlabuh. Pada masa itu masih belum diketahui kapal dari mana dan kenapa berlabuh disana. Apakah ada hubungan dengan askar Punjab memadamkan lampu-lampu. Daripada soalan-soalan yang tidak berjawab itu menyebabkan timbul rasa ingin tahu orang-orang kampung itu memuncak dan mereka terus berkumpul di tepi pantai untuk memerhatikan apa yang akan berlaku.

Mengikut Pak Long lama juga orang-orang kampung berkumpul di tepi pantai dan berbual-bual akhirnya mereka balik ke rumah masing-masing. Bila Pak Long naik ke rumahnya, baru melangkah anak tangga pertama telah dikejutkan dengan tembakan daripada

4 Ketiga buah kapal itu ialah kapal pengangkut tentera Jepun bernama Awagisan Maru (9,794 ton), Ayatosan Maru (9,800 ton) dan Sakura Maru (7,100 ton). Mereka berlabuh pada jam 10.20 malam 7 Disember 1941. Ketiga buah kapal pengangkut itu telah dieskot/diiringi oleh lima buah kapal perang Jepun. ('Singapore: The Japanese Version' oleh Kol. Masanobu Tsuji, 1966, hlm. 72 - 77 dan 'A Battle History of the Imperial Japanese Navy: 1941 - 1945' oleh Paul S. Dull, 1978, hlm. 37 dan 44).



Che Long menunjukan perdu pokok nipah di mana beliau menyembunyikan diri dari askar-askar Jepun.



Sungai Pulau Layat di mana sepasukan askar bangsa India mati semasa menyeberanginya, dipercayai kerana senjata yang dibawa mereka terlalu berat. Pada masa itu (8 Disember 1941) belum lagi ada jambatan di tempat itu.

kubu askar Punjab yang di sebelah kanan.⁵ Orang-orang kampung lari menyelamatkan diri. Ada yang bersembunyi di bawah rumah dan ada yang berpindah ke kawasan yang lebih selamat di dalam gelap malam itu.

Sebahagian besarnya berpindah pada malam itu juga ke kampung sanak saudara yang jauh daripada pantai dengan meninggalkan harta benda untuk menyelamatkan diri. Ada juga yang terus menetap di rumah masing-masing tetapi mereka berlindung di bawah rumah.

Masa itu tembak-menembak mula rancak dan askar-askar Jepun daripada kapal besar mula mendarat dengan menggunakan bot-bot rapat ke pantai.⁶ Ada yang berguling-guling di atas pasir pantai Kampung Kuala Pak Amat rapat ke pagar untuk memotong kawat berduri dan terus masuk ke kawasan Kuala Pak Amat sambil menembak ke arah kubu-kubu British. Ramai askar-askar Jepun mati kena tembak dan ada pula yang mati terkena periuk api.

Pak Long dapat mendengar tembak-menembak itu dari dalam telaga buruk (perigi buta). Kebetulanannya berdekatan rumah beliau ada sebuah telaga buruk yang cetek. Beliau anak-beranak bersembunyi di dalam telaga tersebut. Bila askar-askar Jepun telah naik ke pantai dan masuk ke kawasan kampung tersebut beliau terus berdiam diri dalam telaga buruk itu sampai masuk waktu Subuh.

Setelah pagi menjelang, Pak Long dan keluarga keluar dari telaga yang bersejrah itu lalu naik ke rumah dalam keadaan bersembunyi dan masing-masing mendiamkan diri. Pak Long menceritakan setiap askar-askar Jepun yang mendarat itu lengkap dengan tali-temali, kapak, sikul dan lain-lain peralatan lagi dan ada yang membawa kuda ke atas darat di tepi pantai tersebut.⁷

5 Pada jam 11.45 malam 7 Disember 1941, pasukan askar India 3/17 Dogras yang mengawal/menjaga Pantai Sabak dan Pantai **Badang** melaporkan beberapa buah kapal sedang berlabuh kira-kira 2 - 4 kilometer dari pantai berhadapan dengan Lapangan Terbang Pangkalan Chepa. Sejurus kemudian, meriam-meriam dari Pasukan 21st Indian Mountain Battery dan 3/17 Dogras mula menembak kearah kapal-kapal tersebut. Pihak Jepun membalas tembakan itu ('The War in Malaya' oleh Lt. Gen. A.E. Percival, 1949, hlm. 36 - 37).

6 Askar-askar Jepun mula mendarat di pantai Kelantan di antara Pantai **Badang** dengan Pantai Sabak pada kira-kira jam 12.25 malam atau pagi-pagi 8 Disember 1941, dengan menggunakan bot-bot kecil bersenjata (Armoured Landing Craft) yang mengangkut askar-askar Jepun dari kapal-kapal Pengangkut ke pantai ('Singapore: The Japanese Version' by Col. Masanobu Tsuji, 1966, hlm. 87 dan 228; 'The Conquest of Malaya' in 'The History of the Second World War', Vol. 2, No. 13, by Arthur Swinson and Maj. Tokuji Morimoto, 1967, hlm. 797).

7 Pasukan tentera Jepun yang mendarat di pantai Kelantan pada pagi-pagi 8 Disember 1941 berjumlah kira-kira 6,000 orang terdiri dari unit-unit askar berjalan kaki (infantry), askar meriam, askar penembak kapal terbang (anti-aircraft), askar penembak kereta kebal (anti-tank), askar semboyan, askar perubatan, askar 'wireless' dan askar penjaga lapangan terbang. ('Singapore: The Japanese Version' by Col. Masanobu Tsuji, 1966 pg. 37 - 66; 'History of the Second World War — The War Against Japan' Vol. 1, by Maj. Gen. S.W. Kirby and others, pg. 524 - 527; and 'Conquest of Malaya', 'The Japanese Victory' in 'The History of the Second World War' Vol. 2, No. 13, by Arthur Swinson and Maj. Tokuji Morimoto, pg. 796 - 797). Pasukan tentera Jepun ini mungkin juga mengandungi unit berkuda. Juga dilaporkan pasukan tentera Jepun yang mendarat di pantai Kelantan itu membawa bersama mereka sejumlah kereta perisai dan kereta kebal tetapi di katakan telah tenggelam bersama dengan kapal pengangkut bernama Awagisan Maru yang ditembak dan di bom oleh pihak British pada pagi 8 Disember 1941.

Suasana alam pagi di pantai yang biasanya udara hening nyaman telah bertukar menjadi keadaan yang kelam kabut dengan pendaratan tentera Jepun itu. Di laut kelihatan bukan sahaja sebuah kapal tetapi kelihatan lima buah kapal semuanya.⁸ Kelihatan banyak motobot, mayat-mayat askar Jepun yang mati di tepi-tepi pagar kawat berduri. Masa itu tidak ada lagi suara bedilan daripada dua buah kubu tentera British yang berdekatan dengan Kampung Kuala Pak Amat.

Pak Long mendapat tahu daripada orang-orang kampung yang sempat melihat di dua buah kubu tersebut bahawa askar Punjab yang berkawal di situ, semuanya mati.⁹ Seorang daripada mayat mereka yang mati di kubu di sebelah kanan kelihatan terikat di sebatang pokok kelapa. Keadaannya amat mengerikan. Penduduk kampung tidak kelihatan keluar ke pantai atau ke kedai-kedai kopi untuk sarapan pagi seperti dahulu lagi.

Semasa Pak Long terpacak melihat ke sana ke mari tiba-tiba datang satu kumpulan askar Jepun lebih kurang 5-6 orang menangkap Pak Long dengan memegang tangannya dan ditarik untuk berjalan bersama-sama mereka sambil menyebut Pengkalan Chepa.¹⁰ Pak Long membuat andaian mereka menyuruhnya menunjukkan jalan ke Pengkalan Chepa (lebih kurang 4 kilometer daripada Kampung Kuala Pak Amat).


Pak Long tidak mahu mengikut mereka, kerana tidak tahu tujuan sebenarnya entahkan untuk dikurung atau sebagainya. Lagi pula mengingatkan anak isteri yang sedang bersembunyi di rumah; apa akan jadi kepada mereka sekiranya Pak Long tiada di sisi mereka dalam keadaan seperti itu. Bila mengingatkan semua itu beliau membuat keputusan, tidak mahu mengikut pasukan tentera Jepun itu.

Beliau cuba melepaskan diri dari genggaman tentera Jepun, tetapi tidak dilepaskan. Beliau terus meronta-ronta akhirnya terlepas dan beliau terus terjun ke dalam sungai. Askar Jepun menembak Pak Long bertalu-talu. Pak Long terus menyelam dan masuk ke dalam lubang di bawah tebing sungai itu dan berlindung di balik sebatang umbi kelapa yang tumbang kerana hakisan. Agak lama

8 Lima buah kapal itu ialah kapal-kapal perang Jepun yang mengiringi tiga kapal Pengangkut Jepun Ayatosan Maru, Awagisan Maru dan Sakura Maru. Kelima buah kapal perang Jepun tersebut bernama Sendai (kapal penjelajah/cruiser) dan Isonami, Uranami, Shikinami dan Ayanami (kapal-kapal pembina/destroyers). ('Singapore: The Japanese Version' by Col. Masanobu Tsuji, pp. 72 - 77; dan 'A Battle History of the Imperial Japanese Navy: 1941 - 1945' by Paul S. Dull, pp. 37 and 44).

9 Dua buah kubu yang dimaksudkan itu ialah Kubu Batu (Pill Box) No. 12 dan No. 13 masing-masing terletak di atas Pulau Gorek dan Pulau Pak Amat di kiri kanan Kuala Pak Amat (iaitu Kuala kepada Sungai Pangkalan Chepa).

10 Lapangan Terbang Pangkalan Chepa telah ditawan oleh tentera Jepun kira-kira jam 12.00 tengah malam 9 Disember 1941. ('Singapore: The Japanese Version' by Col. Masanobu Tsuji, hlm. 90).



Peta kasar menunjukkan serangan dan pendaratan tentera Jepun dipantai Badang, Pantai Kuala Pak Amat dan Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan pada pagi 8 Disember 1941.

tentera Jepun mencarinya tetapi tidak menjumpainya. Mereka pun bertolak menuju ke arah Pengkalan Chepa. Pak Long berenang sambil menyelam menuju ke suatu kelompok nipah yang tebal dan terus bersembunyi di dalam perdu nipah tersebut beberapa ketika. Bila keadaan sudah tenang Pak Long perlahan-lahan naik ke darat dan menuju ke rumahnya. Beliau menceritakan perasaannya ketika kejadian itu, beliau merasakan seolah-olah mati hidup semula.

Daripada kejadian itu, Pak Long merasakan kurang selamat keluarganya tinggal di Kuala Pak Amat. Lalu beliau membuat keputusan membawa keluarga berpindah ke rumah keluarganya di Pengkalan Datu, Sering, Kota Bharu. Beliau sendiri balik semula ke Kuala Pak Amat dan terus menetap di sana.

Selepas beberapa hari¹¹ daripada masa pendaratan tentera Jepun itu terdapat sepasukan tentera Punjab bersama-sama seorang Inggeris dan seorang Melayu melalui kampung tersebut menuju ke arah Kuala Besar melalui di hadapan rumah Pak Long. Mereka membawa bersama-sama senjata seperti senapang dan mesingan. Oleh kerana jambatan (titian) di sungai itu telah runtuh mereka terpaksa merentasi di tengah-tengah sungai dengan mengharunginya dalam keadaan tergopoh-gapah dan takut akan serangan tentera Jepun. Akhirnya mereka semua tenggelam dan mati kelemasan bersama-sama senjata-senjata yang dibawa mereka. Masa itu air tengah naik kerana hujan lebat dalam musim tengkujuh.

Senjata askat Punjab yang mati lemas itu akhirnya diambil oleh orang-orang kampung. Mengikut khabarnya dijual pula kepada orang-orang di sebelah Siam. Beberapa hari selepas itu pasukan-pasukan askar Jepun datang ke Kampung Kuala Pak Amat dan membakar mayat-mayat mereka dan membawa balik abunya. Ada juga yang datang mencari mayat yang masih hilang tetapi tidak dijumpai kerana ada mayat-mayat yang dihanyutkan ke sungai oleh penduduk kampung kerana tidak tahan dengan bau busuk yang amat sangat.

Daripada masa tersebut itu mula kelihatan keganasan askar-askar Jepun itu. Mereka mengejar wanita-wanita, sehingga tidak ada wanita yang berani keluar rumah. Orang-orang kampung bermuafakat dengan meniup tetuang tanduk kerbau, kiranya ada kelihatan askar-askar Jepun datang ke kampung mereka. Bila mendengar suara

¹¹ Kenyataan 'beberapa hari' ini tidak tepat. Apa yang sebenar telah berlaku ialah pergerakan askar-askar India (British) sama ada untuk menyerang balas dan mengundurkan askar-askar Jepun yang telah berjaya mendarat atau untuk mengundurkan diri mengambil kedudukan pertahanan yang baru, di kawasan pantai Sabak, Kuala Pak Amat dan Sabak berlaku hanya dari jam 12.30 tengah malam 8 Disember 1941 hingga kira-kira jam 3.00 petang pada hari yang sama. Menjelang senja hari itu seluruh kawasan pantai-pantai tersebut serta pulau-pulau di muka Kuala Sungai Pengkalan Chepa (Kuala Pak Amat) termasuk Pulau Panjang telah pun jatuh ketangan Jepun.

tetuang itu masing-masing mencari perlindungan terutama wanita-wanita.

Keganasan askar-askar Jepun mula ketara dengan menangkap seorang penduduk kampung berdekatan yang disyakki mencuri dengan cara diikat tangannya dan diheret dengan kereta melalui atas batas bendang, akhirnya dibakar hingga mati. Selepas itu tidak ada lagi kejadian curi-mencuri yang berlaku di kampung tersebut.


Suatu hari askar Jepun menanam hidup-hidup seorang pegawai daripada Jerneh yang mengikut khabarnya tidak lut dibedil oleh Jepun. Kuburnya telah lama hanyut ke laut. Kejadian yang menyayat hati itu telah dilihat sendiri oleh Tok Ali yang berada di puncak pokok kelapa untuk menyadap nira pada masa itu.

Kemudiannya tentera Jepun mengerah orang-orang kampung membuat (membesar) lapangan terbang Pengkalan Chepa. Mereka terdiri daripada penduduk Kampung Kuala Pak Amat, dari daerah Badang, Kemumin, Sungai Pinang dan Kubang Kerian. Mereka dijanji akan dibayar gaji \$1.00 sehari (wang pokok pisang). Pekerja-pekerja buruh paksa ini membawa bekalan sendiri bagi makan dan minum mereka. Semasa menjalankan kerja inilah, buruh-buruh itu mengalami kezaliman semasa bekerja daripada tentera Jepun yang mengawasi mereka. Masyhur masa itu dengan kata-kata; penampar tawar, tendang, siku balik, sepak terajang dan hentakan buntut senapang. Pak Long sendiri terlibat dalam kerahan dan menjalankan kerja buruh paksa ini.

Mengingati peristiwa-peristiwa yang disebut di atas, Pak Long masih ingat ada juga masanya tentera Jepun menunjukkan simpati dan kebajikannya. Bila mereka datang ke Kampung Kuala Pak Amat dengan menaiki bot-bot dan didapati ada orang menjala ikan mereka meminta ikan-ikan itu dan sebagai balasannya mereka memberi beras daripada 'ration' mereka. Beras-beras itu amat berharga kepada orang-orang kampung kerana pada masa itu bahan makanan utama itu sudah kehabisan dan sukar untuk mendapatkannya di pasar-pasar.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
RESEARCH REPORT NO. 100
BY
J. H. GOLDSTEIN AND
R. A. FESSenden
PUBLISHED BY THE UNIVERSITY OF CHICAGO PRESS
CHICAGO, ILLINOIS
1958

**Gambar-gambar
Warisan Lama**





Anak-Anak Kelantan di Tanah Suci Pada Tahun 1952


Duduk dari kanan: Haji Mahmud Sobri bin Ahmad, Abdul Manan (Kubang Pasu, Kota Bharu), Haji Wan Ismail bin Haji Wan Mahmud (Wakaf Siku, Kota Bharu, Tukang Jahit), Haji Wan Solleh Fathi bin Wan Isa (Kampung Laut, Tumpat, Guru di Maahad dan Tukang Khat), Haji Yusuf Zaki bin Haji Yaakub (Kampung Gajah Mati, Kota Bharu, Penulis, sekarang bergelar Dato'), dan Haji Muhd. Yusof bin Abu Bakar (Fangkaian Petah, Bachok, Pelajar).

Berdiri dari kanan: Haji Muhd. Syukri (Kota Bharu), Haji Yunus bin Haji Hussin (Kampung Laut, Tumpat), Haji Abdul Rahim bin Muhd. Zain (Air Laras, Tanah Merah), Haji Zakaria bin Haji Hassan (Tawang, Bachok, Bekas Imam Tawang), Haji Wan Ibrahim Fikri bin Umar (Wakaf Bharu, Tumpat, Guru), Haji Ibrahim bin Haji Hussin (Kampung Laut, Tumpat) dan Haji Abdulllah Yatim (Pasir Mas).



Anak-Anak Kelantan di Tanah Suci Pada Tahun 1953

Duduk dari kanan: Haji Wan Yusuf bin Wan Isa (Jalan Tengku Petra Semarak, Kota Bharu. Tukang Songkok), Syeikh Muhd. Daud bin Haji Sulaiman (asal dari Kelantan tetapi jadi rakyat Saudi. Guru di Masjidil Haram dan di Sekolah Kerajaan di Mekah), Syeikh Wan Abdul Rahim bin Wan Idris (Jalan Che' Su, Kota Bharu. Guru di Masjidil Haram dan Madrasah al-Falah, Mekah), dan Haji Nik Muhd. Solleh bin Nik Mat (Jalan Tok Semian, Kota Bharu. Kerani di Mahkamah Syariah, Kota Bharu). Berdiri dari kanan: Haji Ibrahim bin Haji Hussin (Kampung Laut, Tumpat. Peniaga Mas), Haji Harun bin Haji Yusuf (asal dari Padang Pak Amat. Pasir Puteh. Rakyat Saudi. Jadi Pegawai Imigrasi Saudi), Haji Muhd. Yusuf bin Abu Bakar (Pangkalan Petah, Bachok. Pelajar), Haji Ishak bin Haji Daud (Padang Bongor, Kota Bharu. Kerani di Pejabat Tanah Kota Bharu), dan Haji Yunus bin Haji Hussin (Kampung Laut, Tumpat. Guru Agama).



*Penuntut-Penuntut Melayu Kelantan Tingkatan Enam di Maktab Melayu (Malay College)
Kuala Kangsar, Perak, Pada Tahun 1955*


Duduk dari kanan: Zain bin Haji Abdul Karim (sekarang Professor), Y.M. Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd. Hamsah (bekas Menteri Kewangan Malaysia) dan Nik Abdul Halim bin Nik Yusof (bekas Pegawai Pertanian).

Berdiri dari kanan: Nik Badli Shah bin Dato' Nik Abdullah (sekarang Dato' dan bekas Pegawai PTD), Wan Sidik bin Wan Abdul Rahman (sekarang Tan Sri dan bekas Pegawai PTD), Kassim bin Ismail (bekas Pegawai Jabatan Hartwan), Rawi bin Abdul Rahman (bekas guru) dan Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh (sekarang Dato' dan bekas Pegawai PTD).



Tiga Beradek Keluarga Diraja Kelantan


Dari Kanan: Y.M. Tengku Muhammad bin Sultan Muhammad IV bergelar Tengku Kaya Perkasa, bekas Pegawai Perkhidmatan Awam Kelantan dan jawatan terakhir sebelum bersara ialah Pegawai Jajahan Pasir Puteh dan bekas Ahli Exco DUN Kelantan tahun 1959 - 1964 (mangkat tahun 1966); Y.M. Tengku Muhd. Yusuf bin Sultan Muhammad IV bergelar Tengku Laksamana, bekas Pegawai Perkhidmatan Awam Kelantan dan bekas Timbalan Penguasa Polis Negeri Kelantan (mangkat tahun 1959); dan Y.M. Tengku Mahmud bin Sultan Muhammad IV bergelar Tengku Kaya Pahlawan bekas Pegawai Perkhidmatan Awam Kelantan, bekas Yang Dipertua Kesatuan Melayu Kelantan dan bekas Pegawai Kastam di Kelantan, Pulau Pinang dan Sungai Petani (mangkat tahun 1984). Mereka bertiga pernah belajar di Maktab Melayu, Kuala Kangsar pada awal tahun 1930-an. Dalam gambar berpakaian Pembesar Negeri Kelantan dan bergambar pada tahun 1935.



Panggung wayang gambar "Sultanah" yang telah dibina pada tahun 1940, terletak di Jalan Tok Hakim, berhadapan dengan persimpangan Jalan Ismail, Kota Bharu (di sebelah barat bangunan Kilat Kelab, Tenaga Nasional Kota Bharu sekarang). Ia merupakan panggung wayang gambar yang ketiga di Kota Bharu selain daripada 'Lido' (dekat Jalan Haji Che Su) dan 'Empire' Jalan Tok Hakim. Ia telah ditrobohkan pada akhir tahun 1970-an.



Pemandangan 'Feri Jerteh' pada tahun 1950-an dari tebing barat Sungai Jerteh yang terletak tidak berapa jauh dari sempadan Kelantan/Terengganu. Feri semacam ini digunakan di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang di zaman sebelum tahun 1970 apabila penggunaan feri dimansuhkan dan digantikan dengan jambatan moden.




Istana Tengku Seri Akar yang terletak di Jalan Kota, Bandar Kota Bharu telah dibina kira-kira pada tahun 1880 dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad II atau Sultan Senik Mulut Merah (1839-1886), sebagai kurniaan baginda kepada cucundanya yang bernama Tengku Puteri atau Tengku Kembang yang berkahwin dengan Tengku Besar atau Tengku Timun, Raja Patani (1881-1890). Istana itu digelar Istana Tengku Seri Akar sejak dari tahun 1933 mengambil sempena gelaran yang diisytiharkan oleh Tengku Ahmad Zainal Abidin, yang mewarisi Istana itu daripada ayahandanya Tengku Abdul Kadir Kamaruddin Raja Patani yang terakhir iaitu cucunda Tengku Puteri atau Tengku Kembang. Setelah Tengku Seri Akar mangkat pada tahun 1953, beberapa tahun kemudian istana itu tidak lagi didiami orang dan terbiar dan akhirnya diroboh pada akhir tahun 1970-an. (Gambar ini dipercayai telah diambil pada awal tahun 1970-an).



Bahagian hadapan Istana Tengku Seri Akar dipandang dari sudut sebelah hulu halamannya. (Gambar dipercayai telah diambil pada akhir tahun 1970-an).

Biodata Penulis



ABDUL KADIR HAJI MUHAMMAD - Dilahirkan di Kampung Pek, Machang, Kelantan pada tahun 1944.

Menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah, Kampung Pek (1951-1957); kemudian belajar di Madrasah Wataniah, Machang (1958-1962); di Maahad Muhammadi, Kota Bharu (1963-1965); di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kota Bharu hingga mendapat Ijazah B.A.; membuat Post Graduate untuk Diploma Perpustakaan di Institut Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor (1978); melanjutkan pelajarannya di Universiti Azhar, Kaherah, Mesir (1982); dan melanjutkan lagi pelajarannya di Fakulti Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur hingga mendapat Ijazah Sarjana Syariah (1990).

Mempunyai pengalaman kerja yang berikut: Pegawai Perpustakaan di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri (1971 dan 1979-1981); dan Pensyarah di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya (sejak April 1991).

Pernah menulis dalam *Warta Johor*, *Pengasuh*, *Utusan Malaysia* dan *Jurnal Fakulti Syariah*, Akademi Islam, Universiti Malaya.

ABDUL RAZAK MAHMUD - Dilahirkan di Kampung Simpang Tiga, Mo'rak, Tumpat, Kelantan pada 13 April 1947.

Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Mo'rak (1953-1958); kemudian belajar di Madrasah Falahiah, Pasir Pekan, Tumpat (1959-1960); di Maahad Muhammadi, Kota Bharu (1961-1967); dan selepas lulus STPM menyambung pengajiannya di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (1974).

Mempunyai pengalaman kerja yang berikut: guru agama dan bahasa Arab di Madrasah Yaakubiah, Nipah, Bachok, Kelantan (1969-1972); Penggawa di daerah Beta, Kota Bharu (1973); Pembantu Penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1975-1977); guru bahasa dan sastera Melayu di Maahad Muhammadi, Kota Bharu (1978-1984); dan sejak dari 1 Januari 1985 bekerja sebagai Pegawai Tadbir Hal Ehwal Agama di Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan, Kota Bharu.

Selain dari majalah *Pengasuh* (Kota Bharu) tulisan-tulisan Abdul Razak Mahmud banyak tersiar di dalam majalah-majalah *Lembaga Alam Islam* (Singapura) *Al-Islam*, *Utusan Qiblat*, *Dakwah*, dan *Dewan Masyarakat* (Kuala Lumpur).

MOHAMAD ZAIN BIN MUSA - Dilahirkan di Phnom Penh, Kemboja pada 15 Oktober, 1951. Beliau ialah dari keturunan Melayu-Cam.

Pendidikan awalnya ialah di sekolah rendah Sangkom Ali Musa, Kompong Cam (1956-1961); di sekolah menengah Licence Sihanouk, Kompong Cam (1962-1969); dan di University of Phnom Penh dengan mendapat Licence es-sciences (Ijazah B.Sc.) (1970-1974). Kemudian

melanjutkan pengajiannya di Sorbonne University, Paris. Perancis dengan mendapat Diplome de l'Ecole Pratique des Hautes Etudes (EPHE) (M. Phil), IVe Section (Sciences Historiques et Philologiques) (1987-1990).

Pada bulan April 1975, menjelang kejatuhan Kemboja kepada Komunis (Khmer Rouge), Mohamad Zain bin Musa berserta beberapa orang keluarganya berhijrah ke Kelantan, melalui Thailand. Sekarang beliau adalah warganegara Malaysia.

Mempunyai pengalaman kerja seperti berikut: menjadi Pensyarah di ITM (Julai 1975 - Disember 1984); guru di Sekolah Perancis, Kuala Lumpur (Januari 1985 - September 1987); guru bahasa Perancis di ERNESCO, Center for the Motivational Language Learning, Kuala Lumpur (Mei 1986 - September 1987); guru bahasa Perancis di ELC, Secondary School, Kuala Lumpur (Januari 1987 - September 1987); dan sejak dari 20 Jun 1991 menjadi Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi.

Boleh bertutur, membaca dan menulis lima bahasa iaitu: bahasa Melayu, bahasa Cam, bahasa Khmer, bahasa Perancis dan bahasa Inggeris.

Sejak dari tahun 1991 telah menulis sejumlah rencana dan kertas kerja mengenai sejarah dan budaya Cam dan Campa dan ada di antaranya telah disiarkan dalam jurnal *JEBAT* (Jabatan Sejarah UKM), Jurnal Filologi Melayu (Perpustakaan Negara Malaysia) dan dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Dewan Bahasa dan Pustaka).

ISMAIL CHE DAUD - Dilahirkan di Kampung Meranti, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1947.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Umum Meranti (1954-1958); Special Malay Class di Sekolah Rendah Sultan Ibrahim, Pasir Mas (1958-1960); kemudian belajar pula di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, Pasir Mas (1961-1965) hingga lulus MCE/SPM dan pada tahun 1972 lulus STPM.

Mempunyai pengalaman yang berikut: Kerani di Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra, Kuala Krai (1967-1969); Pegawai Kerani Pertahanan di Markas PPT Kelantan (1969-1977); di Kem Pengkalan Chepa (1977-1980); Pegawai Kerani Kanan Pertahanan di Sekolah Trafik/Bomba Udara, TUDM, Kuantan, Pahang (1980); Pegawai Kerani di Jabatan Pertanian (1980-1989); dan kemudian di Perbendaharaan Negeri di Kota Darulnaim, Kota Bharu sejak pertengahan tahun 1989.

Meminati sejarah sejak di bangku sekolah lagi. Gemar menjelajah kampung-kampung mencari bahan (bertulis dan lisan) sejak dari awal tahun 1970-an. Seorang penulis yang gigih dan terperinci tulisannya. Telah menulis beberapa rencana dalam pelbagai majalah dan akhbar, di antaranya: majalah *Dian*, *Pengetahuan*, *Pengasuh*, *Peristiwa* (Kota Bharu) dan *Fajar Islam*.

DRS. ABDUL RAHMAN AL-AHMADI (ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMED) - Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada 11 Mac 1931.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pasir Mas (1938-1941); dan di Madrasah Jame' al-Isma'ili (Sekolah Arab Jame'), Kota Bharu (1942-1946). Kemudian melanjutkan pengajiannya di Sekolah Menengah Pertama, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia (1947); di Sekolah Menengah Atas, Jakarta, Indonesia (1950); selepas itu memasuki Universitas Gajah Mada, Yogyakarta dan mendapat Ijazah Doktorandus (Drs.) dalam jurusan Hubungan Antarabangsa (1961); belajar pula di Universiti Malaya, Kuala Lumpur untuk Ijazah Sarjana dalam jurusan sejarah (1978); dan akhir sekali mengikuti kuliah PH.D di l'Ecole des Hautes Etudes en Science Sociales, Paris, Perancis (1980-1981) atas biasiswa Kerajaan Perancis.

Mempunyai pengalaman kerja seperti berikut: Pengarang majalah *Dian* penerbitan Pustaka Dian Press, Kota Bharu (1964-1969); mengajar di Institut Pendidikan Kota Bharu, memberi kuliah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kota Bharu, dan menjadi Pengetua Maktab Adabi, Kota Bharu (1971-1972); dan pensyarah sambilan di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur (1976-1978). Sementara itu sejak dari Jun 1975 berkhidmat sebagai Ketua Unit Ensiklopedia Budaya, Cawangan Penyelidikan, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada tahun 1984 beliau telah menerima biasiswa UNESCO untuk membuat kajian mengenai manuskrip Melayu di negeri Belanda bersama dengan Tuan Haji Wan Ali bin Haji Wan Mamat (dari Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia) (25 Disember 1984 hingga 25 Mac 1985) di Royal Institute of Linguistics and Anthropology University of Leiden dan Arkib Nasional Belanda di Amsterdam, negeri Belanda. Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi bersara dari Perkhidmatan Kerajaan pada 15 April 1992.

Telah menerbitkan beberapa buah buku mengenai sastera, budaya, Islam dan sejarah dan budaya Campa (1966-1990) dan juga menulis banyak rencana berkaitan dengan aspek-aspek sejarah, agama, sastera, falsafah, kebudayaan dan politik yang disiarkan dalam beberapa majalah seperti *Dian* (Kota Bharu) dan lain-lain di Jakarta, Yogyakarta dan Paris. Telah menyediakan kira-kira 50 kertas kerja yang dibentangkan di Seminar-seminar dalam negeri dan juga luar negeri. Selain dari itu beliau juga seorang penterjemah yang aktif dari bahasa Inggeris dan Perancis ke bahasa Melayu. Telah menyiapkan sejumlah rencana untuk Ensiklopedia Budaya Melayu yang diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1984-1986). Sejumlah lima buah karyanya telahpun diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan Perancis.

HAJI SALLEH MOHD. AKIB - Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1933.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Bunut Susu, Wakaf Baru, Pasir Mas. Kemudian melanjutkan pelajarannya di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak (1950-1953), di Language Institute/ Institut Bahasa, Kuala Lumpur (1960) dan mengambil Kursus Pengajian Melayu dan Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (1969-1971). Bersara dari perkhidmatan Kerajaan pada bulan Disember 1990.

Pengalaman kerjanya ialah: menjadi guru (1954-1959); Guru Bahasa Melayu di Sekolah Chung Hwa, Kota Bharu (1960-1964); Guru Besar, Sekolah Menengah Kubang Kerian, Kota Bharu (1965-1972); Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Kelantan (1973-1986); Pengerusi Majlis Pengakap Negeri Kelantan (1976-sekarang); Pengarah Yayasan Islam Kelantan (1987-1990); ahli Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (1979-1990); Timbalan Yang DiPertua, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Kelantan (1984-1987); dan ahli Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, mewakili Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Kelantan (1990-sekarang).

